

# PROSPEKTUS INDUK

**OneETF**  
Exchange Traded Fund  
by kenanga

## KENANGA KLCI DAILY 2X LEVERAGED ETF

(DANA DIDAGANG PADA BURSA YANG DIWUJUDKAN DAN DITUBUHKAN DI MALAYSIA PADA 4 SEPTEMBER 2019)

## KENANGA KLCI DAILY (-1X) INVERSE ETF

(DANA DIDAGANG PADA BURSA YANG DIWUJUDKAN DAN DITUBUHKAN DI MALAYSIA PADA 4 SEPTEMBER 2019)

### PROSPEKTUS INDUK BERHUBUNG DENGAN PENAWARAN:

- (1) SEHINGGA 1,000,000,000 UNIT KENANGA KLCI DAILY 2x LEVERAGED ETF PADA HARGA TERBITAN AWAL SEBANYAK MYR 2.00 SEUNIT;  
DAN  
(2) SEHINGGA 1,000,000,000 UNIT KENANGA KLCI DAILY (-1x) INVERSE ETF PADA HARGA TERBITAN AWAL SEBANYAK MYR 2.00 SEUNIT  
SELAAS DENGAN PENYENARAIAN UNIT-UNIT PADA PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") telah meluluskan penyenaraian atau sebut harga Unit-unit daripada Kenanga KLCI Daily 2x Leveraged ETF dan Kenanga KLCI Daily (-1x) Inverse ETF (secara kolektif "Dana") pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan salinan Prospektus Induk ini telah didaftarkan oleh SC.

Kelulusan, dan pendaftaran Prospektus Induk ini, tidak boleh diambil sebagai petunjuk bahawa SC mengesyorkan Dana atau akan bertanggungjawab bagi ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat, pandangan yang dinyatakan atau laporan yang terkandung dalam Prospektus Induk ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak, dalam apa-apa cara, menimbangkan merit-merit sekuriti yang ditawarkan untuk pelaburan.

SC tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa ketidakdedahan di pihak syarikat pengurusan yang bertanggungjawab bagi Dana dan tidak akan bertanggungjawab bagi kandungan Prospektus Induk ini, tidak membuat representasi berhubung dengan ketepatan atau kecukupannya, dan secara nyata menafikan sebarang liabiliti bagi apa-apa kerugian yang anda mungkin alami timbul daripada atau dalam bergantung ke atas keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungan Prospektus Induk ini.

Kemasukan ke Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Berhad tidak boleh diambil sebagai petunjuk merit-merit penawaran, Dana atau Unit-unit Dana.

### PROSPEKTUS INDUKINI BERTARIKH 20 DISEMBER 2019

#### Pengurus

**kenanga**

Kenanga Investors

Kenanga Investors Berhad  
199501024358 (353563-P)

#### Pemegang Amanah

**RHB**

RHB Trustees Berhad  
200201005356 (573019-U)

#### Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Pembuat Pasaran

**kenanga**

Kenanga Investment Bank Berhad  
197301002193 (15678-H)

#### Ejen Penempatan

**kenanga**

Kenanga Investment Bank Berhad  
197301002193 (15678-H)

### PENASIHAT TEKNIKAL

Yuanta Securities Investment Trust Co., Ltd. (86384477)

PELABUR-PELABUR ADALAH DINASIHATKAN UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN PROSPEKTUS INDUK. SEKIRANYA RAGU-RAGU, SILA MINTA NASIHAT PENASIHAT PROFESIONAL.

UNTUK MAKLUMAT BERHUBUNG DENGAN FAKTOR-FAKTOR RISIKO YANG HARUS DIPERTIMBANGKAN OLEH BAKAL-BAKAL PELABUR, LIHAT "FAKTOR-FAKTOR RISIKO" BERMULA PADA MUKA SURAT 16.



## **PENYATA TANGGUNGJAWAB**

Para pengarah Kenanga Investors Berhad telah melihat dan meluluskan Prospektus Induk ini. Mereka secara kolektif dan individu menerima tanggungjawab penuh bagi ketepatan maklumat. Selepas membuat semua pertanyaan yang munasabah, dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka, mereka mengesahkan bahawa tidak ada kenyataan palsu atau mengelirukan atau fakta-fakta lain yang sekiranya tertinggal, akan menjadikan mana-mana kenyataan dalam Prospektus Induk ini palsu atau mengelirukan.

Kenanga Investment Bank Berhad, merupakan Ejen Penempatan, mengakui bahawa, berdasarkan semua maklumat yang tersedia dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaiknya, Prospektus Induk ini membentuk pendedahan penuh dan benar akan semua fakta material berhubung dengan penawaran awam.

## **PENYATA TAMBAHAN**

Pelabur-pelabur harus mengambil perhatian bahawa mereka boleh mendapatkan rekursa di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 bagi pelanggaran undang-undang dan peraturan sekuriti termasuk apa-apa kenyataan dalam Prospektus Induk ini yang adalah palsu, mengelirukan, atau daripada mana terdapat peninggalan material; atau bagi apa-apa tindakan yang mengelirukan atau mengabui berhubung dengan Prospektus Induk ini atau tindakan mana-mana orang lain berhubung dengan Dana.

## PROSPEKTUS INDUK ELEKTRONIK

Kandungan salinan elektronik Prospektus Induk ini dan salinan Prospektus Induk ini yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia adalah yang sama. Bakal-bakal pelabur boleh mendapatkan salinan Prospektus Induk Elektronik daripada laman web Dana di [www.oneetf.com.my](http://www.oneetf.com.my).

Internet bukan medium yang dijamin selamat sepenuhnya. Sekiranya pelabur-pelabur meragui keesahan atau integriti Prospektus Induk Elektronik, pelabur-pelabur hendaklah dengan segera meminta daripada Pengurus salinan kertas atau bercetak Prospektus Induk ini. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara kandungan Prospektus Induk Elektronik dan salinan kertas atau bercetak Prospektus Induk ini, kandungan salinan kertas atau bercetak Prospektus Induk yang didaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia akan dianggap sebagai versi rujukan mengatasi versi elektronik.

Berhubung dengan sebarang rujukan dalam Prospektus Induk ini kepada laman internet pihak ketiga (dirujukkan sebagai "**Laman Internet Pihak Ketiga**"), sama ada melalui pautan hiper atau melalui penerangan Laman Internet Pihak Ketiga, pelabur-pelabur mengakui dan bersetuju bahawa:

- (i) setiap daripada Pengurus, Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Ejen Penempatan tidak mengendorskan dan tidak digabungkan dalam apa-apa cara dengan Laman Internet Pihak Ketiga. Selaras dengan itu, setiap daripada Pengurus, Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Ejen Penempatan tidak akan bertanggungjawab bagi ketersediaan, atau kandungan mana-mana data, fail atau bahan lain yang disediakan pada Laman Internet Pihak Ketiga. Pelabur-pelabur hendaklah menanggung kesemua risiko yang dikaitkan dengan akses kepada atau penggunaan Laman Internet Pihak Ketiga;
- (ii) setiap daripada Pengurus, Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Ejen Penempatan tidak akan bertanggungjawab bagi kualiti produk atau perkhidmatan Laman Internet Pihak Ketiga, khususnya dalam memenuhi mana-mana terma perjanjian dengan Laman Internet Pihak Ketiga. Setiap daripada Pengurus, Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Ejen Penempatan tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kehilangan atau kerugian atau kos yang pelabur-pelabur mungkin alami atau tanggungi berhubung dengan atau akibat daripada berurusan dengan Laman Internet Pihak Ketiga atau penggunaan atau kebergantungan pada mana-mana data, fail atau bahan lain yang disediakan oleh pihak-pihak tersebut; dan
- (iii) apa-apa data, fail atau bahan lain yang dimuat turun daripada Laman Internet Pihak Ketiga dibuat atas budi bicara dan risiko pelabur-pelabur itu sendiri. Setiap Pengurus, Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Ejen Penempatan tidak akan bertanggungjawab, menanggung liabiliti atau berada di bawah apa-apa obligasi bagi apa-apa kerosakan kepada sistem komputer pelabur-pelabur atau kehilangan data akibat daripada muat turun mana-mana data, maklumat, fail atau bahan lain.

Di mana Prospektus Induk Elektronik dihoskan pada laman web Dana (iaitu [www.oneetf.com.my](http://www.oneetf.com.my)), pelabur-pelabur adalah dinasihatkan bahawa:

- (i) Pengurus hanya bertanggungjawab berhubung dengan integriti kandungan Prospektus Induk Elektronik setakat kandungan Prospektus Induk Elektronik terdapat pada pelayan web Kenanga Investors Berhad yang boleh dilihat melalui penyemak seimbang web pelabur-pelabur atau perisian lain yang berkaitan. Pengurus tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa cara bagi integriti kandungan Prospektus Induk Elektronik yang telah diperoleh daripada pelayan web Kenanga Investors Berhad dan kemudiannya disampaikan atau disebarluaskan dalam apa-apa cara kepada pelabur-pelabur atau pihak-pihak lain; dan
- (ii) manakala semua langkah munasabah telah diambil untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat yang disediakan dalam Prospektus Induk Elektronik, ketepatan dan kebolehpercayaan Prospektus Induk Elektronik tidak boleh dijamin memandangkan internet bukan medium yang dijamin selamat sepenuhnya.

Pengurus tidak akan dipertanggungjawab (sama ada dalam *tort* atau kontrak atau sebaliknya) bagi sebarang kehilangan, kerugian, atau kos apa sekalipun yang dialami atau ditanggung oleh pelabur-pelabur atau mana-mana orang lain disebabkan oleh, akibat daripada atau berhubung dengan mana-mana ketidaktepatan, perubahan, pengubahan, pemotongan atau peninggalan berkaitan dengan maklumat yang

disediakan dalam Prospektus Induk Elektronik yang mungkin timbul berhubung dengan atau akibat mana-mana kesilapan dengan penyemak seimbang web atau lain-lain perisian berkaitan, apa-apa kesilapan pada komputer peribadi pelabur-pelabur atau mana-mana pihak ketiga, sistem kendalian atau perisian lain, virus atau ancaman keselamatan lain, akses kepada maklumat atau sistem yang tidak dibenarkan masing-masing berkaitan dengan laman web Kenanga Investors Berhad, dan/atau masalah yang terjadi semasa transmisi data yang mungkin mengakibatkan dalam salinan maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap dimuat turun atau dipaparkan pada komputer peribadi pelabur-pelabur.

## PENYATA PENEDEDAHAN PELESENAN DAN SYARAT-SYARAT

Berikut adalah pernyata-pernyata yang diperlukan untuk didedahkan dalam Prospektus Induk ini di bawah Perjanjian Lesen yang ditandatangani di antara FTSE International Limited dan Pengurus bertarikh 1 Ogos 2018 dan apa-apa syarat pelesenan bagi menggunakan penanda aras, termasuk pelan kontigensi dalam hal pemberhentian ketersediaan penanda aras.

PEMBERI LESEN (DAN RAKAN KONGSI INDEKS BERKAITANNYA) SEKIRANYA KONTRAK PERKHIDMATAN BERKAIT DENGAN INDEKS RAKAN KONGSI) TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB DI BAWAH ATAU BERHUBUNG DENGAN KONTRAK PERKHIDMATAN KEPADA PEMEGANG LESEN ATAU MANA-MANA ORANG LAIN ATAU ENTITI SAMA ADA DALAM WARANTI, KONTRAK, TORT ATAU SEBALIKNYA (TERMASUK, TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA, LIABILITI UNTUK APA-APA PERBUATAN CUAI ATAU PENINGGALAN) BAGI:

- (a) KEHILANGAN KEUNTUNGAN;
- (b) KEHILANGAN JUALAN, HASIL ATAU PENJIMATAN YANG DIJANGKA;
- (c) KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN KEPADA MUHIBAH ATAU REPUTASI;
- (d) KEHILANGAN PELUANG ATAU PEMBAZIRAN PERBELANJAAN;
- (e) KERUGIAN YANG DISEBABKAN OLEH APA-APA TINDAKAN ATAU PENINGGALAN OLEH PENYEDIA MAKLUMAT;
- (f) KEHILANGAN DATA ATAU KERUGIAN PENGGUNAAN KERUGIAN;
- (g) KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN TIMBUL DARIPADA APA-APA TUNTUTAN YANG DIBUAT, ATAU KERUGIAN YANG DITANGGUNG, OLEH KLIEN ATAU PELANGGAN PEMEGANG LESEN;
- (h) KERUGIAN NILAI DALAM ATAU KERUGIAN YANG BERKAITAN DENGAN SEBARANG PRODUK YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI SEBARANG INDEKS PEMBERI LESEN ATAU DATA; ATAU
- (i) APA-APA GANTI RUGI SECARA TIDAK LANGSUNG, SAMPINGAN, BERBANGKIT ATAU KERUGIAN KHAS, KOS, CAJ, PERBELANJAAN ATAU GANTI RUGI.

SEHINGGA TAHAP YANG DIBENARKAN SEPENUHNYA OLEH UNDANG-UNDANG, PERKHIDMATAN ADALAH DISEDIAKAN OLEH PEMBERI LESEN DI BAWAH KONTRAK PERKHIDMATAN ATAS DASAR "MENGIKUT KEADAAN" DAN PEMBERI LESEN TIDAK MEMBUAT WARANTI SEBARANG JENIS, SAMA ADA SECARA NYATA, TERSIRAT, BERKANUN ATAU SEBALIKNYA, DAN PEMBERI LESEN KHUSUS MENGIKUT SEMUA WARANTI TERSIRAT, TERMASUK SEBARANG WARANTI KEBOLEHAN DINIAGA, KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU, HAK MILIK YANG BAIK, KUALITI MEMUASKAN DAN TIDAK ADA PELANGGARAN TERHADAP MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG TERPAKAI. PEMBERI LESEN TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PEMEGANG LESEN ATAU MANA-MANA PENGGUNA AKHIR PEMEGANG LESEN JIKA SEKIRANYA MANA-MANA PERKHIDMATAN ADALAH TERGANGGU, DIUBAH ATAU MENJADI TIDAK BOLEH DIDAPATI ATAS SEBARANG ALASAN. LANJUTAN KEPADA YANG DI ATAS, KECUALI SEBAGAIMANA DIKEMUKAKAN SECARA NYATA DI SINI, PEMBERI LESEN TIDAK MEMBERI WARANTI BAHWA PERKHIDMATAN AKAN MEMENUHI KEPERLUAN KHUSUS PEMEGANG LESEN, MENCAPAI HASIL PEMASARAN TERTENTU ATAU HASIL PERNIAGAAN LAIN, TIADA KESILAPAN, LENGKAP ATAU AKAN DISEDIAKAN TEPAT PADA MASA ATAU BAHWA PERKHIDMATAN PEMBERI LESEN TIDAK MUDAH TERDEDAH KEPADA PENCEROBOHAN, SERANGAN ATAU JANGKITAN VIRUS KOMPUTER.

TIDAK TERMASUK PEMUNGKIRAN DISENGAJAKAN OLEH PEMEGANG LESEN, TIDAK DALAM APA-APA KEADAAN AGREGAT LIABILITI PEMEGANG LESEN, KUMPULAN SYARIKATNYA, PEGAWAI, KAKITANGAN, KONTRAKTOR ATAU ANAK-ANAK SYARIKATNYA DALAM KONTRAK, TORT (SAMA LIABILITI YANG TIMBUL DISEBABKAN PELANGGARAN TUGAS ATAU KECUAIAN), SALAH NYATA, RESTITUSI, ATAU SEBALIKNYA, DI BAWAH ATAU BERHUBUNG DENGAN KONTRAK PERKHIDMATAN MELEBIHI JUMLAH YANG DITERIMA OLEH PEMBERI LESEN DARIPADA PEMEGANG LESEN SEPANJANG TEMPOH DUA BELAS (12) BULAN SEBAIK SAHAJA SEBELUM BULAN DALAM MANA TUNTUTAN TIMBUL (DENGAN SYARAT BAHWA, SEKIRANYA LEBIH DARIPADA SATU TUNTUTAN TIMBUL DARIPADA PERISTIWA ATAU SIRI PERISTIWA YANG SAMA, MAKA SEMUA TUNTUTAN

TERSEBUT AKAN DIANGGAP SEBAGAI SATU TUNTUTAN, TIMBUL PADA TARikh BILA MANA YANG PERTAMA TUNTUTAN BERKAITAN TERSEBUT TIMBUL). TANPA MENGAMBIL KIRA YANG DI ATAS, ATAU SEBARANG PERUNTUKAN LAIN YANG BERTENTANGAN, AGREGAT LIABILITI PEMBERI LESEN BERHUBUNG DENGAN KONTRAK PERKHIDMATAN TIDAK BOLEH MELEBIHI PURATA AGREGAT JUMLAH YANG DITERIMA OLEH PEMBERI LESEN DALAM SEMUA TEMPOH TERDAHULU (SEKIRANYA ADA) DARIPADA DUA BELAS (12) BULAN BERTURUT-TURUT YANG AKAN BERAKHIR PADA HARI SEBELUM ULANG TAHUN TARikh PERMULAAN.

Sila rujuk kepada Seksyen 3.3 serta seksyen bertajuk “Risiko Berkaitan dengan Penanda Aras” dalam Seksyen 2.2.1 dan 2.2.2 bagi maklumat lanjut mengenai Penanda Aras.

# JADUAL KANDUNGAN

<b>SINGKATAN / DEFINISI.....</b>	<b>1</b>
<b>JADUAL WAKTU INDIKATIF.....</b>	<b>7</b>
<b>PANDUAN KORPORAT.....</b>	<b>8</b>
<b>KELULUSAN DAN SYARAT-SYARAT .....</b>	<b>10</b>
<b>1. DANA UTAMA.....</b>	<b>11</b>
1.1 Dana.....	11
1.2 Yuran, Caj dan Perbelanjaan.....	14
1.3 Lain-lain Maklumat.....	15
1.4 Tempat bagi Mendapat Nasihat.....	15
<b>2. FAKTOR-FAKTOR RISIKO .....</b>	<b>16</b>
2.1 Risiko Am Melabur dalam ETF .....	16
2.2 Risiko-risiko Khusus Pelaburan dalam Dana.....	18
2.2.1 Risiko-risiko Khusus Pelaburan dalam Kenanga KLCI Daily 2x Leveraged ETF .....	18
2.2.2 Risiko Khusus Melabur dalam Kenanga KLCI Daily (-1x) Inverse ETF .....	22
<b>3. MENGENAI DANA .....</b>	<b>26</b>
3.1 Kenanga KLCI Daily 2x Leveraged ETF .....	26
3.1.1 Objektif Pelaburan .....	26
3.1.2 Profil Pelabur .....	26
3.1.3 Peruntukan Aset .....	26
3.1.4 Strategi Pelaburan.....	26
3.1.5 Polisi mengenai Mengimbangi Semula Portfolio Pelaburan .....	27
3.1.6 Perbandingan Di Antara Dana, Indeks Mendasari dan Penanda Aras bagi Tempoh Lebih Panjang Daripada Satu Hari (iaitu Perbandingan Prestasi Mata ke Mata) .....	27
3.2 Kenanga KLCI Daily (-1x) Inverse ETF .....	32
3.2.1 Objektif Pelaburan .....	32
3.2.2 Profil Pelabur .....	32
3.2.3 Peruntukan Aset .....	33
3.2.4 Strategi Pelaburan.....	33
3.2.5 Polisi mengenai Mengimbangi Semula Portfolio Pelaburan .....	33
3.2.6 Perbandingan Di Antara Dana, Indeks Mendasari dan Penanda Aras bagi Tempoh Lebih Panjang Daripada Satu Hari (iaitu Perbandingan Prestasi Mata ke Mata) .....	34
3.3 Penanda Aras .....	39
3.4 Kesilapan Penjejakan & Strategi untuk Meminimumkan Kesilapan Penjejakan .....	41
3.5 Strategi & Teknik Pengurusan Risiko .....	41
3.6 Pelaburan yang Dibenarkan & Sekatan Pelaburan .....	42
3.7 Pemberian Pinjaman & Peminjaman Sekuriti .....	43
3.8 Polisi Pengagihan .....	43
3.9 Penilaian Aset-aset Dana .....	44
3.10 Masa Penilaian bagi Dana .....	44
3.11 Penyenaraian Dana .....	44
<b>4. YURAN &amp; CAJ .....</b>	<b>46</b>
4.1 Caj secara langsung ditanggung oleh pelabur .....	46
4.1.1 Caj bagi Pembentukan dan Penebusan Unit-unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian .....	46

4.1.2	Caj bagi Membeli dan Menjual Unit-unit pada Bursa Securities .....	46
4.2	Yuran dan perbelanjaan secara tidak langsung ditanggung oleh pelabur .....	47
4.3	Kos Penubuhan Dana.....	47
4.4	Perbelanjaan Dibenarkan .....	47
4.5	Polisi mengenai Rebat dan Komisen Ringan .....	48
<b>5.</b>	<b>MAKLUMAT URUS NIAGA .....</b>	<b>50</b>
5.1	Permohonan bagi Pembelian dan Jualan Unit-unit .....	50
5.1.1	Sebelum Penyenaraian .....	50
5.1.2	Selepas Penyenaraian .....	50
5.1.3	Pelabur dan Peniaga yang Mengambil Bahagian .....	50
5.2	Prosedur bagi Permohonan dan Penerimaan Langganan Awal .....	51
5.3	Prosedur bagi Pembentukan dan Penebusan Unit-unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian (pasaran utama).....	52
5.3.1	Prosedur bagi Pembentukan Tunai.....	52
5.3.2	Peruntukan terpakai bagi Pembentukan Tunai .....	53
5.3.3	Prosedur bagi Penebusan Tunai.....	54
5.3.4	Peruntukan terpakai bagi Penebusan Tunai .....	54
5.4	Pengiraan NAV .....	55
5.5	Pengiraan Harga Terbitan dan Harga Penebusan .....	56
5.6	IOPV.....	56
5.7	Mendapatkan maklumat mengenai NAV dan IOPV setiap Unit .....	56
5.8	Dagangan Unit-unit di Bursa Securities (pasaran sekunder) .....	56
5.9	Harga Dagangan Unit .....	57
5.10	Pembuat Pasaran .....	57
<b>6.</b>	<b>TERMA-TERMA PENTING SURAT IKATAN .....</b>	<b>58</b>
6.1	Hak Pemegang Unit.....	58
6.2	Liabiliti dan batasan Pemegang Unit .....	58
6.2.1	Liabiliti.....	58
6.2.2	Batasan .....	58
6.3	Yuran dan caj maksimum yang dibenarkan oleh Surat Ikatan .....	59
6.4	Perbelanjaan yang dibenarkan oleh Surat Ikatan.....	60
6.5	Persaraan Pengurus .....	61
6.6	Kuasa Pemegang Amanah untuk memecat atau mengganti Pengurus.....	61
6.7	Persaraan Pemegang Amanah .....	62
6.8	Kuasa Pengurus untuk memecat atau mengganti Pemegang Amanah.....	63
6.9	Penamatan Dana .....	63
6.10	Mesyuarat Pemegang Unit .....	64
<b>7.</b>	<b>MENGENAI PENGURUS .....</b>	<b>66</b>
7.1	Maklumat Korporat.....	66
7.2	Lembaga Pengarah .....	66
7.3	Personel Penting & Pengurus Dana Yang Dilantik.....	69
7.4	Peranan, Tugas dan Tanggungjawab Pengurus .....	70
7.5	Litigasi dan Timbang Tara Material .....	71
7.6	Kontrak Material.....	71

7.7	Pemegangan Unit Langsung dan Tidak Langsung dalam Dana .....	71
7.8	Penasihat Teknikal.....	71
<b>8.</b>	<b>MENGENAI PEMEGANG AMANAH .....</b>	<b>73</b>
8.1	Maklumat Korporat dan Pengalaman sebagai Pemegang Amanah .....	73
8.2	Tugas dan Tanggungjawab .....	73
8.3	Litigasi dan Timbang Tara Material .....	73
8.4	Penyata Tanggungjawab Pemegang Amanah .....	73
<b>9.</b>	<b>URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN.....</b>	<b>74</b>
9.1	Urus Niaga Pihak Berkaitan Sedia Ada dan Berpotensi.....	74
9.1.1	Pengurus .....	74
9.1.2	Pemegang Amanah.....	74
9.2	Percanggahan Kepentingan .....	74
9.3	Polisi-polisi mengenai Berurusan dengan Keadaan Percanggahan Kepentingan .....	74
9.3.1	Pengurus .....	74
9.3.2	Pemegang Amanah.....	75
9.4	Butir-butir mengenai Kepentingan Langsung dan Tidak Langsung para Pengarah Pengurus dalam Syarikat-syarikat Lain yang Menjalankan Perniagaan yang Serupa .....	75
9.5	Butir-butir mengenai Kepentingan Langsung dan Tidak Langsung Pemegang Saham Utama Pengurus dalam Syarikat-syarikat Lain yang Menjalankan Perniagaan yang Serupa .....	75
9.6	Perisytiharan Percanggahan Kepentingan pada LPD .....	75
<b>10.</b>	<b>PERCUKAIAN .....</b>	<b>77</b>
<b>11.</b>	<b>MAKLUMAT BERKENAAN .....</b>	<b>87</b>
11.1	Mengikut perkembangan dengan pembangunan Dana .....	87
11.2	Perjanjian Material .....	87
11.3	Tempat bagi Mendapat Nasihat.....	88
11.4	Dokumen untuk Pemeriksaan.....	88
11.5	Persetujuan .....	88

## SINGKATAN / DEFINISI

Dalam Prospektus Induk ini, melainkan konteks memerlukan di sebaliknya, perkataan-perkataan dan singkatan-singkatan berikut akan mempunyai maksud berikut:-

- Selepas Penyenaraian : Tempoh yang bermula pada Tarikh Penyenaraian dan berterusan sehingga Dana ditamatkan.
- Permohonan : Permohonan Pembentukan dan/atau Permohonan Penebusan, mengikut keadaan.
- Yuran Pembatalan Permohonan : Yuran yang boleh, mengikut budi bicara Pengurus, dikenakan oleh dan perlu dibayar kepada Pengurus atas pembatalan setiap Permohonan.
- Penanda Aras : (i) Berhubung dengan Kenanga KLCI Daily 2x Leveraged ETF, FTSE Bursa Malaysia KLCI 2x Daily Leveraged (Price) Index; dan  
(ii) Berhubung dengan Kenanga KLCI Daily (-1x)Inverse ETF, FTSE Bursa Malaysia KLCI Daily Short (Price) Index;  
(atau nama lain tertentu melalui mana indeks mungkin dikenali) disediakan oleh Pemberi Lesen Indeks atau indeks penggantian tertentu sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengurus selaras dengan Surat Ikatan setiap Dana dan sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 3.3 Prospektus Induk ini.
- Nota: Penanda Aras bagi Kenanga KLCI Daily 2x Leveraged ETF direka untuk menyediakan 2x pulangan Indeks Mendasari manakala Penanda Aras untuk Kenanga KLCI Daily (-1x) Inverse ETF direka untuk menyediakan -1x pulangan Indeks Mendasari.*
- Bursa Depository : Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd (165570-W).
- Bursa Securities : Bursa Malaysia Securities Berhad (635998-W).
- Hari(hari-hari) Perniagaan : Hari (selain daripada hari Sabtu, Ahad atau cuti umum di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) di mana: (i) Bursa Sekuriti dibuka untuk dagangan sekuriti, (ii) Bursa Berkenaan di mana Dana yang dilaburkan di dalamnya dibuka untuk dagangan, (iii) Indeks Mendasari dan Penanda Aras disusun dan disiarkan, atau mana-mana hari lain sebagaimana mungkin dipersetujui di antara Pengurus dan Pemegang Amanah dari masa ke masa.
- Pengurus boleh mengisyiharkan Hari Perniagaan tertentu sebagai Hari bukan Perniagaan apabila Bursa Berkenaan di mana Dana masing-masing dilaburkan ditutup bagi perdagangan tetapi tidak termasuk hari bila mana peristiwa *force majeure* berlaku atau berterusan.
- Pembentukan Tunai : Pembentukan Unit-unit dalam Blok(blok-blok) Unit Pembentukan sebagai tukaran bagi Jumlah Langganan yang diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian.
- Penebusan Tunai : Penebusan Unit-unit sedia ada dalam Blok(blok-blok) Unit Penebusan yang diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian sebagai tukaran bagi Jumlah Penebusan.
- CDS : Sistem Depositori Pusat.
- Akaun CDS : Akaun yang diwujudkan di Bursa Depository untuk merekodkan deposit sekuriti dan bagi urus niaga dalam sekuriti-sekuriti tersebut oleh pendeposit.
- Akta Depositori Pusat : Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.
- CMSA : Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 sebagaimana mungkin dipinda

	dari masa ke masa
hubung kait	: Ukuran bagaimana NAV Dana bergerak berhubung dengan Penanda Aras. Sekiranya NAV Dana bergerak arah yang sama dengan Penanda Aras, ia akan menunjukkan hubung kait yang sempurna atau 100% hubung kait. Jika NAV Dana tidak bergerak ke arah yang sama dengan Penanda Aras, hubung kait adalah antara 100% dan -100%. Sekiranya NAV Dana bergerak ke arah yang betul-betul bertentangan dengan Penanda Aras, hubung kait adalah -100%.
Permohonan Pembentukan	: Permohonan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian (selaras dengan terma-terma Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian) kepada Pengurus bagi pembentukan Unit-unit baru dalam Blok Unit Pembentukan (atau gandaan keseluruhannya).
Yuran Permohonan Pembentukan	: Yuran yang mungkin dikenakan oleh Pengurus kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian ke atas setiap Permohonan Pembentukan selain daripada Kos Urus Niaga.
Tarikh Pembentukan	: Hari Perniagaan berikutnya selepas Tarikh Perdagangan bila mana Permohonan Pembentukan bagi Unit-unit tersebut diterima atau dianggap diterima atau hari lain tertentu sebagaimana mungkin dipersetujui di antara Pengurus dan Pemegang Amanah (sama ada atas dasar am atau kes demi kes) dan dimaklumkan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian bila mana Unit-unit akan dibentuk.
Blok Unit Pembentukan	: Kuantiti Unit-unit yang akan diterbitkan atas Permohonan Pembentukan yang berjaya berhubung dengan Jumlah Langganan.  Saiz Blok Unit Pembentukan mungkin berubah dari masa ke masa sebagaimana ditentukan oleh Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah dan dimaklumkan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian.
Kustodian	: Kustodian Aset Dana sebagaimana mungkin dilantik oleh Pemegang Amanah.
Tarikh Akhir Urus Niaga	: Bagi tujuan Permohonan(Permohonan-permohonan) Pembentukan dan/atau Permohonan(Permohonan-permohonan) Penebusan, masa tertentu pada mana-mana Hari Perniagaan tertentu sebagaimana Pengurus mungkin, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, dari masa ke masa tentukan dan memaklumkan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian.
Surat Ikatan	: (i) Berhubung dengan Kenanga KLCI Daily 2x Leveraged ETF, surat ikatan bertarikh 4 September 2019 di antara Pemegang Amanah dan Pengurus yang membentuk Dana; dan (ii) Berhubung dengan Kenanga KLCI Daily (-1x) Inverse ETF, surat ikatan bertarikh 4 September 2019 di antara Pemegang Amanah dan Pengurus yang membentuk Dana,  sebagaimana dipinda, diubahsuai atau ditambah dari masa ke masa selaras dengan peruntukan yang terkandung di dalamnya dan akan termasuk apa-apa tambahan kepadanya yang disempurnakan selaras dengan peruntukannya, Surat Ikatan bermaksud mana-mana satu Surat Ikatan
Prospektus Induk Elektronik	: Salinan Prospektus Induk ini yang dikeluarkan, diedarkan atau disebarluaskan melalui Internet, dan/atau medium penstoran elektronik, termasuk tetapi tidak terhad kepada CD-ROM
ETF	: Dana didagang pada Bursa.
Garis Panduan ETF	: Garis Panduan Dana Didagang pada Bursa dikeluarkan oleh SC dan apa-apa pindaan selepas itu.

institusi kewangan	: <p>Sekiranya –</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Institusi-institusi terletak di Malaysia, mana-mana Bank Berlesen, Bank Pelaburan Berlesen atau Bank Islam Berlesen; atau</li> <li>(ii) institusi terletak di luar Malaysia, mana-mana institusi yang dilesenkan, didaftarkan, diluluskan atau dibenarkan untuk menyediakan perkhidmatan kewangan.</li> </ul>
Dana(dana-dana)	: <p>Kenanga KLCI Daily 2x Leveraged ETF dan/atau Kenanga KLCI Daily (-1x) Inverse ETF; Dana akan bermaksud mana-mana satu daripada Dana.</p>
Aset-aset Dana	: <p>Kesemua aset (termasuk tunai) Dana buat masa ini dipegang atau dianggap sebagai dipegang atas amanah oleh Pemegang Amanah selaras dengan Surat Ikatan.</p>
Niagaan Hadapan Indeks	: <p>Kontrak niagaan masa hadapan pada Indeks Mendasari.</p>
Pemberi Lesen Indeks	: <p>FTSE International Limited, pemberi lesen Penanda Aras, yang mempunyai hak untuk memberi Pengurus penggunaan Penanda Aras.</p>
Harga Terbitan Awal	: <p>Harga pada mana Unit-unit adalah diterbitkan di bawah Langganan Awal yang ditetapkan pada MYR 2.00.</p>
Langganan Awal	: <p>Tawaran bagi langganan Unit-unit semasa Tempoh Langganan Awal</p>
Tempoh Langganan Awal	: <p>Tempoh Iapan (8) Hari Perniagaan bermula pada jam 9.00 pagi pada 20 Disember 2019 dan akan berakhir pada jam 5.00 petang pada tarikh penutupan Langganan Awal, secara tentatif pada 31 Disember 2019 atau lain-lain tempoh tertentu sebagaimana mungkin dipersetujui di antara Pengurus dan Pemegang Amanah dengan syarat tarikh penutupan Tempoh Langganan Awal mestilah Hari Perniagaan.</p>
IOPV	: <p>Nilai Portfolio Dioptimum Indikatif yang bertindak sebagai anggaran NAV portfolio Dana di antara Masa Penilaian sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 5.6 Prospektus Induk ini.</p>
Harga Terbitan	: <p>Harga setiap Unit pada mana Unit-unit adalah dari masa ke masa diterbitkan, berdasarkan NAV setiap Unit dan yang akan dipastikan selaras dengan peruntukan Seksyen 5.5 - "Pengiraan Harga Terbitan dan Harga Penebusan" Prospektus Induk ini.</p>
Bank Berlesen	: <p>Mempunyai maksud yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.</p>
Bank Pelaburan Berlesen	: <p>Mempunyai maksud yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.</p>
Bank Islam Berlesen	: <p>Mempunyai maksud yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.</p>
Penyenaraian	: <p>Kemasukan ke Senarai Rasmi dan penyenaraian dan sebut harga bagi Unit-unit pada Pasaran Utama Bursa Securities.</p>
Tarikh Penyenaraian	: <p>Tarikh Penyenaraian.</p>
Syarat-syarat Penyenaraian	: <p>Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities.</p>
LPD	: <p>30 September 2019, merupakan tarikh terakhir paling munasabah sebelum pendaftaran Prospektus Induk ini</p>

Pengurus	: Kenanga Investors Berhad (No. Pendaftaran: 199501024358 (353563-P)).
Pembuat Pasaran	: Kenanga Investment Bank Berhad, dan akan termasuk lain-lain pembuat pasaran yang layak yang menandatangani Perjanjian Penyedia Kecairan dengan Pengurus.
Prospektus Induk	: Prospektus induk ini berhubung dengan Dana.
MYR atau RM	: Ringgit Malaysia, mata wang Malaysia yang sah.
Nilai Aset Bersih atau NAV	: Nilai kesemua Aset Dana tolak nilai kesemua Liabiliti Dana, pada Masa Penilaian.
NAV setiap Unit	: NAV Dana pada Masa Penilaian tertentu dibahagi dengan bilangan Unit dalam terbitan, pada Masa Penilaian yang sama.
Senarai Rasmi	: Senarai yang menyatakan semua sekuriti yang disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Securities.
Resolusi Biasa	: Resolusi yang diluluskan pada mesyuarat Pemegang-pemegang Unit yang dipanggil dan diadakan sewajarnya selaras dengan peruntukan Surat Ikatan melalui majoriti mudah undian yang dibuat secara sah oleh Pemegang-pemegang Unit yang hadir (secara sendiri atau melalui proksi) pada mesyuarat dan mengundi.
Peniaga yang Mengambil Bahagian	: Kenanga Investment Bank Berhad, dan akan termasuk mana-mana peniaga lain yang layak yang menandatangani Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dalam bentuk dan isi yang boleh diterima oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.
Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian	: Perjanjian yang ditandatangani di antara Peniaga yang Mengambil Bahagian, Pengurus dan Pemegang Amanah menyatakan, antara lain, pengaturan berhubung dengan pembentukan dan terbitan Unit-unit dan penebusan dan pembatalan Unit-unit Dana.
Pelaburan yang Dibenarkan	: Aset-aset dan surat cara yang Dana adalah dibenarkan untuk melabur sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 3.6 Prospektus Induk ini.
Ejen Penempatan	: Kenanga Investment Bank Berhad (No. Pendaftaran: 197301002193 (15678-H)).
Jumlah Penebusan	: Jumlah tunai untuk diserahkan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian bersamaan dengan Harga Penebusan didarab dengan bilangan Unit untuk ditebus.
Permohonan Penebusan	: Permohonan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian kepada Pengurus bagi penebusan Unit-unit sedia ada dalam Blok Unit Penebusan (atau gandaan genapnya)
Yuran Permohonan Penebusan	: Yuran yang mungkin dikenakan oleh Pengurus kepada setiap Permohonan Penebusan selain daripada Kos Urus Niaga.
Tarikh Penebusan	: Berhubung dengan Unit-unit yang dipohon, Hari Urus Niaga kedua (ke-2) selepas Tarikh Perniagaan bila mana Permohonan Penebusan bagi Unit-unit tersebut diterima atau dianggap diterima atau hari lain tertentu sebagaimana mungkin dipersetujui di antara Pengurus dan Pemegang Amanah (sama ada atas dasar keseluruhan atau kes demi kes) dan dimaklumkan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian bila mana Unit-unit akan ditebus/dibatal.
Harga Penebusan	: Harga pada mana Unit-unit adalah dari masa ke masa ditebus, berdasarkan NAV setiap Unit, dan yang akan dipastikan selaras dengan peruntukan

Seksyen 5.5- "Pengiraan Harga Terbitan dan Harga Penebusan" Prospektus Induk ini.

Blok Unit Penebusan	: Kuantiti Unit-unit yang diperlukan untuk diserahkan kepada Pemegang Amanah atas Permohonan Penebusan berjaya berhubung dengan Jumlah Penebusan.  Saiz Blok Unit Penebusan mungkin berubah dari masa ke masa sebagaimana ditentukan oleh Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah dan dimaklumkan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian.
Daftar	: Pendaftar Pemegang-pemegang Unit Dana yang disimpan dan diselenggarakan oleh Pengurus atau ejennya yang dilantik hanya berasaskan (i) Unit-unit yang diterbitkan kepada Pemegang-pemegang Unit, (ii) Unit-unit yang ditebus oleh Pemegang-pemegang Unit dan (iii) rekod-rekod yang diperoleh daripada Bursa Depository secara bulanan atau pada lain-lain tarikh tertentu sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa dan pada bila-bila masa.
Pendaftar	: Pengurus atau pihak lain sebagaimana mungkin dilantik oleh Pengurus dari masa ke masa.
Bursa Berkenaan	: Bursa dalam mana Dana mungkin dilabur.
SC	: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
Resolusi Khas	: Satu resolusi yang diluluskan oleh majoriti tidak kurang daripada 75% daripada jumlah hak mengundi Pemegang-pemegang Unit yang berhak mengundi ke atas resolusi mesyuarat Pemegang-pemegang Unit, dengan syarat bahawa bagi tujuan penamatan Dana, resolusi khas yang diluluskan oleh majoriti dalam bilangan yang mewakili sekurang-kurangnya 75% daripada hak mengundi Pemegang-pemegang Unit yang mengundi pada mesyuarat Pemegang-pemegang Unit.
Jumlah Langganan	: Jumlah tunai untuk dibayar kepada Dana berhubung dengan Pembentukan Tunai.
Permohonan Langganan	: Permohonan bagi Unit-unit di bawah Langganan Awal yang boleh dibuat melalui Ejen Penempatan.
Tarikh Dagangan	: Hari Perniagaan bila mana Pengurus menerima/dianggap telah menerima Permohonan yang sah selaras dengan Surat Ikatan dan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dengan syarat bahawa sekiranya Permohonan sah diterima selepas Tarikh Akhir Urus Niaga, Hari Perniagaan berikutnya akan menjadi Tarikh Dagangan.
Kos Urus Niaga	: Berhubung dengan mana-mana urus niaga atau urusan tertentu, bermaksud semua duti setem dan lain-lain duti, cukai, caj kerajaan, yuran pembrokeran, caj bank, yuran pemindahan, yuran pendaftaran, levi urus niaga, kos pertukaran asing dan lain-lain duti dan caj-caj sama ada berhubung dengan pembentukan Aset-aset Dana atau pembentukan, terbitan, pemindahan, pembatalan atau penebusan Unit-unit atau pembelian atau pelupusan Aset-aset Dana atau sebaliknya yang mungkin menjadi atau telah menjadi perlu dibayar berhubung dengan (sama ada sebelum, sebaik sahaja atau selepas setiap kejadian) apa-apa urus niaga atau urusan sedemikian
Pemegang Amanah	: RHB Trustees Berhad (No. Pendaftaran: 200201005356 (573019-U)).
Indeks Mendasari	: FTSE Bursa Malaysia KLCI Index.
Unit	: Kepentingan benefisial yang tidak dipecah bahagi di dalam dan pemilikan Dana.

- Pemegang Unit : Seseorang yang dicatatkan pada Daftar sebagai pemegang Unit-unit selaras dengan peruntukan Surat Ikatan.
- Masa Penilaian : Masa sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 3.10 Prospektus Induk ini.

## JADUAL WAKTU INDIKATIF

Tarikh & Masa	Peristiwa
20 Disember 2019	: Pengeluaran Prospektus Induk ini
20 Disember 2019	: Tarikh dan masa pembukaan bagi Langganan Awal melalui Ejen Penempatan
31 Disember 2019	: Tarikh dan masa penutupan bagi Langganan Awal
8 Januari 2020	: Peruntukan Unit-unit kepada pemohon yang berjaya
13 Januari 2020	: Tarikh Penyenaraian

Unit-unit yang dilanggan di bawah Langganan Awal akan dibentuk menjelang Hari Perniagaan keenam (ke-6) dari tarikh penutupan Tempoh Langganan Awal. Kesemua Unit yang dibentuk di bawah Langganan Awal akan didepositkan dengan Bursa Depository dan dikreditkan dalam Akaun CDS pemohon-pemohon yang berjaya sebelum Penyenaraian Dana.

Selepas Penyenaraian Unit-unit pada Bursa Securities, Peniaga yang Mengambil Bahagian boleh meminta bagi pembentukan Unit-unit tambahan selaras dengan terma-terma Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian.

**PEMASAAN INDIKATIF SEBAGAIMANA YANG DINYATAKAN DI ATAS ADALAH TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN YANG MUNGKIN MENJADI PERLU UNTUK MEMUDAHKAN PROSEDUR PELAKSANAAN. PARA PENGARAH PENGURUS (SELEPAS BERUNDING DENGAN PEMEGANG AMANAH DAN EJEN PENEMPATAN), BOLEH MENGIKUT BUDI BICARA MUTLAK MEREKA, MEMUTUSKAN UNTUK MELANJUTKAN TARikh PENYENARAIAN TERTAKLUK KEPADA KELULUSAN PIHAK BERKUASA BERKENAAN, SEKIRANYA DIPERLUKAN. NOTIS MENGENAI SEBARANG LANJUTAN SEDEMIKIAN AKAN DIBUAT PADA LAMAN WEB DANA DI [www.oneetf.com.my](http://www.oneetf.com.my) DAN MELALUI IKLAN YANG DISIARKAN DALAM AKHBAR HARIAN BAHASA MALAYSIA DAN BAHASA INGGERIS YANG DIEDARKAN SECARA MELUAS DI SELURUH MALAYSIA.**

# **PANDUAN KORPORAT**

## **PENGURUS**

Kenanga Investors Berhad (No. Pendaftaran: 199501024358 (353563-P))

*Pejabat Berdaftar:*

Aras 17, Kenanga Tower, 237, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
No. Tel.: 03 – 2172 2888  
No. Faks.:03 – 2172 2999

*Alamat Perniagaan:*

Aras 14, Kenanga Tower, 237, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Tel: 1800 88 3737  
Faks: 03-2172 3080  
E-mel:investorservices@kenanga.com.my  
Laman web: www.kenangainvestors.com.my

## **PEMEGANG AMANAH**

RHB Trustees Berhad (No. Pendaftaran: 200201005356 (573019-U))

*Pejabat Berdaftar:*

Aras 10 Tower One, RHB Centre  
Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur

*Alamat Perniagaan:*

Aras 11 Tower Three, RHB Centre  
Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur  
No. Tel.: 03 – 9280 5933  
No. Faks.: 03 – 9280 5934  
E-mel: rhbtrustees@rhbgroupp.com  
Laman web: www.rhbgroupp.com

## **PENASIHAT CUKAI**

Ernst & Young Tax Consultants Sdn Bhd

Aras 23A, Menara Milenium Jalan Damanlela

Pusat Bandar Damansara 50490 Kuala Lumpur Malaysia

## **PEGUAM CARA**

Tetuan Wei Chien & Partners

D-20-02, Menara Suezcap 1, No.2, Jalan Kerinchi

Gerbang Kerinchi Lestari, 59200 Kuala Lumpur

## **JURUAUDIT DANA DAN PENGURUS**

Ernst & Young

Aras 23A, Menara Milenium Jalan Damanlela

Pusat Bandar Damansara 50490 Kuala Lumpur Malaysia

## **PENASIHAT TEKNIKAL**

Yuanta Securities Investment Trust Co., Ltd.

11F, No. 219, Sect. 3, Nanjing E. Rd.

Taipei, 104

Taiwan

**PENIAGA YANG MENGAMBIL BAHAGIAN DAN PEMBUAT PASARAN**

Kenanga Investment Bank Berhad (No. Pendaftaran: 197301002193 (15678-H))  
Aras 12, Kenanga Tower, 237, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur

*Nota: Pelabur-pelabur juga boleh mendapatkan maklumat berhubung dengan pembuat pasaran daripada laman web Dana.*

**EJEN PENEMPATAN**

Kenanga Investment Bank Berhad (No. Pendaftaran: 197301002193 (15678-H))  
Aras 12, Kenanga Tower, 237, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur

**PENDAFTAR**

Kenanga Investors Berhad (No. Pendaftaran: 199501024358 (353563-P))  
Aras 14, Kenanga Tower,  
237, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur, Malaysia.

**PEMBERI LESEN INDEKS**

FTSE International Limited  
10 Paternoster Square  
London  
EC4M 7LS  
United Kingdom

**PENYENARAIAN DIPOHON**

Pasaran Utama Bursa Securities

## **KELULUSAN DAN SYARAT-SYARAT**

SC telah pada 29 Ogos 2019, meluluskan cadangan berikut tertakluk kepada terma-terma yang berikut:-

- (i) penubuhan setiap Dana dengan saiz dana awal sehingga 1 bilion unit, dan
- (ii) penyenaraian dan sebut harga sehingga 1 bilion unit bagi setiap Dana di Pasaran Utama di Bursa Securities.

# 1. DATA UTAMA

**PENTING:** Dana adalah sesuai hanya untuk pelabur-pelabur aktif yang sentiasa mengawasi prestasi portofolio mereka atas dasar harian, dan berada dalam kedudukan kewangan untuk mengambil risiko dalam pelaburan derivatif. Dana adalah dana berisiko tinggi yang direka untuk digunakan sebagai alat dagangan jangka pendek yang diuruskan atas dasar harian untuk tujuan pemasaan pasaran atau melindungi nilai dan tidak sesuai untuk pelaburan jangka panjang (lebih daripada satu (1) hari). Prestasi Dana, apabila dipegang semalaman, boleh menyimpang daripada Penanda Aras. Sila rujuk kepada Seksyen 3.1.6 dan 3.2.6, Perbandingan Di Antara Dana, Indeks Mendasari dan Penanda Aras bagi Tempoh Lebih Panjang Daripada Satu Hari (iaitu Perbandingan Prestasi Mata ke Mata), dalam Prospektus Induk ini bagi maklumat lanjut.

Memandangkan Dana melabur dalam derivatif seperti niagaan hadapan, pelaburan dalam Dana adalah tertakluk kepada risiko yang sangat tinggi seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2.2 Prospektus Induk ini berbanding ETF konvensional. Akibat daripada pengimbangan semula harian, kemeruapan Indeks Mendasari dan kesan pengkompaunan pulangan setiap hari lama-kelamaan, turun naik Indeks dan kesan pengkompaunan pulangan setiap hari dari masa ke masa, ianya berkemungkinan bahawa Dana berleveraj (Dana songsang) akan kehilangan wang dari masa ke masa manakala prestasi Penanda Aras jatuh (naik) atau mendatar. Selain itu, sekiranya Indeks Niagaan Hadapan mempunyai pasaran dagangan yang terhad, atau sekiranya tebaran adalah luas, ini boleh menjelaskan harga Unit-unit dan keupayaan pelabur untuk melupuskan Unit-unitnya pada harga yang dikehendaki.

**Dana mungkin tidak sesuai untuk semua pelabur.** Ianya adalah berkemungkinan bahawa keseluruhan nilai pelaburan pelabur boleh hilang.

Simulasi prestasi akan disediakan di laman web Pengurus dan pelabur boleh menggunakan simulasi prestasi untuk mengukur prestasi Dana di bawah keadaan pasaran yang berlainan berdasarkan data sejarah Dana.

**Seksyen ini hanyalah ringkasan maklumat penting mengenai Dana. Pelabur-pelabur hendaklah membaca dan memahami keseluruhan Prospektus Induk sebelum membuat keputusan melabur.**

## 1.1 Dana

Nama Dana	Kenanga KLCI Daily 2x Leveraged ETF	Kenanga KLCI Daily (-1x)Inverse ETF	-
Kategori Dana	Dana didagang pada Bursa		
Jenis Dana	Dana didagang pada bursa Berleveraj	Dana didagang pada bursa songsang	-
Saiz Dana Awal Diluluskan	1,000,000,000 Unit	1,000,000,000 Unit	3.11
Harga Terbitan Awal	MYR 2.00	MYR2.00	5.1.1
Mata Wang Asas	MYR	MYR	-
Akhir Tahun Kewangan Dana	Tempoh dua belas (12) bulan berakhir 31 Disember setiap tahun kalender. Bagi mengelak keraguan, tahun kewangan pertama akan bermula pada tarikh Prospektus Induk ini dan akan berakhir pada 31 Disember 2019.		
Objektif Pelaburan	Dana dihasratkan untuk menyediakan prestasi harian, sebelum yuran dan perbelanjaan,	Dana dihasratkan untuk menyediakan prestasi harian, sebelum yuran dan perbelanjaan,	3.1.1 3.2.1

	<p>yang hampir sepadan dengan prestasi harian Penanda Aras.</p> <p><b>Dana tidak mencari untuk mencapai objektif pelaburan dinyatakaninya sepanjang tempoh masa lebih daripada satu (1) hari.</b></p>	<p>yang hampir sepadan dengan prestasi harian Penanda Aras.</p> <p><b>Dana tidak mencari untuk mencapai objektif pelaburan dinyatakaninya sepanjang tempoh masa lebih daripada satu (1) hari.</b></p>	
Polisi & Strategi Pelaburan	<p>Pengurus berhasrat untuk menerima pakai strategi pelaburan replikasi berasaskan niagaan hadapan untuk mencapai objektif pelaburan Dana. Pengurus akan melabur secara langsung dalam Indeks Niagaan Hadapan, tertakluk kepada strategi gulingan yang dibincangkan dalam Seksyen 3.1.4 Prospektus Induk ini, untuk mendapatkan pendedahan yang diperlukan untuk Penanda Aras.</p>	<p>Pengurus berhasrat untuk menerima pakai strategi pelaburan replikasi berasaskan niagaan hadapan untuk mencapai objektif pelaburan Dana. Pengurus akan melabur secara langsung dalam Indeks Niagaan Hadapan, tertakluk kepada strategi gulingan yang dibincangkan dalam Seksyen 3.2.4 Prospektus Induk ini, untuk mendapatkan pendedahan yang diperlukan untuk Penanda Aras.</p>	3.1.4 3.2.4
Peruntukan Aset	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Sehingga 70% daripada NAV Dana untuk dikomitkan sebagai margin bagi kontrak niagaan hadapan; dan</li> <li>➤ Baki selebihnya NAV Dana (sekiranya ada) hendaklah dilaburkan dalam instrumen pasaran wang, skim pelaburan kolektif pasaran wang dan/atau deposit yang ditempatkan dengan institusi kewangan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Sehingga 70% daripada NAV Dana untuk dikomitkan sebagai margin bagi kontrak niagaan hadapan; dan</li> <li>➤ Baki selebihnya NAV Dana (sekiranya ada) hendaklah dilaburkan dalam instrumen pasaran wang, skim pelaburan kolektif pasaran wang dan/atau deposit yang ditempatkan dengan institusi kewangan.</li> </ul>	3.1.3 3.2.3
Penanda Aras	Indeks FTSE Bursa Malaysia KLCI 2x Daily Leveraged (Price).	Indeks FTSE Bursa Malaysia KLCI Daily Short (Price).	3.3
Profil Pelabur	<p>Dana adalah sesuai untuk pelabur-pelabur yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ mencari pendedahan berleveraj 2x kepada syarikat-syarikat daripada Indeks Mendasari;</li> <li>➤ mempunyai gambaran suasana pasaran;</li> <li>➤ berhasrat untuk mengawasi dan mengurus pelaburan mereka secara aktif; dan</li> <li>➤ mempunyai toleransi risiko yang tinggi.</li> </ul>	<p>Dana adalah sesuai untuk pelabur-pelabur yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ mencari pendedahan songsang (-1x) kepada syarikat-syarikat daripada Indeks Mendasari;</li> <li>➤ mempunyai gambaran pasaran menurun;</li> <li>➤ berhasrat untuk mengawasi dan mengurus pelaburan mereka secara aktif; dan</li> <li>➤ mempunyai toleransi risiko yang tinggi.</li> </ul>	3.1.2 3.2.2
Polisi Pengagihan	Pengagihan pendapatan, sekiranya ada, atas dasar sampingan.		3.8
Ringkasan Faktor-Faktor Risiko	<p>Risiko-risiko Am Melabur dalam ETF dan Dana Khususnya</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Risiko Pasaran</li> <li>➤ Modal dan Pulangan Tidak Dijamin</li> <li>➤ Risiko Inflasi</li> <li>➤ Risiko Kecairan</li> </ul>		2.1

	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Unit-unit mungkin Didagangkan selain daripada Nilai Aset Bersih</li> <li>➤ Perdagangan dalam Unit-unit pada Bursa Securities mungkin Digantung atau Dinyahsenaraikan</li> <li>➤ Penggantungan Pembentukan dan/atau Penebusan oleh Pengurus</li> <li>➤ Risiko Undang-undang dan Berperaturan</li> <li>➤ Kebergantungan pada Peniaga yang Mengambil Bahagian</li> <li>➤ Pelaburan Pasif</li> <li>➤ Risiko Kesilapan Penjejakan</li> <li>➤ Dana Bukan Amanah Saham Biasa</li> <li>➤ Blok Unit Pembentukan/ Penebusan Minimum</li> <li>➤ Risiko Kemeruapan</li> </ul>		
(ii)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Risiko-risiko Khusus Melabur dalam Kenanga KLCI Daily 2x Leveraged ETF</li> <li>➤ Risiko Pemegangan Jangka Panjang</li> <li>➤ Risiko Berleveraj</li> <li>➤ Risiko Aktiviti Mengimbangi Semula</li> <li>➤ Risiko Kecairan</li> <li>➤ Risiko Pelaburan Dalam Satu Hari</li> <li>➤ Risiko Pusing Ganti Portfolio</li> <li>➤ Risiko-risiko Dikaitkan Dengan Pelaburan dalam Kontrak Niagaan Hadapan</li> <li>➤ Kebergantungan Laluan</li> <li>➤ Risiko Berkaitan dengan Penanda Aras</li> <li>➤ Risiko-risiko Kebergantungan kepada Pengurus</li> <li>➤ Risiko-risiko Kebergantungan kepada Penasihat Teknikal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>(iii) Risiko-risiko Khusus Melabur dalam Kenanga KLCI Daily (-1x) Inverse ETF</li> <li>➤ Risiko Pemegangan Jangka Panjang</li> <li>➤ Risiko Dana Songsang vs. Jualan Pandak</li> <li>➤ Risiko Corak Pulangan Tidak Konvensional</li> <li>➤ Risiko Aktiviti Mengimbangi Semula</li> <li>➤ Risiko Kecairan</li> <li>➤ Risiko Pelaburan Intraday</li> <li>➤ Risiko Pusing Ganti Portfolio</li> <li>➤ Risiko-risiko Dikaitkan Dengan Pelaburan dalam Kontrak Niagaan Hadapan</li> <li>➤ Indeks Mendasari Prestasi Songsang</li> <li>➤ Kebergantungan Laluan</li> <li>➤ Risiko Berkaitan dengan Penanda Aras</li> <li>➤ Risiko-risiko Kebergantungan kepada Pengurus</li> <li>➤ Risiko-risiko Kebergantungan kepada Penasihat Teknikal</li> </ul>	2.2.1 2.2.2
Penggunaan Perolehan	Bagi pelaburan dalam Pelaburan yang Dibenarkan sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 3.6 Prospektus Induk ini.	5.1.1	
Penawaran Unit-unit – Sebelum Penyenaraian	Dalam Tempoh Langganan Awal, permohonan Unit-unit boleh dibuat melalui Ejen Penempatan. Saiz minimum Permohonan Langganan di bawah Langganan Awal ialah 100 Unit, atau keseluruhan gandaan genapnya. Unit-unit akan diterbitkan pada Harga Terbitan Awal kepada pelabur-pelabur.	5.2	
Penawaran Unit-unit – Selepas Penyenaraian	<p>Unit-unit boleh dibeli dan dijual dalam dua cara:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Peniaga yang Mengambil Bahagian</li> <li>Dalam pasaran utama, Peniaga yang Mengambil Bahagian (sama ada bertindak bagi pihak dirinya sendiri atau untuk pelabur sebagai kliennya) boleh memohon bagi pembentukan atau penebusan Unit-unit dalam Blok Unit Pembentukan atau Blok Unit Penebusan.</li> <li>➤ Bursa Securities</li> <li>Dalam pasaran sekunder, pelabur-pelabur boleh membeli dan menjual Unit-unit dalam lot-lot niaga sebanyak 100 unit (atau</li> </ul>	5.1.2 5.3 5.8	

	gandaannya) pada Pasaran Utama Bursa Securities.	
Pembentukan/ Penebusan Unit-unit	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Pembentukan Unit-unit Peniaga yang Mengambil Bahagian (sama ada bagi akaunnya sendiri atau bagi akaun kliennya) boleh memohon bagi Pembentukan Tunai Unit-unit baru melalui penyerahan Jumlah Langganan.</li> <li>➤ Penebusan Unit-unit Peniaga yang Mengambil Bahagian (sama ada bagi akaunnya sendiri atau bagi akaun kliennya) boleh memohon bagi Penebusan Tunai melalui penyerahan Unit-unit sedia ada sebagai tukaran bagi Jumlah Penebusan.</li> </ul>	5.3.1 5.3.2  5.3.3 5.3.4
Blok Unit Pembentukan/ Penebusan	500,000 Unit Kuantiti ini mungkin berubah dari masa ke masa sebagaimana ditentukan oleh Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah dan dimaklumkan kepada Peniaga-peniaga yang Mengambil Bahagian. Pembentukan/Penebusan Unit-unit mestilah dalam Blok Unit Pembentukan/Penebusan (atau gandaan genapnya).	5.3.1 5.3.3
Dagangan Unit-unit pada Bursa Securities	Pelabur-pelabur boleh berdagang (membeli atau menjual) Unit-unit pada Pasaran Utama atas Penyenaraian Dana.	5.8
Saiz Lot Niaga Perdagangan	100 Unit	5.8

## 1.2 Yuran, Caj dan Perbelanjaan

Berikut adalah caj-caj yang pelabur-pelabur mungkin tanggung **secara langsung** apabila mereka melabur dalam Unit-unit Dana.

### ➤ Melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian

Jadual ini menerangkan yuran dan caj (tidak termasuk perbelanjaan hangus) untuk dibayar oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian kepada Pengurus dan/atau Pemegang Amanah. Pelabur-pelabur hendaklah menyemak dengan Peniaga yang Mengambil Bahagian berkenaan mengenai yuran dan caj sebenar yang mungkin ditanggung.

<b>Yuran &amp; Caj</b>	
Yuran Permohonan Pembentukan/ Penebusan	: RM200.
Yuran Pembatalan Permohonan Pembentukan/ Penebusan	: Sehingga 1.00% daripada Jumlah Langganan atau Penebusan Tunai, atau jumlah tertentu sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa, selepas berunding dengan Pemegang Amanah.
Kos Urus Niaga	: Pengurus mungkin mengenakan Kos Urus Niaga (ditanggung oleh Dana) untuk menghalang NAV Dana daripada dicairkan.
Lain-lain Yuran	: Jumlah (selain daripada Kos Urus Niaga yang diterangkan di atas) yang mungkin ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah dari masa ke masa berhubung dengan Permohonan yang dikemukakan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian, yang dicajkan oleh Bursa Depository.

### ➤ Melalui Bursa Securities

Jadual ini menerangkan caj-caj yang pelabur-pelabur mungkin tanggung (berdasarkan caj-caj yang dikenakan oleh Bursa Securities pada tarikh Prospektus Induk ini caj-caj yang mana mungkin diubah dari masa ke masa) apabila pelabur membeli atau menjual Unit-unit dalam Dana pada Bursa Securities. Pelabur-pelabur hendaklah menyemak dengan broker-broker mereka mengenai yuran dan caj sebenar yang mungkin ditanggung.

<b>Yuran &amp; Caj</b>	<b>Butir-butir</b>
Yuran Pembrokeran	: Sebagaimana ditetapkan oleh Bursa Securities.
Yuran Penjelasan Bursa Securities	: 0.03% daripada nilai urus niaga, tertakluk kepada maksimum MYR1,000 setiap urus niaga. Yuran minimum MYR10 setiap urus niaga adalah terpakai untuk kontrak perniagaan langsung.

Maklumat lanjut mengenai caj-caj yang pelabur-pelabur akan tanggung apabila berdagang Unit-unit pada Bursa Securities boleh ditemui di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com).

Berikut adalah caj-caj yang pelabur-pelabur mungkin tanggung **secara tidak langsung** apabila mereka melabur dalam Unit-unit Dana.

<b>Yuran &amp; Caj</b>	<b>Butir-butir</b>
Yuran Pengurusan	: 0.50% setahun daripada NAV Dana
Yuran Pemegang Amanah	: 0.04% setahun daripada NAV Dana
Yuran Lesen Indeks <sup>^</sup>	: Sehingga 0.05% setahun daripada NAV Dana

<sup>^</sup> Yuran lesen indeks adalah dikira berdasarkan NAV terakru harian (pada akhir setiap hari dagangan) bagi suku tahunan. Selepas itu, yuran perlu dibayar kepada Pemegang Lesen Indeks pada suku tahunan berikutnya.

### Kos Penubuhan Dana

Kos penubuhan dan Penyenaraian Dana yang termasuk perbelanjaan berikut akan ditanggung oleh Dana:

- Kos penyediaan dan penerbitan Prospektus Induk ini;
- Yuran profesional dan penasihat; dan
- Yuran berperaturan.

(secara kolektif, "**Kos Penubuhan**").

Kos Penubuhan yang dinyatakan di atas akan dibiayai terlebih dahulu oleh Pengurus bila dan apabila ditanggung. Pengurus dibenarkan untuk mengenakan balik Kos Penubuhan, yang tidak akan melebihi MYR500,000.00, sepanjang tempoh 2 tahun untuk mengurangkan kesan kecairan ke atas pulangan Dana.

### 1.3 Lain-lain Maklumat

<b>Kenanga KLCI Daily2x Leveraged ETF</b>	<b>Kenanga KLCI Daily (-1x)Inverse ETF</b>
Surat Ikatan bertarikh 4 September 2019 yang ditandatangani di antara Pengurus dan Pemegang Amanah.	Surat Ikatan bertarikh 4 September 2019 yang ditandatangani di antara Pengurus dan Pemegang Amanah.

### 1.4 Tempat bagi Mendapat Nasihat

Pelabur-pelabur boleh menghubungi Pengurus di pejabat perniagaannya pada waktu perniagaan dari jam 8.30 pagi hingga jam 5.30 petang dari hari Isnin hingga Jumaat bagi sebarang pertanyaan atau maklumat yang berkaitan dengan Dana.

## 2. FAKTOR-FAKTOR RISIKO

Pelaburan dalam Unit-unit melibatkan risiko. Bakal-bakal pelabur harus bergantung pada penilaian mereka sendiri dan menimbangkan dengan teliti faktor-faktor risiko berikut selain daripada maklumat lain yang terkandung di bahagian lain Prospektus Induk ini, sebelum melabur dalam Dana.

Faktor-faktor risiko berikut mungkin tidak menyeluruh, dan risiko tambahan serta ketidakpastian yang tidak diketahui pada masa ini kepada Dana atau Pengurus, atau yang pada masa ini dianggap tidak material mungkin menjadi material pada masa akan datang, yang mungkin mempunyai kesan kurang baik yang material ke atas Dana atau harga Unit-unit.

### 2.1 Risiko Am Melabur dalam ETF

#### ➤ Risiko Pasaran

- Pergerakan am dalam pasaran dan faktor-faktor yang mempengaruhi iklim pelaburan dan sentimen pelabur boleh mempengaruhi tahap perdagangan dan dengan itu harga pasaran Unit-unit, yang harganya boleh turun serta naik. Risiko-risiko ini termasuk naik turun pasaran yang disebabkan oleh faktor-faktor seperti perkembangan ekonomi dan politik.

#### ➤ Modal dan Pulangan Tidak Dijamin

- Pelabur hendaklah menyedari bahawa dengan melabur dalam Dana, tidak ada jaminan bagi sebarang pulangan atau penghargaan modal. Tidak seperti deposit tetap yang ditempatkan terus oleh pelabur dalam mana-mana institusi kewangan yang membawa kadar pulangan khusus, Dana ini tidak memberikan kadar pulangan tetap. Tidak ada jaminan bahawa para pelabur akan menikmati peningkatan modal atau tidak akan mengalami apa-apa kerugian modal yang dilaburkan dalam Dana.

#### ➤ Risiko Inflasi

- Inflasi adalah salah satu risiko jangka panjang memandangkan ia mewujudkan ketidakpastian mengenai nilai masa hadapan pelaburan. Apa-apa pelaburan adalah tertakluk kepada risiko bahawa pelaburan mungkin tidak meningkat mengikut perkadarhan kadar inflasi. Pulangan ke atas pelaburan yang lebih rendah daripada kadar inflasi akan mengurangkan kuasa membeli Pemegang Unit setiap MYR, di mana berkenaan, walaupun nilai pelaburan dari segi monetari telah meningkat.

#### ➤ Risiko Kecairan

- Walaupun Unit-unit disenaraikan bagi perdagangan di Bursa Securities, tidak ada jaminan bahawa pasaran dagangan aktif bagi Unit tersebut akan wujud atau dikekalkan. Tidak ada asas tertentu untuk meramalkan tahap harga sebenar, atau jumlah dalam mana, Unit-unit boleh didagang. Selaras dengan itu, sekiranya Pemegang Unit perlu menjual Unit-unitnya pada masa apabila tidak ada pasaran aktif baginya wujud, harga yang beliau terima bagi Unit-unitnya (mengandaikan beliau boleh menjualnya) berkemungkinan lebih rendah daripada harga yang diterima sekiranya pasaran aktif memang wujud.
- Manakala Pembuat Pasaran telah dilantik oleh Pengurus, tidak ada jaminan bahawa risiko kecairan sedemikian akan dikurangkan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, Pelabur harus ambil maklum bahawa, kecairan dalam pasaran bagi Unit-unit mungkin terjejas sekiranya Pembuat Pasaran gagal atau tidak lagi memenuhi peranannya sebagai pembuat pasaran. Tertakluk kepada syarat-syarat berperaturan terpakai, Pengurus berhasrat untuk memastikan bahawa sekurang-kurangnya terdapat satu pembuat pasaran bagi Dana untuk memudahkan perdagangan yang cekap.

#### ➤ Unit-unit mungkin Didagang selain daripada Nilai Aset Bersih

- NAV Dana mewakili harga saksama untuk membeli atau menjual Unit-unit. Seperti mana-mana dana tersenarai, harga pasaran sekunder Unit-unit mungkin kadang-kadang didagangkan di atas atau di bawah NAVnya. Oleh itu, terdapat risiko bahawa Pemegang Unit mungkin tidak dapat membeli atau menjual pada harga yang hampir dengan NAVnya. Pelencongan daripada NAV bergantung kepada beberapa faktor, tetapi akan ketara apabila terdapat ketidakseimbangan yang besar antara bekalan dan permintaan pasaran bagi Unit-

unit di Bursa Securities. Walau bagaimanapun, mengambil kira Unit-unit boleh dibentuk dan ditebus dalam Blok Unit Pembentukan dan Blok Unit Penebusan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian, sebagaimana terpakai, adalah tidak dijangka bahawa diskaun atau premium yang besar akan dikekalkan.

- Selanjutnya, peranan Pembuat Pasaran adalah dihasratkan untuk meminimumkan perbezaan antara harga dagangan di Bursa Securities dan NAV setiap Unit Dana.

➤ **Perdagangan dalam Unit-unit pada Bursa Securities mungkin Digantung atau Dinyahsenaraikan**

- Pemegang unit dan Pemegang Unit berpotensi tidak akan dapat membeli, tidak juga Pemegang Unit akan dapat menjual Unit-unit di Bursa Securities semasa mana-mana tempoh dalam mana dagangan Unit-unit digantung. Bursa Securities mungkin menggantung dagangan Unit-unit selaras dengan peraturan dan dasar Bursa Securities bila-bila masa Bursa Securities menentukan bahawa ia adalah sesuai demi kepentingan pasaran saksama dan teratur untuk melindungi Pemegang Unit. Pembentukan dan penebusan Unit-unit juga boleh digantung sekiranya dagangan Unit-unit di Bursa Securities digantung.
- Selanjutnya, Bursa Securities mengenakan syarat-syarat tertentu bagi penyenaraian berterusan sekuriti, termasuk Unit-unit di Bursa Securities. Pelabur tidak boleh diberi jaminan bahawa Dana akan terus memenuhi syarat-syarat yang diperlukan untuk mengekalkan penyenaraian Unit-unit di Pasaran Utama atau bahawa Bursa Securities tidak akan mengubah Syarat-syarat Penyenaraian. Dana boleh ditamatkan sekiranya Unit-unitnya dinyahsenaraikan daripada Bursa Securities.

➤ **Penggantungan Pembentukan dan/atau Penebusan oleh Pengurus**

- Urus niaga Unit-unit pada Bursa Securities tidak semestinya digantung sekiranya pembentukan dan/atau penebusan Unit-unit digantung buat sementara oleh Pengurus selaras dengan terma-terma Surat Ikatan. Sekiranya pembentukan dan/atau penebusan Unit-unit digantung buat sementara, harga dagangan Unit-unit mungkin terjejas dan berbeza daripada nilai pasaran mendasari Dana.

➤ **Risiko Undang-undang dan Berperaturan**

- Dana hendaklah mematuhi kekangan peraturan atau perubahan dalam undang-undang yang melibatkannya atau sekatan pelaburannya yang mungkin memerlukan perubahan dalam dasar dan objektif pelaburan Dana. Selanjutnya, perubahan dalam undang-undang sedemikian mungkin memberi kesan kepada sentimen pasaran yang boleh sebaliknya menjelaskan prestasi Dana. Adalah mustahil untuk meramalkan sama ada kesan yang disebabkan oleh sebarang perubahan undang-undang akan menjadi positif atau negatif kepada Dana. Dalam senario kes terburuk, Pemegang Unit mungkin kehilangan semua pelaburan beliau dalam Dana.

➤ **Kebergantungan pada Peniaga yang Mengambil Bahagian**

- Pembentukan dan penebusan Unit-unit hanya boleh dilakukan melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian. Pada tarikh Prospektus Induk ini, Pengurus telah menandatangani Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dengan Peniaga yang Mengambil Bahagian. Ini membolehkan Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk memohon pembentukan Unit-unit baru dan/atau memerlukan penebusan Unit-unit sedia ada. Sekiranya Peniaga yang Mengambil Bahagian sedia ada menarik diri pada bila-bila masa dan tidak ada peniaga yang mengambil bahagian yang baru atau tambahan dilantik dan/atau menandatangani Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dengan Pengurus, tidak ada Unit baru boleh kemudiannya dibentuk atau ditebus. Memandangkan pada masa ini terdapat hanya satu peniaga yang mengambil bahagian, Pemegang Unit tidak akan dapat membentuk atau menebus Unit-unit secara bebas.
- Walaupun Peniaga yang Mengambil Bahagian telah bersetuju, selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dengan Pengurus bahawa ia akan membentuk dan menebus bagi pelabur, sama ada atau tidak Peniaga yang Mengambil Bahagian bersetuju dengan pelabur untuk membentuk atau menebus Unit-unit bagi mereka perlu dipersetujui antara pelabur yang berkenaan dan Peniaga yang Mengambil Bahagian tersebut. Peniaga yang Mengambil Bahagian boleh mengenakan yuran bagi penyediaan perkhidmatan ini.

Peniaga yang Mengambil Bahagian tidak akan dapat membentuk atau menebus Unit-unit semasa tempoh pengantungan.

➤ **Pelaburan Pasif**

- Oleh kerana Objektif Dana adalah untuk menjelaki prestasi Penanda Aras, Dana tidak diuruskan secara aktif dan melabur semua atau sebahagian besar daripada Aset Dana dalam Niagaan Hadapan Indeks tanpa mengambil kira merit pelaburan mereka. Pelabur perlu ambil perhatian bahawa Pengurus tidak cuba memilih pelaburan secara individu atau mengambil kedudukan bertahan dalam pasaran menurun. Oleh itu, kemerosotan dalam prestasi Penanda Aras akan mengakibatkan kejatuhan sepadan dalam nilai Dana tanpa mengira prestasi keseluruhan pasaran. Selaras dengan itu, tidak ada jaminan bahawa pergerakan Penanda Aras dan NAV Dana akan sepadan dengan pergerakan pasaran keseluruhan.

➤ **Risiko Kesilapan Penjejakan**

- Nilai Aset Bersih Dana mungkin tidak berkaitan dengan prestasi Penanda Aras. Faktor-faktor seperti yuran dan perbelanjaan Dana, korelasi tidak sempurna antara aset Dana dan Niagaan Hadapan Indeks, ketidakupayaan untuk mengimbangi semula pemegangan kontrak niagaan hadapan Dana sebagai tindak balas kepada perolehan portfolio yang tinggi, kos urus niaga, kekurangan kecairan sementara di pasaran bagi kontrak niagaan hadapan yang dipegang oleh Dana, perubahan dalam konstituen Indeks Mendasari, pembubaran harga kontrak niagaan hadapan, ketidakupayaan untuk memperoleh bilangan kontrak niagaan hadapan yang diperlukan disebabkan saiz Dana yang terhad, perubahan kepada Indeks Mendasari dan polisi-polisi berperaturan boleh menjelaskan keupayaan Pengurus untuk mencapai korelasi yang dekat dengan prestasi Penanda Aras. Tahap yuran, cukai dan perbelanjaan yang perlu dibayar oleh Dana akan naik turun berhubung dengan Nilai Aset Bersih. Walaupun jumlah perbelanjaan biasa tertentu Dana boleh dianggarkan, kadar pertumbuhan Dana, dan oleh itu Nilai Aset Bersihnya, tidak dapat dijangkakan. Faktor-faktor di atas boleh menyebabkan pulangan Dana melenceng daripada prestasi Penanda Aras.

➤ **Dana Bukan Amanah Saham Biasa**

- Pelabur hendaklah perhatikan bahawa Dana tersebut tidak seperti dana amanah saham biasa yang ditawarkan kepada orang awam di Malaysia. Unit-unit hanya boleh dibentuk dan ditebus dalam Blok Unit Pembentukan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Unit-unit tidak boleh dilanggan, atau ditebus, secara langsung oleh pelabur runcit. Selagi Unit-unit disenaraikan bagi sebut harga di Bursa Securities, pelabur runcit tidak mempunyai hak untuk meminta Pengurus menebus atau membeli Unit-unit mereka. Peniaga yang Mengambil Bahagian tidak akan dapat membentuk atau menebus Unit-unit dalam mana-mana tempoh apabila, antara lain, urusan di Bursa Securities disekat atau digantung, penyelesaian atau penjelasan sekuriti terganggu atau Penanda Aras tidak disusun atau diterbitkan. Pelabur pada amnya hanya boleh merealisasikan nilai Unit-unit mereka dengan menjual Unit-unit mereka di Bursa Securities. Ciri-ciri ini biasanya tidak terdapat dalam dana amanah saham biasa yang ditawarkan kepada orang awam di Malaysia, di mana unit secara amnya boleh dibeli dan ditebus terus oleh orang awam runcit.

➤ **Blok Unit Pembentukan / Penebusan Minimum**

- Unit-unit biasanya akan hanya diterbitkan atau ditebus dalam Blok Unit Pembentukan atau Blok Unit Penebusan (pada masa ini 500,000 Unit). Pelabur yang tidak memegang Blok Unit Penebusan hanya dapat merealisasikan nilai Unit-unit mereka dengan menjual Unit-unit mereka di Bursa Securities.

➤ **Risiko Kemeruapan**

- Harga Dana mungkin lebih meruap daripada dana didagang pada bursa konvensional disebabkan aktiviti pengimbangan semula harian.

## 2.2 Risiko-risiko Khusus Pelaburan dalam Dana

### 2.2.1 Risiko-risiko Khusus Pelaburan dalam Kenanga KLCI Daily 2x Leveraged ETF

➤ **Risiko Pegangan Jangka Panjang**

- **Dana tidak dihasratkan untuk dipegang lebih lama daripada satu (1) hari** memandangkan prestasi Dana ke atas tempoh lebih panjang daripada satu (1) hari berkemungkinan akan berbeza dari segi jumlah kemungkinan hala tuju daripada prestasi berleveraj Indeks Mendasari sepanjang tempoh yang sama (sebagai contoh kerugian mungkin lebih daripada dua kali jatuh dalam Indeks Mendasari). Kesan pengkompaunan menjadi lebih ketara ke atas prestasi Dana apabila Indeks Mendasari mengalami kemeruapan. Pelencongan prestasi Dana daripada prestasi berleveraj Indeks Mendasari akan meningkat, dan prestasi Dana akan biasanya terjejas dengan kemeruapan Indeks Mendasari yang lebih tinggi. Akibat daripada pengimbangan semula harian, kemeruapan Indeks Mendasari dan kesan pengkompaunan pulangan setiap hari lama-kelamaan, ianya juga mungkin bahawa pelabur akan kehilangan wang lama-kelamaan manakala prestasi Indeks Mendasari meningkat atau mendatar.

➤ **Risiko Leveraj**

- Dana akan menggunakan leveraj untuk mencapai pulangan harian bersamaan dengan dua kali (2x) pulangan Indeks Mendasari. Kedua-dua keuntungan dan kerugian akan diperbesarkan. Risiko kerugian yang berhasil daripada pelaburan dalam Dana dalam keadaan tertentu termasuk pasaran bearis akan lebih banyak daripada dana yang tidak menggunakan leveraj.

➤ **Risiko Aktiviti Pengimbangan Semula**

- Tidak ada jaminan bahawa Dana dapat mengimbangi semula portfolionya atas dasar harian untuk mencapai objektif pelaburannya. Gangguan pasaran, sekatan berperaturan atau naik turun pasaran ekstrem boleh menjelaskan keupayaan Dana untuk mengimbangi semula portfolionya. Ini mungkin menyebabkan Nilai Aset Bersih Dana mungkin tidak berkaitan dengan prestasi Penanda Aras.

➤ **Risiko Kecairan**

- Aktiviti pengimbangan semula Dana biasanya berlaku sebelum penutupan dagangan Niagaan Hadapan Indeks, untuk meminimumkan perbezaan penjejakan. Akibatnya, Dana mungkin lebih terdedah kepada keadaan pasaran dalam jarak waktu yang lebih pendek dan mungkin lebih tertakluk kepada risiko kecairan.

➤ **Risiko Pelaburan Intraday**

- Dana biasanya diimbangi semula sebelum penutupan dagangan Niagaan Hadapan Indeks. Oleh itu, pulangan bagi pelabur yang melabur bagi tempoh kurang daripada hari dagangan penuh pada amnya akan lebih besar daripada atau kurang daripada dua kali (2x) pendedahan pelaburan berleveraj kepada Indeks Mendasari, bergantung kepada pergerakan Indeks Mendasari dari akhir satu (1) hari dagangan sehingga masa pembelian.

➤ **Risiko Pusing Ganti Portfolio**

- Pengimbangan semula harian pemegangan Dana menyebabkan urus niaga portfolio yang lebih tinggi berbanding dengan ETF konvensional. Tahap urus niaga yang tinggi akan meningkatkan pembrokeran dan kos urus niaga lain yang akan ditanggung oleh Dana.

➤ **Risiko Dikaitkan dengan Pelaburan dalam Kontrak Niagaan hadapan**

- *Gulingan Risiko Kontrak Niagaan Hadapan*  
Dana akan menggunakan kontrak niagaan hadapan yang boleh mendedahkan Dana kepada risiko kecairan yang dikaitkan dengan kontrak niagaan hadapan yang boleh menjelaskan nilai kontrak niagaan hadapan tersebut. "Gulingan" berlaku apabila kontrak niagaan hadapan yang sedia ada akan tamat tempoh dan digantikan dengan kontrak niagaan hadapan yang mewakili kontrak yang sama tetapi dengan tarikh luput terkemudian. Dana boleh terjejas oleh kos penggulingan kedudukan hadapan disebabkan oleh harga kontrak niagaan hadapan yang lebih tinggi dengan tarikh tamat tempoh apabila kontrak niagaan hadapan tamat. Perubahan dalam harga kontrak niagaan hadapan mungkin menggambarkan banyak faktor seperti perubahan ekonomi yang dapat ditanggap atau keadaan politik serta peningkatan permintaan.

• *Risiko Contango dan Bayaran Tangguh Serah*

Apabila Niagaan Hadapan Indeks berakhir, ia diganti dengan kontrak yang mempunyai tarikh tamat tempoh terkemudian. Sebagai contoh, kontrak jangka masa panjang yang ditandatangani dan dipegang sehingga Jun mungkin menyatakan tamat tempoh Jun.

Apabila masa berlalu, kontrak yang akan tamat pada bulan Jun diganti dengan kontrak yang tamat tempoh pada Julai. Ini dicapai dengan menjual kontrak Jun dan menandatangani kontrak jangka panjang Julai. Proses ini dirujuk sebagai "gulingan". Tidak termasuk pertimbangan lain, sekiranya pasaran bagi kontrak-kontrak ini adalah dalam "*contango*", di mana harga adalah lebih tinggi dalam bulan-bulan tamat tempoh yang jauh berbanding dengan bulan-bulan tamat tempoh yang lebih dekat, jualan kontrak Jun akan berlaku pada harga yang lebih rendah berbanding harga kontrak Julai. Selaras dengan itu, perolehan jualan apabila gulingan (jualan dan kemudian membeli Niagaan Hadapan Indeks) tidak akan mencukupi untuk membeli bilangan Niagaan Hadapan Indeks yang sama dengan harga yang lebih tinggi, dengan itu membentuk "kadar hasil gulingan" negatif yang menjelaskan NAV Dana. Sebaliknya, sekiranya pasaran bagi kontrak-kontrak ini dalam "*bayaran tangguh serah*", di mana harga-harga adalah lebih rendah dalam bulan-bulan tamat tempoh jauh daripada bulan-bulan tamat tempoh yang lebih dekat, jualan kontrak Jun akan berlaku pada harga yang lebih tinggi daripada harga kontrak Julai, dengan itu membentuk "kadar hasil gulingan" positif.

- *Risiko Margin*

Pada amnya, kebanyakan urus niaga berleveraj, seperti kontrak niagaan hadapan, melibatkan mengemukakan margin atau kolateral. Disebabkan deposit margin atau kolateral yang rendah biasanya diperlukan dalam perdagangan niagaan hadapan, tahap leveraj yang sangat tinggi adalah tipikal daripada akaun dagangan niagaan hadapan. Akibatnya, pergerakan harga yang agak kecil dalam kontrak niagaan hadapan mungkin mengakibatkan impak berkekuatan tinggi dan kerugian besar kepada Dana yang mempunyai kesan kurang baik ke atas NAV Dana. Seperti pelaburan berleveraj lain, urus niaga niagaan hadapan oleh Dana boleh mengakibatkan kerugian besar yang melebihi jumlah yang dilaburkan oleh Dana. Dana tambahan mungkin perlu dikemukakan sebagai margin atau kolateral untuk memenuhi panggilan sedemikian berdasarkan tanda harian ke pasaran kontrak niagaan hadapan. Peningkatan dalam jumlah margin atau kolateral atau bayaran yang serupa mungkin mengakibatkan keperluan bagi Dana untuk mencari pelaburannya pada harga yang kurang menggalakkan untuk memenuhi panggilan margin atau kolateral. Ini boleh mengakibatkan kerugian besar kepada Pemegang Unit.

- *Risiko Pasaran Kontrak Niagaan Hadapan*

Pasaran kontrak niagaan hadapan mungkin tidak berhubung kait dengan pasaran tradisional (seperti pasaran ekuiti) dan tertakluk kepada risiko yang lebih besar daripada pasaran lain. Ia adalah ciri kontrak niagaan hadapan yang pada amnya tertakluk kepada perubahan pesat dan risiko yang terlibat mungkin berubah dengan cepat. Harga kontrak niagaan hadapan boleh menjadi sangat meruap. Pergerakan harga sedemikian dipengaruhi oleh, antara lain, kadar faedah, perubahan bekalan pasaran dan hubungan permintaan, program kawalan dagangan, fiskal, monetari dan pertukaran dan dasar kerajaan. Dalam beberapa kes, perubahan politik yang meluas boleh menyebabkan ketegangan perlombagaan dan sosial, ketidakstabilan dan tindak balas terhadap pembaharuan pasaran.

- *Risiko Bilangan Sekatan Memegang Niagaan Hadapan*

Mengikut spesifikasi kontrak niagaan hadapan, seseorang hanya boleh memegang maksimum 10,000 kontrak niagaan hadapan Indeks Niagaan Hadapan FTSE KLCI dalam semua bulan kontrak digabung. Selaras dengan itu, keupayaan Dana untuk memperoleh kontrak niagaan hadapan selanjutnya akan terjejas sekiranya NAV Dana berkembang dengan ketara yang mungkin menghalang pembentukan Unit-unit. Ini boleh menyebabkan perbezaan antara harga dagangan Unit pada Bursa Securities dan NAV setiap Unit. Selain itu, pendedahan pelaburan juga boleh melencong daripada pendedahan sasaran yang menambah kesilapan penjejakkan kepada Dana.

➤ **Kebergantungan pada Laluan**

- Objektif Dana adalah untuk menyediakan hasil pelaburan yang, sebelum yuran dan perbelanjaan, berpadanan secara rapat dengan prestasi Penanda Aras atas asas harian sahaja. Oleh itu, Dana tidak harus disamakan dengan dana yang mencari kedudukan leveraj bagi tempoh yang lebih panjang daripada satu hari. Pelabur dalam Dana harus perhatikan bahawa prestasi mata ke mata Dana sepanjang tempoh lebih lama daripada satu (1) hari mungkin tidak merupakan dua kali (2x) prestasi Indeks Mendasari sepanjang tempoh masa yang sama akibat daripada kesan "kebergantungan pada laluan" dan

mengkompaun pulangan harian Indeks Mendasari. Prestasi Dana sepanjang tempoh lebih panjang daripada satu hari adalah bergantung pada Penanda Aras, bermaksud bahawa tanpa mengambil kira prestasi terkumpul Indeks Mendasari, laluan berbeza akan mendatangkan pulangan yang berbeza bagi Dana. Sila rujuk kepada seksyen 3.1.6 “Perbandingan Di Antara Dana, Indeks Mendasari dan Penanda Aras bagi Tempoh Lebih Panjang Daripada Satu Hari (iaitu Perbandingan Prestasi Mata ke Mata)” untuk tujuan ilustrasi pada laluan berbeza yang mendatangkan pulangan berbeza bagi Dana.

Pelabur mesti berjaga-jaga apabila memegang Dana bagi lebih lama daripada selang mengimbangi semula, iaitu satu (1) Hari Perniagaan. Prestasi Dana, apabila dipegang semalam, akan berkemungkinan melenceng daripada prestasi Penanda Aras.

➤ **Risiko Berkaitan dengan Penanda Aras**

• *Risiko Naik Turun*

Prestasi Unit-unit harus, sebelum yuran dan perbelanjaan, berpadanan secara rapat dengan prestasi Penanda Aras yang adalah dua kali (2x) prestasi Indeks Mendasari. Sekiranya Indeks Mendasari mengalami kemeruapan atau naik turun, harga Unit-unit akan berubah-ubah dan mungkin jatuh.

• *Lesen untuk Mengguna Penanda Aras mungkin Ditamatkan*

Pengurus diberi lesen oleh Pemberi Lesen Indeks untuk mengguna Penanda Aras berhubung dengan Dana dan untuk mengguna cap dagangan tertentu dan mana-mana hak cipta dalam Penanda Aras. Dana mungkin tidak dapat memenuhi objektifnya dan mungkin ditamatkan sekiranya perjanjian lesen ditamatkan atau sekiranya Penanda Aras berhenti untuk disusun atau disiarkan.

• *Penyusunan Risiko Indeks Mendasari*

Sekuriti-sekuriti Indeks Mendasari ditentukan dan terbentuk oleh Pemberi Lesen Indeks tanpa mengambil kira prestasi Dana. Dana tidak ditaja, diendors, dijual atau dianjurkan oleh Pemberi Lesen Indeks. Pemberi Lesen Indeks tidak membuat representasi atau waranti, secara nyata atau tersirat, kepada pelabur Dana atau lain-lain orang berhubung dengan nasihat melabur dalam kontrak niagaan hadapan secara am atau dalam Dana secara khususnya. Pemberi Lesen Indeks tidak mempunyai obligasi untuk mengambil kira keperluan Pengurus atau pelabur dalam Dana dalam menentukan, membentuk atau mengira Indeks Mendasari. Tidak ada jaminan bahawa Pemberi Lesen Indeks akan menyusun Indek Mendasari secara tepat, atau bahawa Indeks Mendasari akan ditentukan, dibentuk atau dikira dengan tepat. Selain daripada itu, proses dan asas mengira dan menyusun Indeks Mendasari dan mana-mana daripada formula berkaitannya, syarikat-syarikat ahli dan faktor-faktor mungkin pada bila-bila masa diubah atau dipinda oleh Pemberi Lesen Indeks tanpa notis. Akibatnya tidak akan ada jaminan bahawa tindakan Pemberi Lesen Indeks tidak akan menjelaskan kepentingan Dana atau pelabur.

➤ **Risiko Kebergantungan pada Pengurus**

- Risiko ini merujuk kepada kebergantungan Pemegang Unit ke atas Pengurus untuk merumuskan strategi pelaburan bagi Dana. Prestasi Dana juga bergantung pada perkhidmatan dan kemahiran kakitangan Pengurus. Dalam hal kehilangan perkhidmatan Pengurus, atau mana-mana personel pentingnya, serta juga apa-apa gangguan ketara akan operasi perniagaan Pengurus atau dalam hal teruk ketidaksolvenan Pengurus, terdapat risiko bahawa Pemegang Amanah mungkin tidak dapat melantik syarikat pengurusan gantian dengan kemahiran dan kelayakan yang diperlukan secara cepat atau sama sekali. Lagipun, mana-mana pengurus gantian yang dilantik mungkin tidak mempunyai kualiti yang serupa.

➤ **Risiko Kebergantungan ke atas Penasihat Teknikal**

- Walaupun sesetengah kakitangan Pengurus mempunyai pengalaman dalam menguruskan dana-dana amanah saham, dana berleveraj berdasarkan niagaan hadapan adalah sesuatu yang baru kepada Pengurus. Oleh yang demikian, Pengurus banyak bergantung ke atas kepakaran Penasihat Teknikal untuk menyokong pelaburan Dana. Jika sekiranya berlaku kerosakan atau gangguan dalam komunikasi dengan atau penyediaan oleh Penasihat Teknikal akan bantuannya kepada Pengurus, operasi Dana mungkin menghadapi risiko terjejas secara teruk. Berlakunya peristiwa sedemikian boleh menyebabkan kemerosotan

dalam prestasi Dana, dan pelabur akan menghadapi risiko kehilangan kewangan di bawah keadaan sedemikian.

## 2.2.2 Risiko Khusus Melabur dalam Kenanga KLCI Daily (-1x) Inverse ETF

### ➤ Risiko Pegangan Jangka Panjang

- **Dana tidak dihasratkan untuk dipegang lebih lama daripada satu (1) hari** memandangkan prestasi Dana ke atas tempoh lebih panjang daripada satu (1) hari berkemungkinan akan berbeza dari segi jumlah dan kemungkinan hala tuju daripada prestasi songsang Indeks Mendasari sepanjang tempoh yang sama (sebagai contoh kerugian mungkin lebih daripada satu kali peningkatan dalam Indeks Mendasari). Kesan pengkompaunan menjadi lebih ketara ke atas prestasi Dana apabila Indeks Mendasari mengalami kemeruapan. Pelencongan prestasi Dana daripada prestasi songsang Indeks Mendasari akan meningkat, dan prestasi Dana akan biasanya terjejas dengan kemeruapan Indeks Mendasari yang lebih tinggi. Akibat daripada pengimbangan semula harian, kemeruapan Indeks Mendasari dan kesan pengkompaunan pulangan setiap hari lama-kelamaan, ianya juga mungkin bahawa pelabur akan kehilangan wang lama-kelamaan manakala prestasi Indeks Mendasari jatuh atau mendatar.

### ➤ Dana Songsang Iwn. Risiko Jualan Singkat

- Melabur dalam Dana adalah berlainan daripada mengambil kedudukan singkat. Disebabkan menyeimbangkan semula profil pulangan Dana tidak sama dengan kedudukan yang singkat. Dalam pasaran yang tidak menentu dengan perubahan arah yang kerap, prestasi Dana mungkin melenceng daripada kedudukan singkat.

### ➤ Risiko Corak Pulangan Tidak Konvensional

- Dana songsang bertujuan untuk memberikan yang bertentangan dengan pulangan harian Indeks Mendasari. Hasil pelaburan risiko Dana adalah bertentangan dengan dana pelaburan konvensional. Sekiranya nilai Indeks Mendasari meningkat bagi tempoh selanjutnya, Dana mungkin akan kehilangan kebanyakan atau kesemua nilainya.

### ➤ Risiko Aktiviti Pengimbangan Semula

- Tidak ada jaminan bahawa Dana dapat mengimbangi semula portfolio mereka atas dasar harian untuk mencapai objektif pelaburan mereka. Gangguan pasaran, sekatan berperaturan atau naik turun pasaran ekstrem boleh menjelaskan keupayaan Dana untuk mengimbangi semula portfolionya. Ini mungkin menyebabkan Nilai Aset Bersih Dana mungkin tidak berkaitan dengan prestasi Penanda Aras.

### ➤ Risiko Kecairan

- Aktiviti pengimbangan semula Dana biasanya berlaku sebelum penutupan dagangan Niagaan Hadapan Indeks, untuk meminimumkan perbezaan penjejak. Akibatnya, Dana mungkin lebih terdedah kepada keadaan pasaran dalam jarak waktu yang lebih pendek dan mungkin lebih tertakluk kepada risiko kecairan.

### ➤ Risiko Pelaburan Intraday

- Dana biasanya diimbangi semula sebelum penutupan dagangan Niagaan Hadapan Indeks. Oleh itu, pulangan bagi pelabur yang melabur bagi tempoh kurang daripada hari dagangan penuh pada amnya akan lebih besar daripada atau kurang daripada pendedahan pelaburan songsang kepada Indeks Mendasari, bergantung kepada pergerakan Indeks Mendasari dari akhir satu (1) hari dagangan sehingga masa pembelian.

### ➤ Risiko Pusing Ganti Portfolio

- Pengimbangan semula harian pemegangan Dana menyebabkan urus niaga portfolio yang lebih tinggi berbanding dengan ETF konvensional. Tahap urus niaga yang tinggi akan meningkatkan pembrokeran dan kos urus niaga lain yang akan ditanggung oleh Dana.

### ➤ Risiko Dikaitkan dengan Pelaburan dalam Kontrak Niagaan hadapan

#### • *Gulingan Risiko Kontrak Niagaan Hadapan*

Dana akan menggunakan kontrak niagaan hadapan yang boleh mendedahkan Dana kepada risiko kecairan yang dikaitkan dengan kontrak niagaan hadapan yang boleh menjelaskan nilai kontrak niagaan hadapan tersebut. "Gulingan" berlaku apabila kontrak niagaan hadapan yang sedia ada akan tamat tempoh dan digantikan dengan kontrak

niagaan hadapan yang mewakili kontrak yang sama tetapi dengan tarikh luput terkemudian. Dana mungkin terjejas oleh kos kedudukan penggulingan hadapan disebabkan kontrak niagaan hadapan hampir tamat. Perubahan dalam harga kontrak niagaan hadapan mungkin menggambarkan banyak faktor seperti perubahan ekonomi yang dapat ditanggap atau keadaan politik serta peningkatan permintaan.

- *Risiko Contango dan Bayaran Tangguh Serah*

Apabila Niagaan Hadapan Indeks berakhir, ia diganti dengan kontrak yang mempunyai tarikh tamat tempoh terkemudian. Sebagai contoh, kontrak jangka masa singkat yang ditandatangani dan dipegang sehingga Jun mungkin menyatakan tamat tempoh Jun. Apabila masa berlalu, kontrak yang akan tamat pada Jun diganti dengan kontrak yang tamat tempoh pada Julai. Ini dicapai dengan membeli kontrak Jun dan menandatangani kontrak jangka pendek Julai. Proses ini dirujuk sebagai "gulingan singkat". Tidak termasuk pertimbangan lain, sekiranya pasaran bagi kontrak-kontrak ini adalah "contango", di mana harga adalah lebih tinggi dalam bulan-bulan tamat tempoh yang jauh berbanding dengan bulan-bulan tamat tempoh yang lebih dekat, pembelian kontrak Jun akan berlaku pada harga yang lebih rendah berbanding harga kontrak Julai. Selaras dengan itu, perolehan daripada penutupan kedudukan pandak Jun apabila gulingan (membeli dan kemudian menjual Niagaan Hadapan Indeks) akan berlaku pada harga yang lebih rendah daripada harga kontrak Julai, dengan itu membentuk "kadar hasil gulingan" positif. Sebaliknya, sekiranya pasaran bagi kontrak-kontrak ini adalah "bayaran tangguh serah", di mana harga-harga adalah lebih rendah dalam bulan-bulan tamat tempoh yang jauh berbanding dengan bulan-bulan tamat tempoh yang lebih dekat, penutupan kedudukan jangka pendek Jun akan berlaku pada harga yang lebih tinggi daripada harga kontrak Julai, dengan itu membentuk "kadar hasil gulingan" negatif yang menjelaskan NAV Dana.

- *Risiko Margin*

Pada amnya, pelaburan dalam kontrak niagaan hadapan melibatkan pengemukaan margin atau kolateral. Disebabkan deposit margin atau kolateral yang rendah biasanya diperlukan dalam perdagangan niagaan hadapan, tahap leveraj yang sangat tinggi adalah tipikal daripada akaun dagangan niagaan hadapan. Akibatnya, pergerakan harga yang agak kecil dalam kontrak niagaan hadapan mungkin mengakibatkan impak berkekuatan tinggi dan kerugian besar kepada Dana yang mempunyai kesan kurang baik ke atas NAV Dana. Urus niaga niagaan hadapan oleh Dana boleh mengakibatkan kerugian yang ketara yang melebihi jumlah yang dilaburkan oleh Dana. Dana tambahan mungkin perlu dikemukakan sebagai margin atau kolateral untuk memenuhi panggilan sedemikian berdasarkan tanda harian ke pasaran kontrak niagaan hadapan. Peningkatan dalam jumlah margin atau kolateral atau bayaran yang serupa mungkin mengakibatkan keperluan bagi Dana untuk mencari pelaburannya pada harga yang kurang menggalakkan untuk memenuhi panggilan margin atau kolateral. Ini boleh mengakibatkan kerugian besar kepada Pemegang Unit.

- *Risiko Pasaran Kontrak Niagaan Hadapan*

Pasaran kontrak niagaan hadapan mungkin tidak berhubung kait dengan pasaran tradisional (seperti pasaran ekuiti) dan tertakluk kepada risiko yang lebih besar daripada pasaran lain. Ia adalah ciri kontrak niagaan hadapan yang pada amnya tertakluk kepada perubahan pesat dan risiko yang terlibat mungkin berubah dengan cepat. Harga kontrak niagaan hadapan boleh menjadi sangat meruap. Pergerakan harga sedemikian dipengaruhi oleh, antara lain, kadar faedah, perubahan bekalan pasaran dan hubungan permintaan, program kawalan dagangan, fiskal, monetari dan pertukaran dan dasar kerajaan. Dalam beberapa kes, perubahan politik yang meluas boleh menyebabkan ketegangan perlombagaan dan sosial, ketidakstabilan dan tindak balas terhadap pembaharuan pasaran.

- *Risiko Bilangan Sekatan Memegang Niagaan Hadapan*

Mengikut spesifikasi kontrak niagaan hadapan, seseorang hanya boleh memegang maksimum 10,000 kontrak niagaan hadapan Indeks Niagaan Hadapan FTSE KLCI dalam semua bulan kontrak digabung. Selaras dengan itu, keupayaan Dana untuk memperoleh kontrak niagaan hadapan selanjutnya akan terjejas sekiranya NAV Dana berkembang dengan ketara yang mungkin menghalang pembentukan Unit-unit. Ini boleh menyebabkan perbezaan antara harga dagangan Unit pada Bursa Securities dan NAV setiap Unit. Selain itu, pendedahan pelaburan juga boleh melencong daripada pendedahan sasaran yang menambah kesilapan penjejakkan kepada Dana.

➤ **Prestasi Songsang Indeks Mendasari**

- Pelabur dalam Dana harus perhatikan bahawa objektif dan risiko yang sedia ada dalam Dana biasanya tidak ditemui dalam dana didagang pada bursa tradisional yang menjas prestasi “panjang” dan bukan prestasi songsang indeks. Sekiranya nilai sekuriti mendasari daripada Indeks Mendasari meningkat, ia boleh memberi kesan negatif ke atas prestasi Dana. Oleh itu, Pemegang Unit boleh, dalam keadaan tertentu termasuk pasaran bulis, menghadapi sedikit atau tiada pulangan, atau mungkin mengalami kerugian sepenuhnya. Kesan negatif pengkompaunan adalah lebih ketara apabila digabungkan dengan pengimbangan semula harian dalam pasaran meruap.

Dana direka sebagai alat dagangan untuk tujuan pemasaan pasaran jangka pendek atau lindung nilai, dan tidak dihasratkan untuk pelaburan jangka panjang. Ia hanya sesuai untuk pelabur yang memahami akibat berpotensi daripada mencari keputusan terbalik harian, risiko berkaitan dan sentiasa mengawasi prestasi pemegangan mereka atas asas harian.

➤ **Kebergantungan pada Laluan**

- Objektif Dana adalah untuk menyediakan hasil pelaburan yang, sebelum yuran dan perbelanjaan, berpadanan secara rapat dengan prestasi Penanda Aras atas asas harian sahaja. Oleh itu, Dana tidak harus disamakan dengan dana yang mencari kedudukan songsang bagi tempoh yang lebih panjang daripada satu hari. Pelabur dalam Dana harus perhatikan bahawa prestasi mata ke mata daripada sejarah prestasi songsang Dana sepanjang tempoh tertentu mungkin tidak “simetri” kepada prestasi mata ke mata Indeks Mendasari didarab dengan -100% ke atas tempoh yang sama akibat daripada kesan “kebergantungan pada Laluan” dan pengkompaunan pulangan harian Dana. Prestasi Dana sepanjang tempoh lebih panjang daripada satu (1) hari adalah bergantung pada Penanda Aras, bermaksud bahawa tanpa mengambil kira prestasi terkumpul Indeks Mendasari, laluan berbeza akan mendatangkan pulangan yang berbeza bagi Dana. Sila rujuk kepada seksyen 3.2.6 “Perbandingan Di Antara Dana, Indeks Mendasari dan Penanda Aras bagi Tempoh Lebih Panjang Daripada Satu Hari (iaitu Perbandingan Prestasi Mata ke Mata)” untuk tujuan ilustrasi pada laluan berbeza yang mendatangkan pulangan berbeza bagi Dana.

Pelabur mesti berjaga-jaga apabila memegang Dana bagi lebih lama daripada selang mengimbangi semula, iaitu satu (1) Hari Perniagaan. Prestasi Dana, apabila dipegang semalam, akan berkemungkinan melenceng daripada prestasi Penanda Aras.

➤ **Risiko Berkaitan dengan Penanda Aras**

• *Risiko Naik Turun*

Prestasi Unit-unit harus, sebelum yuran dan perbelanjaan, berpadanan secara rapat dengan prestasi Penanda Aras yang adalah songsang (-1x) prestasi Indeks Mendasari. Sekiranya Indeks Mendasari mengalami kemeruapan atau naik turun, harga Unit-unit akan berubah-ubah dan mungkin jatuh.

• *Lesen untuk Mengguna Penanda Aras mungkin Ditamatkan*

Pengurus diberi lesen oleh Pemberi Lesen Indeks untuk mengguna Penanda Aras berhubung dengan Dana dan untuk mengguna cap dagangan tertentu dan mana-mana hak cipta dalam Penanda Aras. Dana mungkin tidak dapat memenuhi objektifnya dan mungkin ditamatkan sekiranya perjanjian lesen ditamatkan atau sekiranya Penanda Aras berhenti untuk disusun atau disiarkan.

• *Penyusunan Risiko Indeks Mendasari*

Sekuriti-sekuriti Indeks Mendasari ditentukan dan terbentuk oleh Pemberi Lesen Indeks tanpa mengambil kira prestasi Dana. Dana tidak ditaja, diendors, dijual atau dianjurkan oleh Pemberi Lesen Indeks. Pemberi Lesen Indeks tidak membuat representasi atau waranti, secara nyata atau tersirat, kepada pelabur Dana atau lain-lain orang berhubung dengan nasihat melabur dalam kontrak niagaan hadapan secara am atau dalam Dana secara khususnya. Pemberi Lesen Indeks tidak mempunyai obligasi untuk mengambil kira keperluan Pengurus atau pelabur dalam Dana dalam menentukan, membentuk atau mengira Indeks Mendasari. Tidak ada jaminan bahawa Pemberi Lesen Indeks akan menyusun Indek Mendasari secara tepat, atau bahawa Indeks Mendasari akan ditentukan, dibentuk atau dikira dengan tepat. Selain daripada itu, proses dan asas mengira dan

menyusun Indeks Mendasari dan mana-mana daripada formula berkaitannya, syarikat-syarikat ahli dan faktor-faktor mungkin pada bila-bila masa diubah atau dipindah oleh Pemberi Lesen Indeks tanpa notis. Akibatnya tidak akan ada jaminan bahawa tindakan Pemberi Lesen Indeks tidak akan menjelaskan kepentingan Dana, Pengurus atau pelabur.

➤ **Risiko Kebergantungan pada Pengurus**

- Risiko ini merujuk kepada kebergantungan Pemegang Unit ke atas Pengurus untuk merumuskan strategi pelaburan bagi Dana. Prestasi Dana juga bergantung pada perkhidmatan dan kemahiran kakitangan Pengurus. Dalam hal kehilangan perkhidmatan Pengurus, atau mana-mana personel pentingnya, serta juga apa-apa gangguan ketara akan operasi perniagaan Pengurus atau dalam hal teruk ketidaksolvenan Pengurus, terdapat risiko bahawa Pemegang Amanah mungkin tidak dapat melantik syarikat pengurusan gantian dengan kemahiran dan kelayakan yang diperlukan secara cepat atau sama sekali. Lagipun, mana-mana pengurus gantian yang dilantik mungkin tidak mempunyai kualiti yang serupa.

➤ **Risiko Kebergantungan ke atas Penasihat Teknikal**

- Walaupun sesetengah kakitangan Pengurus mempunyai pengalaman dalam menguruskan dana-dana amanah saham, dana songsang berdasarkan niagaan hadapan adalah sesuatu yang baru kepada Pengurus. Oleh yang demikian, Pengurus banyak bergantung ke atas kepakaran Penasihat Teknikal untuk menyokong pelaburan Dana. Jika sekiranya berlaku kerosakan atau gangguan dalam komunikasi dengan atau penyediaan oleh Penasihat Teknikal akan bantuannya kepada Pengurus, operasi Dana mungkin menghadapi risiko terjejas secara teruk. Berlakunya peristiwa sedemikian boleh menyebabkan kemerosotan dalam prestasi Dana, dan pelabur akan menghadapi risiko kehilangan kewangan di bawah keadaan sedemikian.

### **3. MENGENAI DANA**

#### **3.1 Kenanga KLCI Daily 2x Leveraged ETF**

##### **3.1.1 Objektif Pelaburan**

Dana dihasratkan untuk menyediakan prestasi harian, sebelum yuran dan perbelanjaan, yang hampir sepadan dengan prestasi harian Penanda Aras.

**Dana tidak bertujuan untuk mencapai objektif pelaburan dinyatakan ke atas tempoh masa lebih daripada satu (1) hari.**

*Apa-apa perubahan material kepada objektif pelaburan Dana akan memerlukan kelulusan Pemegang Unit.*

##### **3.1.2 Profil Pelabur**

Dana adalah sesuai untuk pelabur yang:

- mencari pendedahan berleveraj 2x kepada syarikat-syarikat Indeks Mendasari;
- mempunyai pandangan pasaran menaik;
- berhasrat untuk secara aktif mengawasi dan mengurus pelaburan mereka; dan
- mempunyai toleransi risiko yang tinggi.

##### **3.1.3 Peruntukan Aset**

- Sehingga 70% daripada NAVnya hendaklah dijadikan sebagai margin bagi kontrak niagaan hadapan; dan
- Baki selebihnya NAV Dana (sekiranya ada) hendaklah dilaburkan dalam instrumen pasaran wang, skim pelaburan kolektif pasaran wang dan/atau deposit yang ditempatkan dengan institusi kewangan.

##### **3.1.4 Strategi Pelaburan**

Pengurus berhasrat untuk menerima pakai strategi pelaburan replikasi berasaskan niagaan hadapan untuk mencapai objektif pelaburan Dana. Pengurus akan melabur secara langsung dalam Indeks Niagaan Hadapan, tertakluk kepada strategi gulingan di bawah, untuk mendapatkan pendedahan yang diperlukan kepada Penanda Aras.

Dalam memasuki Indeks Niagaan Hadapan setiap bulan kalender, Pengurus menjangka bahawa sehingga 70%\* daripada NAV Dana dari masa ke masa akan digunakan sebagai margin untuk memperoleh Indeks Niagaan Hadapan. Baki selebihnya NAV Dana (sekiranya ada) akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang, skim pelaburan kolektif pasaran wang dan deposit yang ditempatkan dengan institusi kewangan. Kadar hasil daripada pelaburan tersebut akan digunakan untuk memenuhi yuran dan perbelanjaan Dana dan selepas menolak yuran dan perbelanjaan tersebut, selebihnya akan dilaburkan semula dalam instrumen pasaran wang, skim pelaburan kolektif pasaran wang dan deposit ditempatkan dengan institusi kewangan.

Pengurus juga boleh meletakkan sehingga 100% daripada NAV Dana dalam akaun margin dengan broker niagaan hadapan untuk pelaburan dalam Indeks Niagaan Hadapan sekiranya saiz Dana kurang daripada RM50 juta atau pasaran dianggap meruap oleh Pengurus.

Pengurus tidak akan melabur Dana dalam mana-mana instrumen derivatif kewangan selain daripada Indeks Niagaan Hadapan untuk tujuan pelaburan. Dana tidak akan memasuki pemberian pinjaman sekuriti atau urus niaga lain di kaunter yang serupa.

Pendedahan Dana kepada Indeks Niaga Hadapan tidak akan melebihi 200% daripada NAVnya (i) pada masa pengimbangan semula harian Dana, dan (ii) antara pengimbangan semula harian, melainkan disebabkan pergerakan pasaran. Bagi pengiraan pendedahan Dana, pendekatan komitmen akan digunakan, di mana kedudukan derivatif ditukarkan kepada kedudukan yang setara dalam aset mendasari yang terbenam dalam derivatif tersebut, iaitu konstituen Indeks Mendasari. Pengurus juga akan mengambil kira pergerakan pasaran.

\* atau sehingga 500% daripada keperluan margin awal yang ditetapkan oleh Bursa Securities sebagai margin kontrak niagaan hadapan, yang mana lebih tinggi.

### *Menggulung Indeks Niagaan Hadapan*

Untuk memastikan bahawa Dana akan terus mempunyai pendedahan yang diperlukan untuk Penanda Aras, Pengurus akan menutup kedudukan niagaan hadapan bulanan lalu dan memasuki bulan hadapan sebelum hari perdagangan terakhir bulan lalu.

#### **3.1.5 Polisi mengenai Mengimbangi Semula Portfolio Pelaburan**

Dana berusaha untuk menjelaskan prestasi harian Penanda Aras yang direka untuk menyediakan 2x pulangan Indeks Mendasari. Sebelum penutupan perdagangan Indeks Niagaan Hadapan, Dana akan berusaha untuk mengimbangi semula portfolionya, dengan meningkatkan pendedahan sebagai tindak balas kepada keuntungan harian Penanda Aras atau mengurangkan pendedahan sebagai tindak balas kepada kerugian harian Penanda Aras, agar nisbah pendedahan hariannya kepada Penanda Aras konsisten dengan objektif pelaburan Dana.

Jadual di bawah mengilustrasikan bagaimana Dana sebagai ETF berleveraj akan mengimbangi semula kedudukannya berikutan pergerakan Indeks Mendasari menjelang akhir Hari Perniagaan. \*Mengandaikan bahawa NAV awal Dana adalah 100 pada Hari 0, Dana akan mempunyai pendedahan sebanyak 200 untuk memenuhi objektif Dana. Sekiranya Indeks Mendasari meningkat sebanyak 20% pada hari tersebut, NAV Dana akan meningkat kepada 140, menjadikan pendedahan Dana 240. Memandangkan Dana memerlukan pendedahan sebanyak 280, yang mana 2x NAV Dana pada penutupan, Dana perlu mengimbangi semula kedudukannya dengan tambahan 40.

Hari 1 menggambarkan keperluan mengimbangi semula sekiranya Indeks Mendasari jatuh sebanyak 10% pada hari berikutnya; Hari ke-2 menggambarkan keperluan mengimbangi semula sekiranya Indeks Mendasari meningkat sebanyak 10% pada hari berikutnya.

	Pengiraan	Hari 0	Hari 1	Hari 2
(a) NAV Awal		100.0	140.0	112.0
(b) Pendedahan awal	(b) = (a) x 2	200.0	280.0	224.0
(c) Perubahan Indeks Harian (%)		20%	-10%	10%
(d) Keuntungan / kerugian ke atas pendedahan	(d) = (b) x (c)	40.0	-28.0	22.4
(e) Penutupan NAV Dana	(e) = (a) + (d)	140.0	112.0	134.4
(f) Penutupan pendedahan sebelum mengimbangi semula	(f) = (b) x (1+(c))	240.0	252.0	246.4
(g) Pendedahan sasaran	(g) = (e) x 2	280.0	224.0	268.8
(h) Jumlah mengimbangi semula yang diperlukan	(h) = (g) - (f)	40.0	-28.0	22.4

\* Angka di atas adalah dikira sebelum yuran dan perbelanjaan.

#### **3.1.6 Perbandingan Di Antara Dana, Indeks Mendasari dan Penanda Aras bagi Tempoh Lebih Panjang Daripada Satu Hari (iaitu Perbandingan Prestasi Mata ke Mata)**

Objektif Dana adalah untuk menyediakan prestasi harian, sebelum yuran dan perbelanjaan, yang hampir sepadan dengan prestasi harian Penanda Aras. Dana tidak mencuba, dan tidak harus dijangka untuk, menyediakan pulangan, sebelum yuran dan perbelanjaan, yang merupakan pulangan Penanda Aras bagi tempoh-tempoh selain daripada satu hari. Dana mengimbangi semula portfolionya atas dasar harian, meningkatkan pendedahan sebagai tindak balas kepada keuntungan harian Penanda Aras atau mengurangkan pendedahan sebagai tindak balas kepada kerugian harian Penanda Aras. Ini bermakna bahawa bagi tempoh lebih panjang daripada satu (1) Hari Perniagaan, dalam usaha untuk mencapai objektif pelaburan harian boleh mengakibatkan pengkompaunan harian Dana. Dengan yang demikian, prestasi Dana mungkin tidak menjelaki pulangan Penanda Aras terkumpul sepanjang tempoh lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan. Ini bermakna bahawa pulangan Penanda Aras ke atas tempoh masa lebih daripada satu (1) hari biasanya tidak akan sama dengan prestasi Dana ke atas tempoh yang sama. Lama kelamaan, peningkatan atau pengurangan peratusan terkumpul dalam nilai portfolio Dana mungkin menyimpang dengan ketara daripada peningkatan atau pengurangan peratusan terkumpul dalam

pulangan Penanda Aras disebabkan kesan pengkompaunan kerugian dan keuntungan ke atas pulangan Dana.


Adalah juga dijangkakan bahawa Dana akan berprestasi kurang daripada pulangan Penanda Aras dalam pasaran yang ketiadaan trend atau mendatar. Ini disebabkan oleh pengkompaunan, yang merupakan kesan terkumpul daripada perolehan atau kerugian yang dihasilkan sebelumnya selain daripada jumlah pokok, dan akan diperbesarkan oleh kemeruapan pasaran dan tempoh pegangan Dana. Kesan pengkompaunan menjadi lebih ketara ke atas prestasi Dana apabila ia mengalami kemeruapan. Selain itu, kesan kemeruapan diperbesarkan dalam Dana disebabkan leveraj. Senario berikut menggambarkan bagaimana prestasi Dana mungkin menyimpang daripada pulangan Penanda Aras terkumpul ke atas tempoh masa yang lebih lama dalam pelbagai keadaan pasaran. Semua senario adalah berdasarkan hipotesis pelaburan MYR10 dalam Dana.

#### *Senario I: Trend Menaik Berterusan*

Dalam trend menaik yang berterusan, di mana Penanda Aras meningkat secara berterusan lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan, pulangan terkumpul Dana akan menjadi lebih besar daripada keuntungan Penanda Aras terkumpul. Sebagaimana diilustrasikan dalam senario di bawah, di mana pelabur telah melabur dalam Dana pada Hari 0 dan Indeks Mendasari meningkat sebanyak 15% setiap hari bagi empat (4) Hari Perniagaan, menjelang Hari ke-4 Dana akan memperoleh keuntungan terkumpul sebanyak 185.61%, berbanding dengan 149.80% keuntungan yang merupakan pulangan Penanda Aras terkumpul.

	Pulangan Harian Indeks Mendasari	Tahap Indeks Mendasari	Pulangan Terkumpul Indeks Mendasari	Pulangan Harian Dana	NAV Dana (MYR)	Prestasi Terkumpul: Dana	Prestasi Terkumpul: Penanda Aras
Hari 0		100.0	0.00%		MYR10.00	0.00%	0.00%
Hari 1	15.0%	115.0	15.00%	30.0%	MYR13.00	30.00%	30.00%
Hari 2	15.0%	132.25	32.25%	30.0%	MYR16.90	69.00%	64.50%
Hari 3	15.0%	152.09	52.09%	30.0%	MYR21.97	119.70%	104.18%
Hari 4	15.0%	174.90	74.90%	30.0%	MYR28.56	185.61%	149.80%

Carta di bawah mengilustrasikan lagi perbezaan antara (i) prestasi Dana; (ii) pulangan Penanda Aras terkumpul; dan (iii) pulangan Indeks Mendasari terkumpul, dalam trend pasaran menaik yang berterusan ke atas tempoh lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan.




#### *Senario II: Trend Menurun Berterusan*

Dalam trend menurun yang berterusan, di mana Penanda Aras jatuh berterusan lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan, kerugian terkumpul Dana akan menjadi kurang daripada kerugian Penanda Aras terkumpul. Sebagaimana diilustrasikan dalam senario di bawah, di mana pelabur telah melabur

dalam Dana pada Hari 0 dan Indeks Mendasari jatuh sebanyak 15% setiap hari bagi empat (4) Hari Perniagaan, menjelang Hari ke-4 Dana akan mempunyai kerugian terkumpul sebanyak 75.99%, berbanding dengan 95.60% kerugian yang merupakan pulangan Penanda Aras terkumpul.

	Pulangan Harian Indeks Mendasari	Tahap Indeks Mendasari	Pulangan Terkumpul Indeks Mendasari	Pulangan Harian Dana	NAV Dana (MYR)	Prestasi Terkumpul: Dana	Prestasi Terkumpul: Penanda Aras
Hari 0		100.0	0.00%		MYR10.00	0.00%	0.00%
Hari 1	-15.0%	85.00	-15.00%	-30.0%	MYR7.00	-30.00%	-30.00%
Hari 2	-15.0%	72.25	-27.75%	-30.0%	MYR4.90	-51.00%	-55.50%
Hari 3	-15.0%	61.41	-38.59%	-30.0%	MYR3.43	-65.70%	-77.18%
Hari 4	-15.0%	52.20	-47.80%	-30.0%	MYR2.40	-75.99%	-95.60%

Carta di bawah mengilustrasikan selanjutnya perbezaan antara (i) prestasi Dana; (ii) pulangan Penanda Aras terkumpul; dan (iii) pulangan Indeks Mendasari terkumpul, dalam trend pasaran menurun yang berterusan ke atas tempoh lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan.




### Senario III: Trend Menaik Meruap

Dalam trend menaik meruap, di mana Penanda Aras biasanya bergerak menaik ke atas tempoh lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan tetapi dengan kemeruapan harian, prestasi Dana mungkin terjejas di mana prestasi Dana mungkin kurang daripada pulangan Penanda Aras terkumpul. Sebagaimana diilustrasikan dalam senario di bawah, di mana Indeks Mendasari meningkat sebanyak 12.86% ke atas lima (5) Hari Perniagaan tetapi dengan kemeruapan harian, Dana akan mempunyai keuntungan terkumpul sebanyak 20.96%, berbanding dengan keuntungan yang merupakan pulangan Penanda Aras terkumpul sebanyak 25.72%.

	Pulangan Harian Indeks Mendasari	Tahap Indeks Mendasari	Pulangan Terkumpul Indeks Mendasari	Pulangan Harian Dana	NAV Dana (MYR)	Prestasi Terkumpul: Dana	Prestasi Terkumpul: Penanda Aras
Hari 0		100.00	0.00%		MYR10.00	0.00%	0.00%
Hari 1	-5.0%	95.00	-5.00%	-10.0%	MYR9.00	-10.00%	-10.00%
Hari 2	10.0%	104.50	4.50%	20.0%	MYR10.80	8.00%	9.00%
Hari 3	-10.0%	94.05	-5.95%	-20.0%	MYR8.64	-13.60%	-11.90%
Hari 4	20.0%	112.86	12.86%	40.0%	MYR12.10	20.96%	25.72%

Carta di bawah mengilustrasikan selanjutnya perbezaan antara (i) prestasi Dana; (ii) pulangan Penanda Aras terkumpul; dan (iii) pulangan Indeks Mendasari terkumpul, dalam trend pasaran menaik meruap yang berterusan ke atas tempoh lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan.




#### *Senario IV: Trend Menurun Meruap*

Dalam trend menurun meruap, di mana Penanda Aras biasanya bergerak menurun ke atas tempoh lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan tetapi dengan kemeruapan harian, prestasi Dana mungkin terjejas di mana prestasi Dana mungkin lebih daripada kerugian Penanda Aras terkumpul. Sebagaimana dilustrasikan dalam senario di bawah, di mana Indeks Mendasari jatuh sebanyak 16.84% ke atas lima (5) Hari Perniagaan tetapi dengan kemeruapan harian, Dana akan mempunyai kerugian terkumpul sebanyak 36.64%, berbanding dengan kerugian 33.68% yang merupakan pulangan Penanda Aras terkumpul.

	Pulangan Harian Indeks Mendasari	Tahap Indeks Mendasari	Pulangan Terkumpul Indeks Mendasari	Pulangan Harian Dana	NAV Dana (MYR)	Prestasi Terkumpul: Dana	Prestasi Terkumpul: Penanda Aras
Hari 0	100.00	0.00%			MYR10.00	0.00%	0.00%
Hari 1	105.00	5.00%	5.00%	10.0%	MYR11.00	10.00%	10.00%
Hari 2	94.50	-10.0%	-5.50%	-20.0%	MYR8.80	-12.00%	-11.00%
Hari 3	103.95	10.0%	3.95%	20.0%	MYR10.56	5.60%	7.90%
Hari 4	83.16	-20.0%	-16.84%	-40.0%	MYR6.34	-36.64%	-33.68%

Carta di bawah mengilustrasikan lagi perbezaan antara (i) prestasi Dana; (ii) pulangan Penanda Aras terkumpul; dan (iii) pulangan Indeks Mendasari terkumpul, dalam trend pasaran menurun meruap ke atas tempoh lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan.




#### *Scenario V: Pasaran Meruap dengan Prestasi Indeks Mendatar*

Dalam pasaran meruap dengan prestasi indeks mendatar, pengkompaunan yang dinyatakan di atas mungkin mempunyai kesan kurang baik ke atas prestasi Dana. Sebagaimana diilustrasikan di bawah, walaupun Indeks Mendasari telah kembali ke tahap sebelumnya, Dana mungkin kehilangan nilai.

	Pulangan Harian Indeks Mendasari	Tahap Indeks Mendasari	Pulangan Terkumpul Indeks Mendasari	Pulangan Harian Dana	NAV Dana (MYR)	Prestasi Terkumpul: Dana	Prestasi Terkumpul: Penanda Aras
Hari 0	100.00	0.00%			MYR10.00	0.00%	0.00%
Hari 1	-20.0%	80.00	-20.00%	-40.0%	MYR6.00	-40.00%	-40.00%
Hari 2	25.0%	100.00	0.00%	50.0%	MYR9.00	-10.00%	0.00%
Hari 3	-20.0%	80.00	-20.00%	-40.0%	MYR5.40	-46.00%	-40.00%
Hari 4	25.0%	100.00	0.00%	50.0%	MYR8.10	-19.00%	0.00%

Carta di bawah mengilustrasikan lagi perbezaan antara (i) prestasi Dana; (ii) pulangan Penanda Aras terkumpul; dan (iii) pulangan Indeks Mendasari terkumpul, dalam trend pasaran mendatar yang meruap ke atas tempoh lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan.



Sebagaimana yang diilustrasikan dalam graf dan jadual, prestasi terkumpul Dana sebelum penolakan yuran dan perbelanjaan adalah tidak bersamaan dengan prestasi terkumpul Penanda Aras ke atas tempoh lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan.

Sebagaimana diterangkan di atas, Dana menjelaki prestasi Penanda Aras sekiranya diperhatikan atas dasar harian. Walau bagaimanapun, disebabkan kebergantungan laluan Indeks Mendasari dan prestasi berleveraj harian Indeks Mendasari, apabila membandingkan Indeks Mendasari dan Penanda Aras untuk tempoh lebih daripada satu (1) hari (iaitu perbandingan prestasi mata ke mata), sejarah prestasi Dana tidak akan bersamaan dengan prestasi berleveraj mudah Indeks Mendasari ke atas tempoh masa yang sama.

Dana mencari keputusan pelaburan berleveraj atas dasar harian kepada Indeks Mendasari - daripada penutupan perdagangan tetap pada satu (1) hari dagangan hingga penutupan pada hari dagangan yang berikutnya - yang tidak sepertutnya disamakan dengan mencari objektif pelaburan berleveraj bagi mana-mana tempoh lain. Sebagai contoh, sekiranya Indeks Mendasari untung 10% untuk seminggu, Dana tidak seharusnya dijangka untuk memberikan pulangan sebanyak 20% bagi minggu walaupun ia memenuhi objektif pelaburan berleveraj hariannya sepanjang minggu. Ini adalah benar disebabkan perbelanjaan dan caj yang dinyatakan di atas tetapi juga disebabkan usaha mencapai matlamat harian boleh mengakibatkan pengkompaunan berleveraj harian, yang bermaksud bahawa pulangan Penanda Aras ke atas tempoh masa lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan tidak akan biasanya sama dengan prestasi Dana ke atas tempoh yang sama tersebut. Selain itu, kesan pengkompaunan menjadi lebih besar sekiranya Unit lebih lama disimpan melebihi satu hari dagangan.

Pelabur perlu mengambil perhatian bahawa disebabkan kesan "kebergantungan laluan" dan pengkompaunan pulangan harian Penanda Aras, prestasi Dana sebelum penolakan yuran dan perbelanjaan untuk tempoh lebih lama daripada satu (1) hari, terutamanya dalam tempoh kemeruapan pasaran yang mempunyai kesan negatif ke atas pulangan terkumpul Dana, mungkin tidak merupakan pulangan Penanda Aras dan mungkin tidak berhubung kait langsung dengan tahap perubahan Penanda Aras ke atas tempoh yang sama.

Memegang kedudukan tidak diuruskan menjadikan membuka pelabur terdedah kepada risiko naik turun pasaran yang menjelaskan prestasi pelaburan. Dana adalah tidak sesuai bagi pelabur yang tidak berhasrat untuk secara aktif mengawasi dan mengurus portfolio mereka. Scenario ini adalah dihasilkan untuk mengenepikan hakikat bahawa Dana direka sebagai alat perdagangan jangka pendek bagi pelabur yang berhasrat untuk secara aktif mengawasi dan menguruskan portfolio mereka.

### 3.2 Kenanga KLCI Daily (-1x) Inverse ETF

#### 3.2.1 Objektif Pelaburan

Dana dihasilkan untuk menyediakan prestasi harian, sebelum yuran dan perbelanjaan, yang hampir sepadan dengan prestasi harian Penanda Aras.

**Dana tidak mencari untuk mencapai objektif pelaburan dinyatakannya ke atas tempoh masa lebih daripada satu (1) hari.**

*Apa-apa perubahan material kepada objektif pelaburan Dana akan memerlukan kelulusan Pemegang Unit.*

#### 3.2.2 Profil Pelabur

Dana adalah sesuai untuk pelabur yang:

- mencari pendedahan songsang (-1x) kepada syarikat-syarikat daripada Indeks Mendasari;
- mempunyai pandangan bearis pasaran;
- berhasrat untuk secara aktif mengawasi dan mengurus pelaburan mereka; dan
- mempunyai toleransi risiko yang tinggi.

### **3.2.3 Peruntukan Aset**

- Sehingga 70% daripada NAVnya hendaklah dikomitkan sebagai margin bagi kontrak niagaan hadapan; dan
- Baki selebihnya NAV Dana (sekiranya ada) hendaklah dilaburkan dalam instrumen pasaran wang, skim pelaburan kolektif pasaran wang dan/atau deposit yang ditempatkan dengan institusi kewangan

### **3.2.4 Strategi Pelaburan**

Pengurus berhasrat untuk menerima pakai strategi pelaburan replikasi berasaskan niagaan hadapan untuk mencapai objektif pelaburan Dana. Pengurus akan melabur secara langsung dalam Indeks Niagaan Hadapan, tertakluk kepada strategi gulingan di bawah, untuk mendapatkan pendedahan yang diperlukan kepada Penanda Aras.

Dalam memasuki Indeks Niagaan Hadapan setiap bulan kalendar, Pengurus menjangka bahawa sehingga 70%\* daripada NAV Dana dari masa ke masa akan digunakan sebagai margin untuk memperoleh Indeks Niagaan Hadapan. Baki selebihnya NAV Dana (sekiranya ada) akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang, skim pelaburan kolektif pasaran wang dan deposit yang ditempatkan dengan institusi kewangan. Kadar hasil daripada pelaburan tersebut akan digunakan untuk memenuhi yuran dan perbelanjaan Dana dan selepas menolak yuran dan perbelanjaan tersebut baki akan dilaburkan semula ke dalam Dana.

Pengurus juga boleh meletakkan sehingga 100% daripada NAV Dana dalam akaun margin dengan broker niagaan hadapan untuk pelaburan dalam Indeks Niagaan Hadapan sekiranya saiz Dana kurang daripada RM50 juta atau pasaran dianggap meruap oleh Pengurus.

Pengurus tidak akan melabur Dana dalam mana-mana instrumen derivatif kewangan selain daripada Indeks Niagaan Hadapan untuk iaitu tujuan pelaburan. Dana tidak akan memasuki pemberian pinjaman sekuriti atau urus niaga lain di kaunter yang serupa.

Pendedahan Dana kepada Indeks Niagaan Hadapan tidak akan melebihi 100% daripada NAVnya (i) pada masa pengimbangan semula harian Dana, dan (ii) antara pengimbangan semula harian, melainkan disebabkan pergerakan pasaran. Bagi pengiraan pendedahan Dana, pendekatan komitmen akan digunakan, di mana kedudukan derivatif ditukarkan kepada kedudukan yang setara dalam aset mendasari yang terbenam dalam derivatif tersebut, iaitu konstituen Indeks Mendasari. Pengurus juga akan mengambil kira pergerakan pasaran.

\* atau sehingga 500% daripada keperluan margin awal yang ditetapkan oleh Bursa Securities sebagai margin kontrak niagaan hadapan, yang mana lebih tinggi.

### *Mengguling Indeks Niagaan Hadapan*

Untuk memastikan bahawa Dana akan terus mempunyai pendedahan yang diperlukan untuk Penanda Aras, Pengurus akan menutup kedudukan niagaan hadapan bulanan lani dan memasuki bulan hadapan sebelum hari perdagangan terakhir bulan lani.

### **3.2.5 Polisi mengenai Mengimbangi Semula Portfolio Pelaburan**

Dana berusaha untuk menjelak prestasi harian Penanda Aras yang direka untuk menyediakan -1x pulangan Indeks Mendasari. Sebelum penutupan perdagangan Indeks Niagaan Hadapan, Dana akan berusaha untuk mengimbangi semula portfolionya, dengan mengurangkan pendedahan sebagai tindak balas kepada keuntungan harian Penanda Aras atau meningkatkan pendedahan sebagai tindak balas kepada kerugian harian Penanda Aras, dengan itu pendedahan hariannya kepada Penanda Aras konsisten dengan objektif pelaburan Dana.

Jadual di bawah mengilustrasikan bagaimana Dana sebagai ETF songsang akan mengimbangi semula kedudukannya berikutan pergerakan Indeks Mendasari menjelang akhir Hari Perniagaan.  
\*Mengandaikan bahawa NAV awal Dana adalah 100 pada Hari 0, Dana akan mempunyai pendedahan sebanyak -100 untuk memenuhi objektif Dana. Sekiranya Indeks Mendasari berkurangan sebanyak 20% pada hari tersebut, NAV Dana akan meningkat kepada 120, menjadikan pendedahan Dana -80. Memandangkan Dana memerlukan pendedahan sebanyak -120,

yang mana  $-1 \times$  NAV Dana pada penutupan, Dana perlu mengimbangi semula kedudukannya dengan tambahan -40.

Hari 1 mengilustrasikan keperluan mengimbangi semula sekiranya Indeks Mendasari meningkat sebanyak 10% pada hari berikutnya; Hari ke-2 menggambarkan keperluan mengimbangi semula sekiranya Indeks Mendasari kurang sebanyak 10% pada hari berikutnya.

	Pengiraan	Hari 0	Hari 1	Hari 2
(a) NAV Awal		100.0	120.0	108.0
(b) Pendedahan awal	$(b) = (a) \times -1$	-100.0	-120.0	-108.0
(c) Perubahan Indeks Harian (%)		-20%	10%	-10%
(d) Keuntungan / kerugian ke atas pendedahan	$(d) = (b) \times (c)$	20.0	-12.0	10.8
(e) Penutupan NAV Dana	$(e) = (a) + (d)$	120.0	108.0	118.8
(f) Penutupan pendedahan sebelum mengimbangi semula	$(f) = (b) \times (1+(c))$	-80.0	-132.0	-97.2
(g) Pendedahan sasaran	$(g) = (e) \times -1$	-120.0	-108.0	-118.8
(h) Jumlah mengimbangi semula yang diperlukan	$(h) = (g) - (f)$	-40.0	24.0	-21.6

\* Angka di atas adalah dikira sebelum yuran dan perbelanjaan.

### 3.2.6 Perbandingan Di Antara Dana, Indeks Mendasari dan Penanda Aras bagi Tempoh Lebih Panjang Daripada Satu Hari (iaitu Perbandingan Prestasi Mata ke Mata)

Objektif Dana adalah untuk menyediakan prestasi harian, sebelum yuran dan perbelanjaan, yang hampir sepadan dengan prestasi harian Penanda Aras. Dana tidak mencuba, dan tidak harus dijangka untuk, menyediakan pulangan, sebelum yuran dan perbelanjaan, yang merupakan pulangan Penanda Aras bagi tempoh-tempoh selain daripada satu (1) hari. Dana mengimbangi semula portfolionya atas dasar harian, meningkatkan pendedahan sebagai tindak balas kepada kerugian harian Penanda Aras atau mengurangkan pendedahan sebagai tindak balas kepada keuntungan harian Penanda Aras. Ini bermakna bahawa bagi tempoh lebih panjang daripada satu (1) Hari Perniagaan, dalam usaha untuk mencapai objektif pelaburan harian boleh mengakibatkan pengkompaunan harian Dana. Dengan yang demikian, prestasi Dana mungkin tidak menjelaki pulangan Penanda Aras terkumpul sepanjang tempoh lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan. Ini bermakna bahawa pulangan Penanda Aras ke atas tempoh masa lebih daripada satu hari biasanya tidak akan sama dengan prestasi Dana ke atas tempoh yang sama. Lama kelamaan, peningkatan atau pengurangan peratusan terkumpul dalam nilai portfolio Dana mungkin menyimpang dengan ketara daripada peningkatan atau pengurangan peratusan terkumpul dalam pulangan Penanda Aras disebabkan kesan pengkompaunan kerugian dan keuntungan ke atas pulangan Dana.

Adalah juga dijangkakan bahawa Dana akan berprestasi kurang daripada pulangan Penanda Aras dalam pasaran yang ketiadaan trend atau mendatar. Ini disebabkan oleh pengkompaunan, yang merupakan kesan terkumpul daripada perolehan atau kerugian yang dihasilkan sebelumnya selain daripada jumlah pokok, dan akan diperbesarkan oleh kemeruapan pasaran dan tempoh pegangan Dana. Kesan pengkompaunan menjadi lebih ketara ke atas prestasi Dana apabila ia mengalami kemeruapan. Senario berikut menggambarkan bagaimana prestasi Dana mungkin menyimpang daripada pulangan Penanda Aras terkumpul ke atas tempoh masa yang lebih lama dalam pelbagai keadaan pasaran. Semua senario adalah berdasarkan hipotesis pelaburan MYR10 dalam Dana.


#### Senario I: Trend Menaik Berterusan

Dalam trend menaik yang berterusan, di mana Penanda Aras meningkat secara berterusan lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan, kerugian terkumpul Dana akan menjadi kurang daripada keuntungan Penanda Aras terkumpul. Sebagaimana diilustrasikan dalam senario di bawah, di mana pelabur telah melabur dalam Dana pada Hari 0 dan Indeks Mendasari meningkat sebanyak 15% setiap hari bagi empat (4) Hari Perniagaan, menjelang Hari ke-4 Dana akan mempunyai kerugian terkumpul sebanyak 47.80%, berbanding dengan 74.90% kerugian yang merupakan pulangan Penanda Aras terkumpul.

	Pulangan Harian Indeks Mendasari	Tahap Indeks Mendasari	Pulangan Terkumpul Indeks Mendasari	Pulangan Harian Dana	NAV Dana (MYR)	Prestasi Terkumpul: Dana	Prestasi Terkumpul: Penanda Aras

Hari 0		100.0	0.00%		MYR10.00	0.00%	0.00%
Hari 1	15.0%	115.0	15.00%	-15.0%	MYR8.50	-15.00%	-15.00%
Hari 2	15.0%	132.25	32.25%	-15.0%	MYR7.23	-27.75%	-32.25%
Hari 3	15.0%	152.09	52.09%	-15.0%	MYR6.14	-38.59%	-52.09%
Hari 4	15.0%	174.90	74.90%	-15.0%	MYR5.22	-47.80%	-74.90%

Carta di bawah terus mengilustrasikan lagi perbezaan antara (i) prestasi Dana; (ii) pulangan Penanda Aras terkumpul; dan (iii) pulangan Indeks Mendasari terkumpul, dalam trend pasaran menaik yang berterusan ke atas tempoh lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan.




#### Senario II: Trend Menurun Berterusan

Dalam trend menurun yang berterusan, di mana Penanda Aras jatuh berterusan lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan, keuntungan terkumpul Dana akan menjadi lebih daripada kerugian Penanda Aras terkumpul. Sebagaimana diilustrasikan dalam senario di bawah, di mana pelabur telah melabur dalam Dana pada Hari 0 dan Indeks Mendasari jatuh sebanyak 15% setiap hari bagi empat (4) Hari Perniagaan, menjelang Hari ke-4 Dana akan memperoleh keuntungan terkumpul sebanyak 74.90%, berbanding dengan 47.80% keuntungan yang merupakan pulangan Penanda Aras terkumpul.

	Pulangan Harian Indeks Mendasari	Tahap Indeks Mendasari	Pulangan Terkumpul Indeks Mendasari	Pulangan Harian Dana	NAV Dana (MYR)	Prestasi Terkumpul: Dana	Prestasi Terkumpul: Penanda Aras
Hari 0		100.0	0.00%		MYR10.00	0.00%	0.00%
Hari 1	-15.0%	85.00	-15.00%	15.0%	MYR11.50	15.00%	15.00%
Hari 2	-15.0%	72.25	-27.75%	15.0%	MYR13.23	32.25%	27.75%
Hari 3	-15.0%	61.41	-38.59%	15.0%	MYR15.21	52.09%	38.59%
Hari 4	-15.0%	52.20	-47.80%	15.0%	MYR17.49	74.90%	47.80%

Carta di bawah mengilustrasikan selanjutnya perbezaan antara (i) prestasi Dana; (ii) pulangan Penanda Aras terkumpul; dan (iii) pulangan Indeks Mendasari terkumpul, dalam trend pasaran menurun yang berterusan ke atas tempoh lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan.




### *Senario III: Trend Menaik Meruap*

Dalam trend menaik meruap, di mana Penanda Aras biasanya bergerak menaik ke atas tempoh lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan tetapi dengan kemeruapan harian, prestasi Dana mungkin terjejas di mana prestasi Dana mungkin kurang daripada pulangan Penanda Aras terkumpul. Sebagaimana diilustrasikan dalam senario di bawah, di mana Indeks Mendasari meningkat sebanyak 12.86% ke atas lima (5) Hari Perniagaan tetapi dengan kemeruapan harian, Dana akan mempunyai kerugian terkumpul sebanyak 16.84%, berbanding dengan kerugian 12.86 yang merupakan pulangan Penanda Aras terkumpul.

	Pulangan Harian Indeks Mendasari	Tahap Indeks Mendasari	Pulangan Terkumpul Indeks Mendasari	Pulangan Harian Dana	NAV Dana (MYR)	Prestasi Terkumpul: Dana	Prestasi Terkumpul: Penanda Aras
Hari 0	100.00	0.00%			MYR10.00	0.00%	0.00%
Hari 1	-5.0%	95.00	-5.00%	5.0%	MYR10.50	5.00%	5.00%
Hari 2	10.0%	104.50	4.50%	-10.0%	MYR9.45	-5.50%	-4.50%
Hari 3	-10.0%	94.05	-5.95%	10.0%	MYR10.40	3.95%	5.95%
Hari 4	20.0%	112.86	12.86%	-20.0%	MYR8.32	-16.84%	-12.86%

Carta di bawah mengilustrasikan selanjutnya perbezaan antara (i) prestasi Dana; (ii) pulangan Penanda Aras terkumpul; dan (iii) pulangan Indeks Mendasari terkumpul, dalam trend pasaran menaik meruap yang berterusan ke atas tempoh lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan.




#### Scenario IV: Trend Menurun Meruap

Dalam trend menurun meruap, di mana Penanda Aras biasanya bergerak menurun ke atas tempoh lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan tetapi dengan kemeruapan harian, prestasi Dana mungkin terjejas di mana prestasi Dana mungkin jatuh daripada kerugian Penanda Aras terkumpul. Sebagaimana diilustrasikan dalam senario di bawah, di mana Indeks Mendasari jatuh sebanyak 16.84% ke atas lima (5) Hari Perniagaan tetapi dengan kemeruapan harian, Dana akan mempunyai keuntungan terkumpul sebanyak 12.86%, berbanding dengan keuntungan 16.84% yang merupakan pulangan Penanda Aras terkumpul.

	Pulangan Harian Indeks Mendasari	Tahap Indeks Mendasari	Pulangan Terkumpul Indeks Mendasari	Pulangan Harian Dana	NAV Dana (MYR)	Prestasi Terkumpul: Dana	Prestasi Terkumpul: Penanda Aras
Hari 0		100.00	0.00%		MYR10.00	0.00%	0.00%
Hari 1	5.0%	105.00	5.00%	-5.0%	MYR9.50	-5.00%	-5.00%
Hari 2	-10.0%	94.50	-5.50%	10.0%	MYR10.45	4.50%	5.50%
Hari 3	10.0%	103.95	3.95%	-10.0%	MYR9.41	-5.95%	-3.95%
Hari 4	-20.0%	83.16	-16.84%	20.0%	MYR11.29	12.86%	16.84%

Carta di bawah mengilustrasikan lagi perbezaan antara (i) prestasi Dana; (ii) pulangan Penanda Aras terkumpul; dan (iii) pulangan Indeks Mendasari terkumpul, dalam trend pasaran menurun meruap ke atas tempoh lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan.




#### Scenario V: Pasaran Meruap dengan Prestasi Indeks Mendatar

Dalam pasaran meruap dengan prestasi indeks mendatar, pengkompaunan yang dinyatakan di atas mungkin mempunyai kesan kurang baik ke atas prestasi Dana. Sebagaimana diilustrasikan di bawah, walaupun Penanda Aras telah kembali ke tahap sebelumnya, Dana mungkin kehilangan nilai.

	Pulangan Harian Indeks Mendasari	Tahap Indeks Mendasari	Pulangan Terkumpul Indeks Mendasari	Pulangan Harian Dana	NAV Dana (MYR)	Prestasi Terkumpul: Dana	Prestasi Terkumpul: Penanda Aras
Hari 0		100.00	0.00%		MYR10.00	0.00%	0.00%
Hari 1	-20.0%	80.00	-20.00%	20.0%	MYR12.00	20.00%	20.00%
Hari 2	25.0%	100.00	0.00%	-25.0%	MYR9.00	-10.00%	0.00%
Hari 3	-20.0%	80.00	-20.0%	20.0%	MYR10.80	8.00%	20.00%
Hari 4	25.0%	100.00	0.00%	-25.0%	MYR8.10	-19.00%	0.00%

Carta di bawah mengilustrasikan lagi perbezaan antara (i) prestasi Dana; (ii) pulangan Penanda Aras terkumpul; dan (iii) pulangan Indeks Mendasari terkumpul, dalam trend pasaran mendatar yang meruap ke atas tempoh lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan.



Sebagaimana diilustrasikan dalam graf dan jadual, prestasi Dana sebelum penolakan yuran dan perbelanjaan adalah tidak "simetri" dengan prestasi terkumpul Indeks Mendasari ke atas tempoh lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan.

Sebagaimana diterangkan di atas, Dana menjelaki prestasi Penanda Aras sekiranya diperhatikan atas dasar harian. Walau bagaimanapun, disebabkan kebergantungan laluan Indeks Mendasari dan prestasi songsang harian Indeks Mendasari, apabila membandingkan Indeks Mendasari dan Penanda Aras untuk tempoh lebih daripada satu (1) hari (iaitu perbandingan prestasi mata ke mata), sejarah prestasi Dana tidak akan bersamaan dengan prestasi songsang mudah Indeks Mendasari ke atas tempoh masa yang sama.

Dana mencari keputusan pelaburan songsang atas dasar harian kepada Indeks Mendasari - daripada penutupan perdagangan tetap pada satu (1) hari dagangan hingga penutupan pada hari dagangan yang berikutnya - yang tidak sepatutnya disamakan dengan mencari objektif pelaburan songsang bagi mana-mana tempoh lain. Sebagai contoh, sekiranya Indeks Mendasari untung 10% untuk seminggu, Dana tidak seharusnya dijangka untuk memberikan pulangan sebanyak -10% bagi seminggu walaupun ia memenuhi objektif pelaburan songsang hariannya sepanjang minggu. Ini adalah benar disebabkan perbelanjaan dan caj yang dinyatakan di atas tetapi juga disebabkan usaha mencapai matlamat harian boleh mengakibatkan pengkompaunan harian, yang bermaksud bahawa pulangan Penanda Aras ke atas tempoh masa lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan tidak akan biasanya sama dengan prestasi Dana ke atas tempoh yang sama tersebut. Selain itu, kesan pengkompaunan menjadi lebih besar sekiranya Unit lebih lama disimpan melebihi satu hari dagangan.

Pelabur perlu mengambil perhatian bahawa disebabkan kesan "kebergantungan laluan" dan pengkompaunan pulangan harian Penanda Aras, prestasi Dana sebelum penolakan yuran dan perbelanjaan untuk tempoh lebih lama daripada satu (1) hari, terutamanya dalam tempoh kemeruapan pasaran yang mempunyai kesan negatif ke atas pulangan terkumpul Dana, mungkin tidak berhubung kait langsung dengan tahap perubahan Penanda Aras ke atas tempoh yang sama.

Memegang kedudukan tidak diuruskan menjadikan membuka pelabur terdedah kepada risiko naik turun pasaran yang menjelaskan prestasi pelaburan. Dana adalah tidak sesuai bagi pelabur yang tidak berhasrat untuk secara aktif mengawasi dan mengurus portfolio mereka. Scenario ini adalah dihasilkan untuk mengenepikan hakikat bahawa Dana direka sebagai alat perdagangan jangka pendek bagi pelabur yang berhasrat untuk secara aktif mengawasi dan menguruskan portfolio mereka.

### 3.3 Penanda Aras

#### Pengenalan

Penanda Aras bagi Kenanga KLCI Daily 2x Leveraged ETF adalah direka untuk menyediakan pendedahan berleveraj 2x kepada prestasi harian Indeks Mendasari. Pulangan harga berleveraj harian adalah dikira dengan mendarab faktor berleveraj 2x kepada pulangan harga harian Indeks Mendasari, dengan kos kewangan<sup>^</sup>.

Penanda Aras bagi Kenanga KLCI Daily (-1x) Inverse ETF adalah direka untuk menyediakan pendedahan songsang -1x kepada prestasi harian Indeks Mendasari. Pulangan harga songsang harian adalah dikira dengan mendarab faktor songsang -1x kepada pulangan harga harian Indeks Mendasari, tidak termasuk kos kewangan<sup>^</sup>.

Memandangkan Penanda Aras bagi setiap Dana memperoleh pulangannya daripada Indeks Mendasari, prestasinya bergantung kepada prestasi konstituen Indeks Mendasari.

Indeks Mendasari terdiri daripada 30 syarikat terbesar yang ditarafkan mengikut permodalan pasaran penuh, iaitu sebelum penggunaan apa-apa perwajaran kebolehan dilabur, dalam Indeks EMAS FTSE Bursa Malaysia. Bilangan konstituen Indeks Mendasari adalah ditetapkan.

Penanda Aras bagi setiap Dana dan Indeks Mendasari adalah semuanya dibentuk, disusun, dikira, diselenggara, dikaji dan disiarkan oleh Pemberi Lesen Indeks. Indeks Mendasari dilancarkan dengan tarikh asas 1 Januari 1977 dan dibentuk berdasarkan nilai rujukan sebanyak 100. Penanda Aras bagi setiap Dana dilancarkan pada 4 Mac 2019.

Penanda Aras bagi setiap Dana dan Indeks Mendasari kesemuanya didenominasikan dalam MYR.

Nilai indeks pada akhir hari Penanda Aras bagi setiap Dana adalah tersedia melalui laman web Dana di [www.oneetf.com.my](http://www.oneetf.com.my).

Pemberi Lesen Indeks bukan syarikat berkaitan dengan Pengurus.

<sup>^</sup> Kos kewangan merujuk kepada kos pembiayaan berleveraj dan Kadar Ditawarkan Antara Bank di Kuala Lumpur ("KLIBOR"). Penanda Aras bagi Kenanga KLCI Daily 2x Leveraged ETF termasuk kos kewangan memandangkan Penanda Aras diperlukan untuk meleveraj pendedahannya kepada 200% Indeks Mendasari dengan memegang kontrak niagaan hadapan untuk mewakili 200% Indeks Mendasari dan terdapat kos yang akan ditanggung untuk memegang kontrak niagaan hadapan tersebut. Manakala, Penanda Aras bagi Kenanga KLCI Daily (-1x) Inverse ETF tidak termasuk kos kewangan memandangkan tidak ada leveraj ke atas jumlah pendedahan Indeks Mendasari.

#### Pewajaran 10 konstituen teratas Indeks Mendasari pada LPD

Taraf	Konstituen	Indeks Wajaran (%)
1.	Public Bank Bhd	12.44
2.	Tenaga Nasional Bhd	10.65
3.	Malayan Banking Bhd	10.22
4.	CIMB Group Holdings Bhd	6.89
5.	Petronas Chemical Group Bhd	4.27
6.	Axiata Group Bhd	3.95
7.	DiGi.Com Bhd	3.48
8.	Sime Darby Plantation Bhd	3.38
9.	HH Healthcare Bhd	3.38
10.	Dialog Group Bhd	3.11

Sumber: FTSE Russell

**Tidak ada jaminan atau asurans replikasi tepat atau serupa pada bila-bila masa prestasi Penanda Aras.**

**Komposisi Indeks bagi Indeks Mendasari mungkin berubah dan sekuriti mungkin dinyahsenaraikan.**

**Terdapat kekurangan budi bicara bagi Dana untuk menyesuaikan diri kepada perubahan pasaran disebabkan sifat pelaburan sedia ada dana yang didagangkan pada bursa dan yang termasuk dalam Penanda Aras adalah dijangka akan menghasilkan kejatuhan yang sepadan dalam nilai Dana.**

### **Pengkajian dan Pengimbangan Semula Penanda Aras**

#### **Kajian Berkala Konstituen**

Kajian dua kali setahun konstituen Indeks Penanda Aras diadakan pada Jun dan Disember. Mesyuarat untuk mengkaji konstituen akan diadakan pada Jun dan Disember, menggunakan data daripada penutup perniagaan pada hari Isnin empat (4) minggu sebelum tarikh berkesan kajian. Apa-apa perubahan konstituen akan dilaksanakan selepas penutup perniagaan pada hari Jumaat ketiga (iaitu berkuatkuasa pada hari Isnin) Jun dan Disember.

Butir-butir mengenai hasil kajian dan tarikh-tarikh, bila mana apa-apa perubahan akan dilaksanakan, akan disiarkan selepas penutupan perniagaan pada Khamis pertama bulan Jun dan Disember untuk memberikan pengguna Indeks Mendasari pemberitahuan yang mencukupi mengenai perubahan sebelum pelaksanaannya.

#### **Kemasukan Konstituen Baru**

Sekiranya terbitan baru adalah amat besar (iaitu permodalan pasaran penuhnya berjumlah 2% atau lebih daripada permodalan penuh Indeks EMAS FTSE Bursa Malaysia, sebelum penggunaan wajaran kebolehlaburan konstituen individu) hinggakan keberkesanan Indeks Mendasari sebagai petunjuk pasaran akan terjejas secara ketara oleh peninggalannya, terbitan baru akan dimasukkan sebagai konstituen Indeks Mendasari selepas penutupan perniagaan pada hari kelima perdagangan dan kelayakan akan ditentukan menggunakan harga penutup pada hari pertama perdagangan. Dalam semua kes, pemberitahuan terlebih dahulu mengesahkan pemasaan kemasukan konstituen baru akan diberi selaras dengannya. Instrumen yang adalah konstituen bertarafan paling rendah daripada Indeks Mendasari akan dipilih untuk dikeluarkan dan indeks berkaitan diselaraskan. Jika sekiranya hari kelima perdagangan berada berdekatan dengan kajian Indeks Mendasari, FTSE Russell boleh menggunakan budi bicaranya untuk memasukkan peserta segera pada tarikh kajian Indeks Mendasari berikutnotis pendahuluan.

#### **Pengeluaran konstituen**

Sekiranya konstituen dinyahsenaraikan daripada Bursa Securities, atau berhenti mempunyai sebut harga kukuh, atau tertakluk kepada pengambilalihan atau telah berhenti menjadi konstituen yang berdaya maju, ia akan dikeluarkan daripada senarai konstituen.

Kekosongan akan diisi dengan memilih sekuriti bertaraf paling tinggi dengan nilai pasaran penuh dalam senarai rizab pada penutup pengiraan indeks dua (2) hari sebelum penghapusan dan indeks diselaraskan dengan sewajarnya.

#### **Kesan ke atas Penanda Aras**

Sekiranya terdapat apa-apa perubahan kepada Indeks Mendasari, perubahan akan ditunjukkan dalam Penanda Aras.

### **Penggantian Penanda Aras**

Pengurus boleh, selepas mengambil kira kepentingan Pemegang Unit dan tertakluk kepada kelulusan SC, mengganti Penanda Aras dengan satu lagi indeks jika sekiranya berlaku yang berikut:-

- (i) Penanda Aras tidak lagi wujud;
- (ii) perubahan utama dibuat dalam formula atau kaedah yang digunakan untuk mengira Penanda Aras (selain daripada perubahan selaras dengan peraturan operasi Penanda Aras, seperti perubahan dalam konstituen), yang boleh menjelaskan konstituen Penanda Aras;
- (iii) indeks baru menggantikan Penanda Aras disiarkan;
- (iv) pada pendapat lembaga pengarah Pengurus indeks baru membenarkan penilaian yang lebih baik mengenai Dana disiarkan. Keputusan untuk menggantikan Penanda Aras, yang

merupakan indeks pulangan harga, akan dibuat berdasarkan kriteria kewangan objektif, termasuk indeks dengan nisbah pusing ganti yang lebih rendah dan/atau indeks yang mengenakan yuran lesen indeks yang lebih rendah, semua yang mana akan bermaksud kos yang lebih rendah dan pulangan keseluruhan jumlah Dana yang lebih tinggi dan seterusnya penilaian yang lebih baik akan Dana;

- (v) Pemberi Lesen Indeks menaikkan yuran lesennya kepada tahap yang Pengurus anggap terlalu tinggi; atau
- (vi) pada pendapat Pengurus, kualiti (termasuk kepersisan dan ketersediaan data) Penanda Aras yang merosot.

#### **Maklumat Lanjut mengenai Penanda Aras**

Maklumat terkini dan lain-lain berita penting mengenai Penanda Aras bagi setiap Dana akan disiarkan di laman web Dana di [www.oneetf.com.my](http://www.oneetf.com.my) (bagi nilai hari akhir Penanda Aras).

Jika sekiranya berlaku penamatian ketersediaan Penanda Aras, Pengurus akan mencari sumber bagi pengaturan alternatif dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh notis penamatian tersebut daripada Pemberi Lesen Indeks.

### **3.4 Kesilapan Penjejakan & Strategi untuk Meminimumkan Kesilapan Penjejakan**

**Pelabur harus perhatikan bahawa tidak ada jaminan bahawa hasil pelaburan Dana akan sepadan setepat-tepatnya dengan prestasi Penanda Aras.**

Kesilapan penjejakan mungkin berlaku apabila membandingkan prestasi Dana terhadap Penanda Arasnya. Walaupun strategi pelaburan utama Dana adalah untuk menerima pakai strategi replikasi berdasarkan niagaan hadapan, tidak ada jaminan bahawa replikasi boleh menjadi sempurna. Selanjutnya, faktor-faktor seperti tetapi tidak terhad kepada hubung kait tidak sempurna di antara Penanda Aras sesebuah Dana dengan Aset Dana, kos urus niaga yang tinggi akibat daripada pengimbangan semula harian, perbelanjaan Dana dan kecairan kontrak niagaan hadapan boleh menjelaskan kesilapan penjejakan Dana.

Untuk meminimumkan kesilapan penjejakan, Pengurus akan mengawasi dengan ketat setiap prestasi Dana dan hubung kaitnya dengan Penanda Arasnya dan berusaha untuk mengimbangi semula portfolio Dana setiap hari.

### **3.5 Strategi & Teknik Pengurusan Risiko**

Strategi dan teknik pengurusan risiko yang digunakan oleh Pengurus termasuk penggunaan strategi replikasi berdasarkan niagaan hadapan, serta mengimbangi semula portfolio Dana setiap hari, untuk mencapai objektif pelaburan Dana dan untuk meminimumkan kesilapan penjejakan. Selaras dengan itu, Dana adalah tertakluk kepada pelbagai teknik pengurusan risiko termasuk siri pemeriksaan had untuk memastikan portfolio adalah dalam pendedahan sasarannya. Lihat Seksyen 3.6 untuk butir-butir yang lebih terperinci mengenai pelaburan Dana yang dibenarkan dan sekatan pelaburan.

Di samping itu, dalam mengurus akaun dagangan niagaan hadapan, Pengurus berhasrat untuk memperuntukkan penampaan sebagai tambahan kepada tahap margin asal untuk mengekalkan kedudukan sedia ada. Ini adalah untuk menguruskan risiko kecairan akaun margin di mana sekiranya nilai jatuh di bawah tahap margin penyelenggaraan, panggilan margin akan diaktifkan dan Dana diperlukan untuk mendeposit lebih banyak dana untuk terus mengekalkan kedudukan. Sekiranya dana tidak diperoleh dengan segera, broker berkemungkinan besar akan mencairkan secukupnya sebahagian atau semua kedudukan untuk menghapuskan panggilan margin. Dalam keadaan sedemikian, Dana mungkin tidak dapat mencapai objektif pelaburannya. Untuk mencapai ini, Pengurus telah menubuhkan nilai ambang untuk mengawasi nilai margin atas dasar harian. Nilai ambang ini akan bertindak sebagai petunjuk bagi Pengurus untuk mengambil semua tindakan yang diperlukan untuk membawa akaun kembali ke tahap margin asal.

Memandangkan Dana melabur dalam Niagaan Hadapan Indeks, pelaburan dalam Dana akan menjadi tertakluk kepada risiko yang sangat tinggi berbanding dengan ETF konvensional. Pengurus telah pun mempunyai dasar dan prosedur untuk sentiasa mengawasi, mengukur dan mengurus risiko yang berkaitan dengan perdagangan Niagaan Hadapan Indeks bagi Dana dan pengimbangan semula portfolio Dana atas dasar harian. Pengurus juga akan mengkaji perkara-perkara pelaburan yang berkaitan dengan Dana dan, sekiranya perlu, memanjangkan yang sama kepada pengurusan kanan Pengurus.

Pengurus akan memastikan ia mempunyai langkah-langkah pengurusan risiko yang diperlukan yang akan membolehkan ia mengawasi, mengukur dan menguruskan risiko-risiko kedudukan Dana berkaitan dengan penggunaan derivatif secara berterusan dan sumbangannya kepada keseluruhan profil risiko Dana. Dalam menguruskan kecairan Dana, Pengurus merizabkan hak untuk menghentikan langganan, pembentukan atau penebusan Unit Dana pada Hari Perniagaan sekiranya langganan, pembentukan atau penebusan Unit tersebut melebihi had harian tertentu sebagaimana ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa dengan mengambil kira purata jumlah dagangan Niagaan Hadapan Indeks.

Untuk maklumat berhubung dengan beberapa faktor risiko yang harus dipertimbangkan oleh bakal-bakal pelabur, lihat "Faktor-faktor Risiko" dalam Seksyen 2 Prospektus Induk ini.

### **3.6 Pelaburan yang Dibenarkan & Sekatan Pelaburan**

#### **Pelaburan yang Dibenarkan:**

- Niagaan hadapan;
- Instrumen pasaran wang;
- Deposit ditempatkan dengan institusi kewangan;
- Skim pelaburan kolektif pasaran wang; dan
- Mana-mana pelaburan lain yang dibenarkan oleh SC dari masa ke masa.

#### **Sekatan dan Had Pelaburan:**

1. Nilai pelaburan Dana dalam instrumen pasaran wang, bon atau sukuk yang diterbitkan oleh mana-mana penerbit tunggal tidak boleh melebihi 15% daripada NAV Dana.
2. Nilai penempatan Dana dalam deposit dengan mana-mana institusi tunggal tidak boleh melebihi 20% daripada NAV Dana.
3. Nilai agregat pelaburan Dana dalam instrumen pasaran wang, deposit, bon atau sukuk yang diterbitkan oleh atau ditempatkan dengan, mengikut keadaan, mana-mana penerbit/institusi tunggal tidak boleh melebihi 25% daripada NAV Dana.
4. Nilai pelaburan Dana dalam instrumen pasaran wang, deposit, bon atau sukuk yang diterbitkan oleh mana-mana syarikat kumpulan tidak boleh melebihi 20% daripada NAV Dana.
5. Nilai pelaburan Dana dalam unit-unit/saham-saham mana-mana skim pelaburan kolektif tidak boleh melebihi 20% daripada NAV Dana.
6. Pelaburan Dana dalam bon atau sukuk tidak boleh melebihi 20% daripada bon atau sukuk yang diterbitkan oleh mana-mana penerbit tunggal.
7. Pelaburan Dana dalam instrumen pasaran wang tidak boleh melebihi 10% daripada instrumen yang diterbitkan oleh mana-mana penerbit tunggal. Walau bagaimanapun, had ini tidak terpakai kepada instrumen pasaran wang yang tidak mempunyai saiz terbitan ditentukan terlebih dahulu.
8. Pendedahan global Dana daripada kedudukan derivatif dikira berdasarkan pendekatan komitmen:
  - (a) berhubung dengan Kenanga KLCI Daily 2x Leveraged ETF, mestilah tidak melebihi 200% daripada NAV Dana; dan

- (b) berhubung dengan Kenanga KLCI Daily (-1x) Inverse ETF, mestilah tidak melebihi -100% daripada NAV Dana.

pada masa pengimbangan semula harian Dana; dan antara setiap pengimbangan semula harian. Pendahuluan peruntukan melebihi had atas sebanyak 20% bagi Kenanga KLCI Daily 2x Leveraged ETF dan -10% bagi Kenanga KLCI Daily (-1x) Inverse ETF disebabkan pergerakan pasaran adalah dibenarkan. Dalam keadaan sedemikian, Pengurus mesti mengambil semua tindakan yang diperlukan untuk membetulkan kedudukan derivatif secepat mungkin yang dapat dilaksanakan.

*Nota: Pengiraan pendedahan global adalah berdasarkan penukaran tepat derivatif ke dalam nilai pasaran kedudukan yang setara dalam indeks mendasari niagaan hadapan. Formula adalah seperti berikut:*

*Bilangan kontrak x saiz kontrak nosisional x harga pasaran indeks mendasari.*

*Pengurus yang mensasarkan jumlah kontrak niagaan hadapan jangka panjang atau jangka pendek dengan pendedahan global yang bersamaan dengan 200% / - 100% (mengikut keadaan) NAV Dana dalam masa pengimbangan semula (harian).*

Sekatan dan had yang dinyatakan di atas akan dipatuhi pada sepanjang masa berdasarkan nilai terkini Dana, dan nilai pelaburan dan instrumennya.

Pengurus akan mengambil semua langkah dan tindakan yang perlu untuk membetulkan apa-apa pelanggaran terhadap sekatan atau had yang dinyatakan di atas dalam tempoh yang munasabah sebagaimana dinyatakan di bawah undang-undang berkenaan.

### 3.7 Pemberian Pinjaman & Peminjaman Sekuriti

#### **Pemberian Pinjaman Sekuriti**

Dana tidak akan mengambil bahagian dalam pemberian pinjaman sekuriti.

#### **Peminjaman**

Dana tidak dibenarkan meminjam wang tunai atau aset lain (termasuk pinjaman sekuriti mengikut maksud Garis Panduan SBL) berkaitan dengan kegiatannya. Walau bagaimanapun, Dana boleh meminjam tunai bagi tujuan memenuhi permintaan penebusan dan bagi keperluan penyambung jangka pendek dan peminjaman tersebut adalah tertakluk kepada yang berikut:-

- pinjaman tunai Dana hanyalah atas dasar sementara dan peminjaman tidak berterusan;
- tempoh peminjaman tidak boleh melebihi satu (1) bulan;
- agregat peminjaman Dana tidak boleh melebihi 10% daripada NAV Dana pada masa peminjaman dibuat; dan
- Dana hanya boleh meminjam daripada institusi kewangan.

### 3.8 Polisi Pengagihan

Pengagihan pendapatan, sekiranya ada, akan dibuat atas dasar sampingan.

Dana boleh mengagihkan kepada Pemegang Unit semua atau sebahagian besar daripada pendapatan Dana (selepas penolakan yuran, kos, perbelanjaan dan cukai), dipro-rata berdasarkan bilangan Unit yang dipegang oleh setiap Pemegang Unit pada tarikh keberhakan pengagihan pendapatan.

Butir-butir tarikh keberhakan, jumlah pengagihan, tarikh lepas keberhakan dan tarikh bayaran bagi pengagihan akan disiarkan di laman web Bursa Securities di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com) dan laman web Dana di [www.oneetf.com.my](http://www.oneetf.com.my).

Pengagihan pendapatan kepada Pemegang Unit akan dibuat dalam cara berikut:

- (i) melalui eDividen;
- (ii) melalui cek yang dihantar ke alamat surat menyurat Pemegang Unit; atau
- (iii) kaedah lain yang akan ditentukan oleh Pengurus dan Pemegang Amanah, dan dibenarkan di bawah kaedah dan peraturan yang berkaitan di Malaysia.

### **3.9 Penilaian Aset-aset Dana**

#### **Niagaan Hadapan Tersenarai**

Penilaian niagaan hadapan tersenarai akan dibuat berdasarkan harga pasaran penutupan. Di mana tidak ada harga pasaran tersedia secara awam atau di mana penggunaan nilai pasaran disebut harga tidak sesuai, atau di mana tidak ada harga pasaran tersedia, termasuk sekiranya berlaku penggantungan dalam sebut harga niagaan hadapan bagi tempoh tidak melebihi empat belas (14) hari, atau tempoh yang lebih singkat sebagaimana dipersetujui oleh Pemegang Amanah, pelaburan sedemikian adalah dinilai pada nilai saksama ditentukan dengan suci hati oleh Pengurus atau wakilnya, berdasarkan kaedah atau asas yang diluluskan oleh Pemegang Amanah selepas perundingan teknikal yang sesuai.

#### **Instrumen Pasaran Wang**

Penilaian instrumen pasaran wang akan dibuat berdasarkan harga yang disebut harga oleh agensi peletakan harga bon yang daftarkan dengan SC.

#### **Deposit**

Deposit yang ditempatkan dengan institusi kewangan adalah dinilai melalui rujukan kepada nilai pokok pelaburan tersebut dan faedah terakru ke atasnya bagi tempoh berkenaan.

#### **Skim Pelaburan Kolektif Pasaran Wang**

Skim pelaburan kolektif yang tidak disenaraikan akan dinilai berdasarkan harga pembelian semula yang terakhir disiarkan.

#### **Mana-mana Pelaburan Lain**

Penilaian akan dibuat pada nilai saksama sebagaimana ditentukan dengan suci hati oleh Pengurus, mengenai kaedah atau asas yang telah ditentusahkan oleh juruaudit Dana dan diluluskan oleh Pemegang Amanah.

### **3.10 Masa Penilaian bagi Dana**

Dana akan dinilai pada penutupan dagangan rasmi Bursa Derivatives Exchange pada setiap Hari Perniagaan selain daripada di mana terdapat penggantungan pengiraan NAV Dana.

### **3.11 Penyenaraian Dana**

Kelulusan bagi kemasukan ke Senarai Rasmi dan penyenaraian dan sebut harga sehingga 1,000,000,000 Unit setiap Dana pada Pasaran Utama Bursa Securities telah diperoleh daripada Bursa Securities pada 26 November 2019.

Kemasukan ke Senarai Rasmi dan penyenaraian dan sebut harga bagi Unit-unit pada Pasaran Utama Bursa Securities akan bermula selepas, antara lain, penerimaan pengesahan daripada Bursa Depository bahawa semua Unit yang diterbitkan telah dikreditkan sewajarnya ke dalam Akaun CDS pemohon-pemohon yang berjaya dan notis peruntukan telah dihantar kepada pemohon yang berjaya. Atas Penyenaraian, Unit-unit akan didagangkan dalam lot niaga sebanyak 100 Unit. Kemasukan ke Senarai Rasmi Bursa Securities tidak boleh diambil sebagai petunjuk merit-merit Dana, Unit-unit atau Langganan Awal.

Jika sekiranya Penyenaraian tidak berlaku atas apa-apa alasan, kesemua wang yang diterima berhubung dengan mana-mana Unit yang dilanggan oleh pemohon akan dibayar balik sepenuhnya tanpa faedah. Sekiranya mana-mana wang tersebut tidak dibayar balik dalam tempoh empat belas (14) hari selepas kami menjadi bertanggungjawab untuk membayar baliknya, peruntukan subseksyen 243(2) CMSA akan terpakai selaras dengannya.

**Selaras dengan Seksyen 14(1) Akta Depositori Pusat, Bursa Securites telah menetapkan Unit-unit sebagai sekuriti yang ditetapkan. Selaras dengan itu, Unit-unit yang ditawarkan melalui Prospektus Induk ini akan didepositkan terus dengan Bursa Depository dan sebarang urus niaga dalam Unit-unit ini akan dijalankan selaras dengan Akta Depositori Pusat dan peraturan-peraturan Bursa Depository.**

## **4. YURAN & CAJ**

### **4.1 Caj secara langsung ditanggung oleh pelabur**

#### **4.1.1 Caj bagi Pembentukan dan Penebusan Unit-unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian**

Kesemua Permohonan Pembentukan dan Permohonan Penebusan hendaklah dikemukakan kepada Pengurus melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian dan pembentukan dan penebusan Unit-unit hendaklah dilaksanakan selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Jadual ini menerangkan yuran dan caj (tidak termasuk perbelanjaan hangus) untuk dibayar oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian kepada Pengurus dan/atau Pemegang Amanah. Pelabur hendaklah menyemak dengan Peniaga yang Mengambil Bahagian berkenaan mengenai yuran dan caj sebenar yang mungkin ditanggung.

<b>Yuran &amp; Caj</b>	<b>Butir-butir</b>
Yuran Permohonan Pembentukan/ Penebusan	: RM200
Yuran Pembatalan Permohonan Pembentukan/ Penebusan	: Sehingga 1.00% Jumlah Langganan atau Penebusan Tunai atau jumlah tertentu sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa, selepas berunding dengan Pemegang Amanah
Kos Urus Niaga	: Pengurus mungkin mengenakan Kos Urus Niaga (ditanggung oleh Dana) untuk menghalang NAV Dana daripada dicairkan.
Lain-lain Yuran	: Jumlah (selain daripada Kos Urus Niaga yang diterangkan di atas) yang mungkin ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah dari masa ke masa berhubung dengan Permohonan yang dikemukakan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian, yang dicajkan oleh Bursa Depository.

Selain daripada itu, pelabur hendaklah perhatikan bahawa mereka mungkin perlu membayar yuran dan perbelanjaan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian bagi perkhidmatannya untuk dan berhubung dengan memohon bagi pembentukan dan penebusan Unit-unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian. Yuran dan perbelanjaan ini adalah dikenakan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk menyediakan perkhidmatannya dan untuk memenuhi perbelanjaan berhubung dengannya.

#### **4.1.2 Caj bagi Membeli dan Menjual Unit-unit pada Bursa Securities**

Jadual ini menerangkan caj-caj yang pelabur mungkin tanggung (berdasarkan caj-caj yang dikenakan oleh Bursa Securities pada tarikh Prospektus Induk ini caj-caj yang mana mungkin diubah dari masa ke masa) apabila pelabur membeli atau menjual Unit-unit dalam Dana pada Bursa Securities. Pelabur hendaklah menyemak dengan broker-broker mereka mengenai yuran dan caj sebenar yang mungkin ditanggung.

<b>Yuran &amp; Caj</b>	<b>Butir-butir</b>
Yuran Pemberkeran	: Sebagaimana ditetapkan oleh Bursa Securities.
Yuran Penjelasan Bursa Securities	: 0.03% daripada nilai urus niaga, tertakluk kepada maksimum MYR1,000 setiap urus niaga. Yuran minimum MYR10 setiap urus niaga adalah terpakai untuk kontrak perniagaan langsung.

Maklumat lanjut mengenai caj-caj yang pelabur akan tanggung apabila berdagang Unit-unit pada Bursa Securities boleh ditemui di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com).

## 4.2 Yuran dan perbelanjaan secara tidak langsung ditanggung oleh pelabur

<b>Yuran &amp; Caj</b>	<b>Butir-butir</b>
Yuran Pengurusan	: 0.50% setahun daripada NAV Dana
Yuran Pemegang Amanah	: 0.04% setahun daripada NAV Dana
Yuran Lesen Indeks <sup>^</sup>	: Yuran tahunan bersamaan dengan 10% jumlah yuran pengurusan dalam suku tahunan sebelum setiap tarikh suku tahunan dengan syarat bahawa caj suku tahunan tidak kurang daripada 4bps daripada aset di bawah pengurusan dalam suku tahunan sebelumnya setiap tarikh suku tahunan.

<sup>^</sup> Yuran lesen indeks bagi suku tahunan sebelumnya akan dikira dalam lima belas (15) hari dari setiap tarikh suku tahunan dan bayaran yuran lesen indeks suku tahunan tersebut akan dibuat oleh Dana dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh yuran lesen indeks suku tahunan tersebut perlu dibayar.

Kesemua yuran dan perbelanjaan yang dinyatakan di atas akan ditolak daripada Aset-aset Dana.

## 4.3 Kos Penubuhan Dana

Kos penubuhan dan Penyenaraian Dana yang termasuk perbelanjaan berikut akan ditanggung oleh Dana:

- Kos penyediaan dan penerbitan Prospektus Induk ini;
- Yuran profesional dan penasihat; dan
- Yuran berperaturan.

(secara kolektif, “**Kos Penubuhan**”).

Kos Penubuhan yang dinyatakan di atas akan dibiayai terlebih dahulu oleh Pengurus bila dan apabila ditanggung. Pengurus dibenarkan untuk mengenakan balik Kos Penubuhan, yang tidak akan melebihi MYR500,000.00 sepanjang tempoh dua (2) tahun untuk mengurangkan kesan kecairan ke atas pulangan Dana.

## 4.4 Perbelanjaan Dibenarkan

Pengurus dan/atau Pemegang Amanah adalah berhak untuk membayar yuran, kos dan perbelanjaan berikut daripada Aset-aset Dana setakat mana ia ditanggung berkaitan dengan Dana:-

- apa-apa kos, yuran dan perbelanjaan untuk dibayar di bawah mana-mana lesen dan kontrak bekalan data berhubung dengan Pemberi Lesen Indeks yang ditandatangani oleh Pengurus berhubung dengan Dana;
- yuran pemprosesan atau pengendalian yang dikenakan oleh mana-mana orang kerana melaksanakan apa-apa pengambilalihan, pelupusan atau apa-apa urusan lain sekalipun dalam Aset Dana dan apa-apa perbelanjaan berhubung dengannya, termasuk komisen atau yuran yang dibayar kepada broker dan/atau peniaga dalam melaksanakan urus niaga dalam pelaburan Dana yang dibenarkan;
- kesemua yuran, caj, perbelanjaan dan pembayaran mana-mana penasihat undang-undang atau peguam, akauntan, juruaudit, jurunilai, broker, jurubank, penasihat cukai atau lain-lain penasihat profesional yang diambil bekerja atau dilantik oleh Pemegang Amanah atau Pengurus dalam penubuhan Dana, dalam menyelenggara, mengekalkan dan melindungi Aset-aset Dana dan dalam pelaksanaan berterusan kewajipan dan obligasi mereka masing-masing di bawah Surat Ikatan, atau sebaliknya berhubung dengan Dana;
- semua yuran, caj, perbelanjaan dan pembayaran yang ditanggung berhubung dengan kustodi selamat, pengambilalihan, pemegangan, pendaftaran, realisasi atau lain-lain urus niaga dengan mana-mana Aset Dana pelaburan asing dan semua yuran urus niaga sebagaimana yang mungkin dipersetujui dari masa ke masa di antara Pengurus dan Pemegang Amanah

berhubung dengan semua urus niaga yang melibatkan keseluruhan atau mana-mana bahagian Aset Dana;

- kesemua caj dan perbelanjaan yang ditanggung bagi mana-mana mesyuarat Pemegang Unit selain daripada yang dipanggil oleh dan bagi manfaat Pengurus atau Pemegang Amanah;
- yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dalam memperoleh dan/atau menyelenggarakan penyenaraian dan sebut harga Unit-unit pada Bursa Securities, dan/atau pemberian kuasa atau lain-lain kelulusan atau sanksi rasmi Dana di bawah CMSA atau mana-mana undang-undang atau peraturan terpakai;
- yuran dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pendepositan dan pemegangan Unit-unit dengan Depositori dan rumah penjelasan (dan dalam mana-mana depositori sekuriti atau sistem penjelasan lain);
- Kos Penubuhan Dana;
- kesemua caj, kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhubung dengan dan/atau berkenaan dengan penyelenggaraan laman web atau laman-laman web (mengikut keadaan) didedikasikan sepenuhnya untuk Dana dan komunikasi dengan dan/atau pemberitahuan kepada Pemegang Unit, Pendaftar dan/atau mana-mana pihak berkuasa berkenaan termasuk pemberitahuan yang dibuat berhubung dengan Dana pada Bursa Securities, surat khabar di Malaysia dan lain-lain bentuk komunikasi yang dibenarkan atau diterima di bawah Garis Panduan ETF dan sebagaimana Pengurus mungkin dari masa ke masa tentukan;
- kesemua yuran, kos dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan penyediaan apa-apa surat ikatan tambahan kepada Surat Ikatan dan berhubung penyediaan apa-apa perjanjian berhubung dengan Dana selain daripada untuk manfaat Pengurus atau Pemegang Amanah;
- kesemua kos yang ditanggung berhubung dengan penyediaan, penerbitan dan pengedaran laporan tahunan dan kesemua cek, penyata, notis dan lain-lain dokumen berkaitan dengan Dana;
- kesemua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pemecatan Pengurus, Pemegang Amanah atau juruaudit Dana atau pelantikan syarikat pengurusan baru, pemegang amanah baru atau juruaudit baru selain daripada manfaat Pengurus atau Pemegang Amanah;
- kesemua perbelanjaan yang ditanggung dalam kutipan pendapatan (termasuk perbelanjaan yang ditanggung dalam memperoleh bayaran balik cukai atau pelepasan dan persetujuan liabiliti cukai) atau penentuan cukai;
- kesemua perbelanjaan berkaitan dengan pengagihan yang diisyiharkan selaras dengan Surat Ikatan termasuk tanpa batasan yuran untuk pengesahan atau pengeluaran semula apa-apa cek pengagihan atau waran atau pindahan telegrafik;
- kesemua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dalam menamatkan Dana;
- yuran bagi penilaian Dana oleh jurunilai bebas untuk manfaat Dana; dan
- caj, kos, perbelanjaan dan pengimbuhan lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa cukai dan duti lain yang dikenakan oleh mana-mana kerajaan dan pihak berkuasa lain sebagaimana dibenarkan atau diperlukan (mengikut keadaan) di bawah undang-undang yang terpakai yang Pengurus atau Pemegang Amanah berhak untuk kenakan kepada Dana).

#### **4.5 Polisi mengenai Rebat dan Komisen Ringan**

Pengurus atau mana-mana perwakilannya tidak akan menyimpan apa-apa rebat daripada, atau sebaliknya berkongsi dalam apa-apa komisen dengan, mana-mana broker / peniaga sebagai

balasan urusan langsung (sekiranya ada) dalam pelaburan Dana. Selaras dengan itu, apa-apa rebat atau komisen dikongsi hendaklah disalurkan secara langsung kepada akaun Dana.

Komisen ringan boleh disimpan oleh Pengurus dengan syarat bahawa:-

- Pengurus tidak menggunakan komisen ringan bagi tujuan membayar kos berkaitan dengan penubuhan atau penyelenggaraan infrastruktur, rangka kerja atau sistem Pengurus;
- Pengurus memastikan bahawa barang dan perkhidmatan adalah dalam bentuk perkhidmatan penyelidikan dan nasihat yang membantu dalam proses membuat keputusan berkaitan dengan pelaburan Dana; dan
- Amalan pengurus berkaitan dengan komisen ringan didedahkan secukupnya dalam Prospektus Induk dan laporan tahunan, termasuk keterangan mengenai barang dan perkhidmatan yang diterima oleh Pengurus.

**Kesemua yuran dan caj perlu dibayar oleh pelabur adalah tertakluk kepada semua cukai dan/atau tanggungjawab yang terpakai sebagaimana mungkin dikenakan oleh kerajaan dan/atau pihak berkuasa berkenaan dari masa ke masa.**

## **5. MAKLUMAT URUS NIAGA**

### **5.1 Permohonan bagi Pembelian dan Jualan Unit-unit**

#### **5.1.1 Sebelum Penyenaraian**

Dalam Tempoh Langganan Awal, pelabur boleh memohon untuk melanggan Unit-unit melalui Ejen Penempatan. Lihat Seksyen 5.2 bagi butir-butir lanjut mengenai prosedur permohonan.

Dalam Tempoh Langganan Awal, Harga Terbitan Awal ditetapkan pada MYR2.00 setiap Unit.

Perolehan diterima oleh Dana daripada Langganan Awal akan digunakan untuk pelaburan dalam Pelaburan Dibenarkan. Rangka masa bagi penggunaan penuh perolehan akan berada dalam tempoh dua (2) Hari Perniagaan daripada penerimaan perolehan.

#### **5.1.2 Selepas Penyenaraian**

Selepas Penyenaraian, terdapat dua (2) kaedah untuk melanggan atau menebus Unit-unit -

- i) Pembentukan / Penebusan Unit-unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian (pasaran utama)

Peniaga yang Mengambil Bahagian (sama ada bertindak untuk dirinya atau untuk pelabur sebagai kliennya) boleh memohon bagi pembentukan atau penebusan Unit-unit. Pelabur yang berhasrat memohon bagi pembentukan atau penebusan Unit-unit boleh berbuat demikian melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Pembentukan Unit-unit boleh dilakukan melalui Pembentukan Tunai dalam Blok Unit Pembentukan (atau keseluruhan gandaannya). Penebusan Unit-unit boleh dilakukan melalui Penebusan Tunai dalam Blok Unit Penebusan (atau keseluruhan gandaannya).

Lihat Seksyen 5.3 bagi butir-butir lanjut mengenai permohonan bagi pembentukan dan penebusan prosedur Unit-unit.

- ii) Pembelian / Penjualan Unit-unit pada Bursa Securities (pasaran sekunder)

Pelabur boleh membeli Unit-unit dalam MYR melalui pengantara berlesen seperti broker saham atau mana-mana perkhidmatan pengurusan saham yang ditawarkan oleh bank-bank atau penasihat kewangan lain.

Butir-butir lanjut dinyatakan dalam Seksyen 5.8 Prospektus Induk ini.

#### **5.1.3 Pelabur dan Peniaga yang Mengambil Bahagian**

Di mana pelabur memilih untuk memohon bagi pembentukan atau penebusan Unit-unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian (pasaran utama) dalam cara yang dinyatakan di atas, berikut harus diperhatikan –

- i) Permohonan bagi pembentukan dan/atau penebusan Unit-unit hanya boleh dibuat melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian.
- ii) Pelabur yang memohon bagi pembentukan dan/atau penebusan Unit-unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian harus perhatikan bahawa Peniaga yang Mengambil Bahagian boleh, bagi akaunnya sendiri, mengenakan yuran dan perbelanjaan yang dikenakan tidak dinyatakan dalam Prospektus Induk ini bagi penyediaan perkhidmatannya dan mengguna syarat-syaratnya sendiri untuk permohonan atau penebusan Unit-unit selain daripada yang dinyatakan dalam Prospektus Induk ini.
- iii) Peniaga yang Mengambil Bahagian akan menerima permintaan yang diterima daripada pelabur, tertakluk kepada syarat pasaran biasa, persetujuan mengenai yuran dan

penyelesaian prosedur penerimaan klien, untuk membentuk dan/atau menebus Unit-unit bagi pihak pelabur sedemikian. Pelabur harus perhatikan bahawa walaupun Pengurus mempunyai kewajipan untuk memantau operasi Dana dengan teliti, sama ada Pengurus atau Pemegang Amanah tidak diberi kuasa untuk memaksa Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk mendedahkan yurannya yang dipersetujui dengan pelabur tertentu atau maklumat proprietari atau sulit lain kepada Pengurus atau Pemegang Amanah, atau untuk menerima apa-apa permohonan permintaan yang diterima daripada pelabur.

- iv) Pelabur harus perhatikan bahawa pengaturan yang ditetapkan antara Peniaga yang Mengambil Bahagian dan pelabur adalah semata-mata pengaturan kontrak antara pelabur dan Peniaga yang Mengambil Bahagian. Pengurus dan Pemegang Amanah adalah bukan pihak kepada pengaturan ini. Oleh itu, sama ada Pengurus maupun Pemegang Amanah tidak akan dipertanggungjawabkan kepada pelabur masing-masing bagi pengaturan ini. Seseorang pelabur hendaklah menghubungi Peniaga yang Mengambil Bahagian dan mendapatkan butir-butir lanjut sebelum memasuki mana-mana pengaturan sedemikian.

## 5.2 Prosedur bagi Permohonan dan Penerimaan Langganan Awal

- 5.2.1 Jadual di bawah memperincikan pembukaan dan penutupan Permohonan Langganan:-

Peristiwa	Tarikh	Masa
Tarikh dan masa pembukaan bagi Langganan Awal melalui Ejen Penempatan	20 Disember 2019	9.00 pagi
Tarikh dan masa penutupan bagi Langganan Awal	31 Disember 2019	5.00 petang

Pengurus (selepas berunding dengan Pemegang Amanah dan Ejen Penempatan) boleh mengikut budi bicara mutlaknya, melanjutkan tarikh penutupan bagi Langganan Awal. Sekiranya tarikh penutupan bagi Langganan Awal dilanjutkan, tarikh bagi peruntukan kepada pemohon yang berjaya dan Penyenaraian Dana akan dilanjutkan selaras dengan itu. Sebarang pelanjutan tarikh yang dinyatakan di atas akan diumumkan kepada pelabur melalui laman web Dana di [www.oneetf.com.my](http://www.oneetf.com.my).

Pelabur dinasihatkan untuk menghubungi Ejen Penempatan secara terus bagi maklumat lanjut mengenai prosedur permohonan.

- 5.2.2 Pemohon mesti memenuhi syarat-syarat berikut:-

- Mempunyai akaun CDS.
- (i) Warganegara Malaysia yang berusia sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun; atau
- (ii) Sebuah syarikat / institusi.

- 5.2.3 Permohonan Unit-unit boleh dibuat melalui Ejen Penempatan melalui langganan tunai sahaja.

Setiap permohonan mestilah bagi sekurang-kurangnya 100 Unit atau Gandaan 100 Unit.

- 5.2.4 Bayaran bagi Unit-unit boleh dibuat melalui mana-mana kaedah berikut:

- i) Bayaran melalui pemindahan telegraf daripada pelabur; atau
- ii) Bayaran melalui cek; atau
- iii) Draf bank; atau
- iv) Perintah juruwang.

5.2.5 Permohonan Unit-unit yang dikemukakan oleh Ejen Penempatan kepada Pengurus hanya boleh dibuat dalam MYR.

### **5.3 Prosedur bagi Pembentukan dan Penebusan Unit-unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian (pasaran utama)**

Prosedur yang dinyatakan dalam Seksyen ini adalah berhubung dengan pembentukan dan penebusan Unit-unit Selepas Penyenaraian.

Dalam tempoh ini:-

- (i) Kedua-dua Permohonan Pembentukan dan Permohonan Penebusan boleh dibuat oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian sebelum Tarikh Akhir Urus Niaga pada mana-mana Hari Perniagaan. Sekiranya Permohonan Pembentukan dan Permohonan Penebusan diterima pada hari yang bukan Hari Perniagaan atau diterima selepas Tarikh Akhir Urus Niaga pada Hari Perniagaan, Permohonan tersebut akan dianggap sebagai telah diterima pada Hari Perniagaan berikutnya;
- (ii) Permohonan bagi Pembentukan oleh Peniaga Yang Mengambil Bahagian mesti dibuat melalui Pembentukan Tunai dalam Blok Unit Pembentukan (atau gandaan keseluruhannya) sahaja; dan
- (iii) Permohonan Penebusan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian mesti dibuat melalui cara Penebusan Tunai dalam Blok Unit Penebusan (atau gandaan keseluruhannya).

Harga Terbitan dan Harga Penebusan bagi Unit-unit Selepas Penyenaraian akan ditentukan selaras dengan peruntukan seksyen 5.5 Prospektus Induk ini.

Unit-unit yang dikeluarkan Selepas Penyenaraian, selaras dengan Permohonan Pembentukan yang dibuat oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian, akan didaftarkan dalam nama Peniaga yang Mengambil Bahagian dalam Daftar dan akan didepositkan dengan Bursa Depository pada Tarikh Pembentukan yang berkaitan dengannya. Tertakluk kepada perjanjian antara pelabur dan Peniaga yang Mengambil Bahagian, Unit-unit yang dipohon untuk atau bagi pihak pelabur akan selepas itu dikreditkan ke Akaun CDS pelabur.

#### **5.3.1 Prosedur bagi Pembentukan Tunai**

- (i) Jumlah Langganan akan ditentukan oleh Pengurus pada setiap Hari Perniagaan dan diterbitkan di laman web Dana di [www.oneetf.com.my](http://www.oneetf.com.my) dan laman web Bursa Securities di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com) sebelum pembukaan pasaran pada Harian Perniagaan berikut.
- (ii) Bagi Permohonan Pembentukan menjadi sah, ia mestilah:
  - dikemukakan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian;
  - termasuk pensijilan yang diperlukan di bawah Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian;
  - menyatakan bilangan Blok Unit Pembentukan; dan
  - menyatakan orang yang membuat Permohonan Pembentukan atau bagi pihak siapa Permohonan Pembentukan dibuat.
- (iii) Selepas menerima Permohonan Pembentukan yang sah, Pengurus akan mengarahkan Pemegang Amanah untuk membentuk dan menerbitkan Unit-unit baru, yang akan diselesaikan secara tunai.
- (iv) Unit-unit baru akan dibentuk dan diterbitkan, dan Daftar akan dikemas kini pada Tarikh Pembentukan. Harga Terbitan akan berdasarkan NAV Dana pada Masa Penilaian pada Tarikh Dagangan.

### **5.3.2 Peruntukan terpakai bagi Pembentukan Tunai**

- (i) Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhak mengikut budi bicara mutlaknya, dengan syarat bahawa adalah munasabah, untuk menolak atau menggantung Permohonan Pembentukan sekiranya:
- Permohonan Pembentukan adalah tidak jelas, salah atau samar-samar (pada pendapat munasabah Pengurus dan/atau Pemegang Amanah);
  - agregat Blok (Blok-blok) Unit Pembentukan berhubung dengan Permohonan Pembentukan dan bilangan Unit-unit yang diterbitkan pada ketika itu melebihi saiz Dana yang dibenarkan sebagaimana diluluskan dari masa ke masa oleh SC;
  - sekiranya bursa berkenaan ditutup; atau
  - Pengurus telah menggantung hak Peniaga Yang Mengambil Bahagian untuk membuat Permohonan Pembentukan selaras dengan Surat Ikatan.
- (ii) Selain itu, Pemegang Amanah boleh (melalui notis kepada Pengurus) menolak untuk:
- membentuk Unit-unit; atau
  - membentuk Unit-unit dalam bilangan sebagaimana diarahkan oleh Pengurus;
- sekiranya Pemegang Amanah berpendapat bahawa pembentukan tersebut bukan untuk kepentingan Pemegang Unit atau ia akan menyebabkan pelanggaran peruntukan Surat Ikatan dan undang-undang lain yang terpakai.
- (iii) Pembatalan Unit-unit dibentuk selaras dengan Permohonan Pembentukan bagi Pembentukan Tunai:
- Pengurus boleh mengarahkan Pemegang Amanah untuk membatalkan Unit-unit yang dibentuk (tetapi yang belum diterbitkan) selaras dengan Permohonan Pembentukan sekiranya:
    - (a) Jumlah Langganan penuh belum diterima dalam dana yang dijelaskan oleh atau bagi pihak Pengurus dan/atau Pemegang Amanah (mengikut keadaan); atau
    - (b) Yuran Permohonan Pembentukan dan Kos Urus Niaga (sekiranya ada) tidak diterima dalam dana yang dijelaskan oleh atau bagi pihak Pengurus (dalam hal Yuran Permohonan Pembentukan) dan Pemegang Amanah bagi akaun Dana (dalam hak Kos Urus Niaga);
- menjelang masa dan tarikh tertentu sebagaimana ditentukan oleh Pengurus (selepas berunding dengan Pemegang Amanah) selaras dengan Perjanjian Peniaga Yang Mengambil Bahagian.
- Sekiranya mana-mana Unit dibatalkan sebagaimana diterangkan di atas, Jumlah Langganan (sekiranya telah pun diterima oleh Pemegang Amanah) akan diserah semula kepada Peniaga Yang Mengambil Bahagian.
- Unit-unit dibatalkan berkenaan akan dianggap tidak pernah dibentuk dan Peniaga Yang Mengambil Bahagian tidak akan mempunyai hak atau tidak boleh menuntut daripada Pengurus atau Pemegang Amanah berhubung dengan pembatalan tersebut. Selanjutnya, Pengurus boleh, tetapi tidak terikat untuk:
- (a) mengenakan Peniaga yang Mengambil Bahagian Yuran Pembatalan Permohonan;
  - (b) mengenakan Peniaga Yang Mengambil Bahagian apa-apa kerugian yang timbul daripada pembelian atau pelupusan Niagaan Hadapan Indeks dan

apa-apa kos yang ditanggung oleh Dana berhubung dengan pembentukan yang gagal tersebut; dan

- (c) memerlukan Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk membayar kepada Pemegang Amanah (bagi akaun Dana) berhubung dengan setiap Unit yang dibatalkan, amanu (sekiranya ada) yang mana Harga Terbitan (pada Tarikh Dagangan Permohonan Pembentukan) melebihi Harga Penebusan (yang mungkin terpakai sekiranya Pengurus telah menerima Permohonan Penebusan pada tarikh ke atas mana Unit-unit tersebut dibatalkan).
- (iv) Sebaik sahaja Permohonan Pembentukan telah dikemukakan, ia tidak boleh dibatalkan atau ditarik balik tanpa kebenaran Pengurus, melainkan tempoh penggantungan telah diisyiharkan oleh Pengurus selaras dengan Surat Ikatan.
- (iv) Sebarang komisen, ganjaran atau sejumlah bayaran lain yang dibayar oleh Pengurus berhubung dengan terbitan atau jualan mana-mana Unit tidak boleh ditambah kepada Harga Terbitan Unit tersebut dan tidak boleh dibayar daripada Aset Dana.

#### **5.3.3 Prosedur bagi Penebusan Tunai**

- (i) Jumlah Penebusan akan ditentukan oleh Pengurus pada setiap Hari Perniagaan dan diterbitkan di laman web Dana di [www.oneetf.com.my](http://www.oneetf.com.my) dan laman web Bursa Securities di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com) sebelum pembukaan pasaran pada Hari Perniagaan berikut.
- (ii) Bagi Permohonan Penebusan menjadi sah, ia mestilah:
  - dikemukakan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian;
  - termasuk pensijilan yang diperlukan di bawah Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian;
  - menyatakan bilangan Blok Unit Penebusan; dan
  - menyatakan orang yang membuat Permohonan Penebusan atau bagi pihak siapa Permohonan Penebusan dibuat.
- (iii) Selepas menerima Permohonan Penebusan yang sah, Pengurus akan mengarahkan Pemegang Amanah (melalui notis secara bertulis) untuk melaksanakan penebusan, yang akan diselesaikan melalui pembatalan Unit dan bayaran perolehan secara tunai.
- (iv) Unit-unit akan ditebus dan dibatal dan Pendaftar akan dikemas kini pada Tarikh Penebusan. Harga Penebusan akan berdasarkan NAV Dana pada Masa Penilaian pada Tarikh Dagangan.

Saiz Dana hendaklah dikurang mengikut bilangan Unit dibatalkan.

Bagi Penebusan Tunai, Pemegang Amanah hendaklah membayar Jumlah Penebusan daripada Aset Dana kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian.

#### **5.3.4 Peruntukan terpakai bagi Penebusan Tunai**

- (i) Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhak mengikut budi bicara mutlaknya, dengan syarat bahawa adalah munasabah untuk menolak atau menggantung Permohonan Penebusan sekiranya:
  - Permohonan Penebusan adalah tidak jelas, salah atau samar-samar (pada pendapat munasabah Pengurus dan/atau Pemegang Amanah);
  - Bilangan Unit berhubung dengan yang mana Permohonan Penebusan telah diterima oleh Pengurus melebihi had yang dinyatakan dalam Seksyen ini, perkara (vi) di bawah;

- Pengurus telah menggantung hak Peniaga Yang Mengambil Bahagian untuk membuat Permohonan Penebusan selaras dengan Surat Ikatan;
  - sekiranya bursa berkenaan ditutup; atau
  - pada pendapat munasabah Pengurus, Permohonan Penebusan mungkin melanggar mana-mana terma atau syarat Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dan/atau Surat Ikatan.
- (ii) Selain itu, Pemegang Amanah boleh (melalui notis kepada Pengurus) menolak untuk:
- menebus Unit-unit; atau
  - menebus Unit-unit dalam bilangan sebagaimana diarahkan oleh Pengurus;
- sekiranya Pemegang Amanah berpendapat bahawa penebusan tersebut bukan untuk kepentingan Pemegang Unit atau ia akan menyebabkan pelanggaran peruntukan Surat Ikatan dan undang-undang lain yang terpakai.
- (iii) Bayaran Jumlah Penebusan bagi Penebusan Tunai:
- Jumlah Penebusan berhubung dengan penebusan Unit-unit akan menjadi perlu dibayar kepada Peniaga Yang Mengambil Bahagian pada Tarikh Penebusan dengan syarat bahawa:
- Permohonan Penebusan telah diterima oleh Pengurus selaras dengan Surat Ikatan;
  - Unit-unit untuk ditebus telah diserahkan kepada Pemegang Amanah; dan
  - Yuran Permohonan Penebusan telah dibayar sepenuhnya.
- (iv) Pengurus boleh menolak dan memotong Yuran Permohonan Penebusan dan Kos Urus Niaga (sekiranya ada) terhadap mana-mana Jumlah Penebusan yang perlu dibayar kepada Peniaga Yang Mengambil Bahagian.
- (v) Sekiranya Unit-unit untuk ditebus tidak diserahkan kepada Pemegang Amanah selaras dengan peruntukan Surat Ikatan:
- Permohonan Penebusan akan dianggap sebagai tidak pernah dibuat (kecuali di mana Yuran Permohonan Penebusan masih tertunggak dan perlu dibayar); dan
  - Pengurus boleh mengenakan Peniaga yang Mengambil Bahagian:
    - (a) Yuran Pembatalan Permohonan;
    - (b) mana-mana Kos Urus Niaga; dan
    - (c) apa-apa kerugian yang timbul daripada pembelian atau pelupusan Niaga Hadapan Indeks dan apa-apa kos yang ditanggung oleh Dana berhubung dengan penebusan yang gagal; jumlah (sekiranya ada) melalui mana Harga Terbitan (yang mungkin terpakai sekiranya Pengurus telah menerima Permohonan Pembentukan pada tarikh bila mana Unit-unit tersebut telah dibatalkan) melebihi Harga Penebusan (pada Tarikh Dagangan Permohonan Penebusan).

## **5.4 Pengiraan NAV**

Penilaian Dana akan dilakukan dalam Mata Wang Asas Dana, iaitu MYR.

NAV Dana ditentukan dengan menolak nilai semua liabiliti Dana daripada nilai semua aset Dana, pada Masa Penilaian tertentu. Sila rujuk kepada Seksyen 3.10 Prospektus Induk ini mengenai butir-butir masa penilaian bagi Dana.

### **5.5 Pengiraan Harga Terbitan dan Harga Penebusan**

Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Harga Terbitan atau Harga Penebusan setiap Unit bagi mana-mana Hari Perniagaan berkenaan akan, tertakluk kepada kelayakan di bawah, dikira oleh Pengurus dan akan berdasarkan NAV Dana pada Masa Penilaian pada Tarikh Dagangan dibahagikan dengan bilangan Unit dalam terbitan, dibahagi kepada empat (4) tempat perpuluhan, dalam cara tertentu sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa selepas berunding dengan Pemegang Amanah. Manfaat bagi mana-mana pelarasan tersebut akan terakru kepada Dana.

Pengurus boleh, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, menambah Harga Terbitan (tetapi tidak dimasukkan bersamanya) jumlah tertentu (sekiranya ada) sebagaimana Pengurus mungkin pertimbangkan mewakili peruntukan sewajarnya bagi Kos Urus Niaga yang akan menjadi akaun Dana.

### **5.6 IOPV**

IOPV setiap Unit akan dikira oleh Pengurus hampir dengan masa nyata (selang lima belas (15) saat) pada setiap Hari Perniagaan untuk bertindak sebagai anggaran kepada NAV Dana. IOPV setiap Unit, yang adalah anggaran NAV setiap Unit Dana, dikira seperti berikut:

- (i) nilai Aset Dana pada selang waktu masing-masing pada Hari Perniagaan, termasuk aset cair;
- (ii) tolak liabiliti Dana; dan
- (iii) membahagi pengagregatan sub-perenggan (i) dan (ii) di atas dengan jumlah bilangan Unit-unit dalam terbitan.

### **5.7 Mendapatkan maklumat mengenai NAV dan IOPV setiap Unit**

Butir-butir mengenai NAV Dana dan NAV setiap Unit bagi setiap Hari Perniagaan akan disediakan pada Harga Perniagaan berikutnya manakala IOPV setiap Unit akan disediakan pada setiap Hari Perniagaan di laman web Bursa Securities di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com) dan di laman web Dana di [www.oneetf.com.my](http://www.oneetf.com.my).

### **5.8 Dagangan Unit-unit di Bursa Securities (pasaran sekunder)**

Selepas Penyenaraian, Unit-unit Dana boleh dibeli dan dijual di Bursa Securities sepanjang hari dagangan seperti mana-mana saham awam lain yang didagangkan. Unit-unit pada amnya dibeli dan dijual dalam "lot niaga" sebanyak 100 Unit atau bilangan lain tertentu lot niaga sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang berkenaan. Walau bagaimanapun, firma-firma pembrokeran boleh memberarkan pelabur untuk membeli atau menjual Unit-unit dalam "lot ganjil" yang lebih kecil, walaupun harga Unit-unit yang didagangkan dalam "lot ganjil" mungkin berbeza daripada Unit-unit yang dibeli dan dijual dalam "lot niaga".

Walau bagaimanapun, pelabur harus perhatikan bahawa urus niaga dalam pasaran sekunder pada Bursa Securities akan berlaku pada harga pasaran disebut harga yang mungkin berbeza daripada NAV setiap Unit harian disebabkan oleh permintaan dan penawaran pasaran, kecairan dan tebaran perdagangan bagi Unit-unit di pasaran sekunder. Akibatnya, harga pasaran Unit-unit dalam pasaran sekunder mungkin lebih tinggi atau lebih rendah daripada NAV setiap Unit harian.

Apabila membeli atau menjual Unit-unit melalui broker, pelabur akan menanggung yuran pembrokeran lazim dan yuran penjelasan.

Selaras dengan Seksyen 14(1) Akta Depositori Pusat, Bursa Securities telah menetapkan Unit-unit sebagai Sekuriti yang ditetapkan. Selaras dengan itu, Unit-unit akan dideposit secara langsung dengan Bursa Depository dan sebarang urus niaga dalam Unit-unit ini akan dilaksanakan selaras dengan Akta Depositori Pusat dan peraturan Bursa Depository.

Sebagai pelabur, Pemegang Unit adalah pemilik benefisial Unit-unit sebagaimana ditunjukkan dalam rekod Bursa Depository. Bursa Depository berfungsi sebagai depositori sekuriti bagi semua Unit Dana. Pemegang Unit tidak berhak menerima penyerahan fizikal sijil Unit atau mempunyai Unit yang didaftarkan atas namanya, dan ia tidak dianggap pemilik berdaftar Unit. Oleh itu, untuk melaksanakan apa-apa hak sebagai pemilik benefisial Unit-unit, Pemegang Unit mesti bergantung pada prosedur Bursa Depository. Prosedur ini adalah sama sebagaimana digunakan kepada sekuriti yang tersenarai pada Bursa Securities.

## **5.9 Harga Dagangan Unit**

Harga dagangan Unit-unit di Bursa Securities mungkin berbeza daripada NAV setiap harian dan IOPV setiap Unit masing-masing dan boleh dipengaruhi oleh kuasa pasaran seperti bekalan dan permintaan, keadaan ekonomi dan faktor-faktor lain. Pemegang Unit boleh menjelaki harga pasaran semasa Unit-unit melalui laman web Bursa Securities di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com) atas asas harian.

## **5.10 Pembuat Pasaran**

Adalah hasrat Pengurus untuk memudahkan penyediaan kecairan bagi Pemegang Unit melalui pelantikan Pembuat Pasaran yang diperlukan untuk mengekalkan pasaran bagi Unit-unit. Dalam mengekalkan pasaran bagi Unit-unit, Pembuat Pasaran boleh memperoleh keuntungan atau mengalami kerugian. Apa-apa keuntungan yang dibuat oleh Pembuat Pasaran boleh disimpan olehnya untuk manfaat mutlaknya dan ia tidak perlu bertanggungjawab kepada Dana berhubung dengan keuntungan tersebut.

Walaupun Pembuat Pasaran boleh membeli dan menjual Unit-unit sama seperti pelabur runcit melalui Bursa Securities, tidak ada jaminan atau kepastian berhubung dengan harga pada mana pasaran bagi Unit-unit akan dibuat. Pembuat (pembuat-pembuat) pasaran tambahan boleh dilantik pada masa hadapan oleh Pengurus. Senarai pembuat pasaran yang dilantik oleh Pengurus Dana boleh diperoleh daripada laman web Bursa Securities di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com) dan di laman web Dana di [www.oneetf.com.my](http://www.oneetf.com.my). Pengurus juga akan memaklumkan kepada Bursa Securities sebarang perubahan kepada senarai pembuat pasaran.

## **6. TERMA-TERMA PENTING SURAT IKATAN**

Surat Ikatan telah ditandatangani di antara Pengurus dan Pemegang Amanah Dana. Dana dibentuk melalui Surat Ikatan dan dikawal atur terutamanya oleh CMSA dan Garis Panduan ETF. Terma-terma dan syarat-syarat Surat Ikatan dan mana-mana surat ikatan tambahannya yang ditandatangani selaras dengan peruntukan Surat Ikatan adalah mengikat ke atas setiap daripada Pemegang Unit dan kesemua orang yang menuntut melalui atau di bawah Pemegang Unit tersebut seolah-olah mereka telah:-

- (i) menjadi pihak kepada dan telah menandatangani Surat Ikatan dan mana-mana surat ikatan tambahan tersebut;
- (ii) dengan itu berwaad untuk diri mereka sendiri dan untuk semua orang tersebut untuk mematuhi dan menjadi terikat oleh semua peruntukannya; dan
- (iii) dengan itu memberi kuasa kepada Pemegang Amanah dan Pengurus masing-masing untuk melakukan semua tindakan dan perkara tertentu sebagaimana Surat Ikatan atau mana-mana surat ikatan tambahan tersebut mungkin perlukan atau memberi kuasa kepada Pemegang Amanah atau Pengurus (mengikut keadaan) untuk berbuat demikian.

### **6.1 Hak Pemegang Unit**

Pemegang Unit mempunyai hak, antara lain, kepada yang berikut:

- (i) untuk memeriksa Daftar, tanpa bayaran, pada bila-bila masa semasa waktu bekerja di pejabat berdaftar Pengurus, dan memperoleh maklumat tertentu berhubung dengan Unit-unitnya sebagaimana dibenarkan di bawah Surat Ikatan dan Garis Panduan ETF;
- (ii) untuk menerima pengagihan yang diisyiharkan oleh Dana (sekiranya ada), dan kepada hak-hak dan keistimewaan lain sebagaimana dinyatakan dalam Surat Ikatan;
- (iii) untuk mengundi bagi pemecatan Pemegang Amanah atau Pengurus melalui Resolusi Khas; dan
- (iv) untuk menerima laporan tahunan atau mana-mana laporan lain Dana.

Hak Pemegang Unit boleh diubah melalui perubahan kepada Surat Ikatan, Garis Panduan ETF atau keputusan kehakiman atau tafsiran.

### **6.2 Liabiliti dan batasan Pemegang Unit**

#### **6.2.1 Liabiliti**

- (i) Pemegang Unit tidak perlu menanggung rugi Pemegang Amanah, Pengurus atau mana-mana pemutang mana-mana satu atau lebih daripada mereka sekiranya terdapat kekurangan Aset Dana berbanding dengan liabiliti.
- (ii) Hak Pemegang Amanah, Pengurus atau mana-mana pemutang tertentu untuk mendapatkan ganti rugi adalah terhad kepada yang mempunyai rekursa kepada Dana.

#### **6.2.2 Batasan**

Pemegang Unit tidak boleh:

- (i) mengganggu hak atau kuasa Pengurus dan/atau Pemegang Amanah dalam urusan mereka dengan Dana;
- (ii) menuntut kepentingan dalam mana-mana bahagian tertentu Aset Dana;

- (iii) memerlukan pemindahan kepada Pemegang Unit mana-mana bahagian tertentu Aset Dana;
- (iv) menghadiri mesyuarat sama ada mesyuarat pemegang saham, pemutang, pembayar cukai pintu atau sebaliknya atau untuk mengambil bahagian dalam atau untuk membenarkan apa-apa tindakan berhubung dengan mana-mana hartanah, perbadanan atau skim berhubung dengan Aset Dana;
- (v) menjalankan apa-apa hak, kuasa atau keutamaan berhubung dengan mana-mana Aset Dana;
- (vi) mengemukakan kepada pihak berkuasa kerajaan atau mana-mana orang apa-apa kaveat atau lain-lain notis sama ada di bawah peruntukan mana-mana peraturan, perundangan, kaedah atau sebaliknya;
  - (a) melarang pihak berkuasa kerajaan atau orang (sama ada secara bersyarat atau mutlak) daripada mengambil tindakan yang dinyatakan dalam kaveat atau notis atau melarang (sama ada secara bersyarat atau mutlak) pendaftaran mana-mana orang sebagai penerima pindahan atau pemilik, atau mana-mana instrumen atau perkara yang menjelaskan mana-mana bahagian tertentu daripada Aset Dana; atau
  - (b) menuntut apa-apa estet atau kepentingan dalam mana-mana bahagian tertentu Aset Dana; atau
- (vii) mengganggu Dana dalam apa-apa cara..

Bagi butir-butir penuh mengenai hak Pemegang Unit berdaftar Dana, sila rujuk kepada Surat Ikatan.

### **6.3 Yuran dan caj maksimum yang dibenarkan oleh Surat Ikatan**

Jadual ini menerangkan yuran maksimum dibenarkan oleh Surat Ikatan dan perlu dibayar secara tidak langsung oleh pelabur.

<b>Yuran</b>	<b>% / MYR</b>
Yuran Pengurusan	3.,00% setahun, dikira secara harian ke atas NAV Dana.
Yuran Pemegang Amanah	0.10% setahun, dikira secara harian ke atas NAV Dana (tidak termasuk yuran dan caj sub-kustodian asing).

Yuran dan/atau caj yang lebih rendah daripada yang dinyatakan dalam Surat Ikatan boleh dikenakan, semua yuran dan/atau caj semasa akan didedahkan dalam Prospektus Induk.

Apa-apa kenaikan yuran dan/atau caj yang dinyatakan dalam Prospektus Induk semasa boleh dibuat dengan syarat bahawa:

- (i) Berhubung dengan Pengurus,
  - (a) yuran pengurusan yang lebih tinggi tidak melebihi kadar maksimum yang ditetapkan dalam Surat Ikatan;
  - (b) Pengurus telah memaklumkan Pemegang Amanah secara bertulis mengenai yuran pengurusan yang lebih tinggi dan Pemegang Amanah bersetuju selepas menimbangkan perkara-perkara yang diperlukan di bawah Garis Panduan ETF;
  - (c) Pengurus telah mengumumkan kepada Bursa Securities mengenai yuran pengurusan yang lebih tinggi dan tarikh berkuatkuasanya; dan
  - (d) tiga puluh (30) hari telah luput sejak tarikh pengumuman dalam Seksyen 6.3(i)(c) di atas.

- (ii) Berhubung dengan Pemegang Amanah,
- (a) yuran pemegang amanah yang lebih tinggi tidak melebihi kadar maksimum yang ditetapkan dalam Surat Ikatan;
  - (b) Pemegang Amanah telah memaklumkan Pengurus secara bertulis mengenai yuran pemegang amanah yang lebih tinggi dan Pengurus bersetuju selepas menimbangkan perkara-perkara yang diperlukan di bawah Garis Panduan ETF;
  - (c) Pengurus telah mengumumkan kepada Bursa Securities mengenai yuran pemegang amanah yang lebih tinggi dan tarikh berkuatkuasanya; dan
  - (d) tiga puluh (30) hari telah luput sejak tarikh pengumuman dalam Seksyen 6.3(ii)(c) di atas.

Apa-apa kenaikan dalam kadar maksimum bagi yuran pengurusan dan yuran pemegang amanah yang ditetapkan dalam Surat Ikatan dan Seksyen 6.3 ini hanya boleh dibuat melalui surat ikatan tambahan dan selaras dengan keperluan CMSA.

#### **6.4 Perbelanjaan yang dibenarkan oleh Surat Ikatan**

Surat Ikatan membolehkan bayaran lain-lain yuran, kos dan perbelanjaan daripada Aset Dana, yang termasuk (tanpa batasan) perbelanjaan:

- apa-apa kos, yuran dan perbelanjaan untuk dibayar di bawah mana-mana lesen dan kontrak bekalan data berhubung dengan Pemberi Lesen Indeks yang ditandatangani oleh Pengurus berhubung dengan Dana;
- yuran pemprosesan atau pengendalian yang dikenakan oleh mana-mana orang kerana melaksanakan apa-apa pembelian, pelupusan atau apa-apa urusan lain sekalipun dalam Aset Dana dan apa-apa perbelanjaan berhubung dengannya, termasuk komisen atau yuran yang dibayar kepada broker dan/atau peniaga dalam melaksanakan urus niaga dalam pelaburan Dana yang dibenarkan;
- kesemua yuran, caj, perbelanjaan dan pembayaran mana-mana penasihat undang-undang atau peguam, akauntan, juruaudit, jurunilai, broker, jurubank, penasihat cukai atau lain-lain penasihat profesional yang diambil bekerja atau dilantik oleh Pemegang Amanah atau Pengurus dalam penubuhan Dana, dalam menyelenggara, mengekalkan dan melindungi Aset-aset Dana dan dalam pelaksanaan berterusan kewajipan dan obligasi mereka masing-masing di bawah Surat Ikatan, atau sebaliknya berhubung dengan Dana;
- semua yuran, caj, perbelanjaan dan imbuhan yang ditanggung berhubung dengan kustodi selamat, pengambilalihan, pemegangan, pendaftaran, realisasi atau lain-lain urus niaga dengan mana-mana Aset Dana pelaburan asing dan semua yuran urus niaga sebagaimana yang mungkin dipersetujui dari masa ke masa di antara Pengurus dan Pemegang Amanah berhubung dengan semua urus niaga yang melibatkan keseluruhan atau mana-mana bahagian Aset Dana;
- kesemua caj dan perbelanjaan yang ditanggung bagi apa-apa mesyuarat Pemegang Unit selain daripada yang dipanggil oleh dan bagi manfaat Pengurus dan Pemegang Amanah;
- yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dalam memperoleh dan/atau menyelenggarakan penyenaraian dan sebut harga bagi Unit-unit pada Bursa Securities, dan/atau pemberian kuasa atau lain-lain kelulusan atau sanksi rasmi Dana di bawah CMSA atau mana-mana undang-undang atau peraturan terpakai;
- yuran dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pendepositan dan pemegangan Unit-unit dengan Bursa Depository dan rumah penjelasan (dan dalam mana-mana depositori sekuriti atau sistem penjelasan lain);
- Kos Penubuhan Dana;

- kesemua caj, kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhubung dengan dan/atau berkenaan dengan penyelenggaraan laman web atau laman-laman web (mengikut keadaan) dikhususkan sepenuhnya untuk Dana dan komunikasi dengan dan/atau pemberitahuan kepada Pemegang Unit, Pendaftar dan/atau mana-mana pihak berkuasa berkenaan termasuk pemberitahuan yang dibuat berhubung dengan Dana pada Bursa Securities, surat khabar di Malaysia dan lain-lain bentuk komunikasi yang dibenarkan atau diterima di bawah Garis Panduan ETF dan sebagaimana Pengurus mungkin dari masa ke masa tentukan;
- kesemua yuran, kos dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan penyediaan apa-apa surat ikatan tambahan kepada Surat Ikatan dan berhubung penyediaan apa-apa perjanjian berhubung dengan Dana selain daripada untuk manfaat Pengurus atau Pemegang Amanah;
- kesemua kos yang ditanggung berhubung dengan penyediaan, penerbitan dan pengedaran laporan tahunan dan kesemua cek, penyata, notis dan lain-lain dokumen berkaitan dengan Dana;
- kesemua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pemecatan Pengurus, Pemegang Amanah atau juruaudit Dana atau pelantikan syarikat pengurusan baru, pemegang amanah baru atau juruaudit baru selain daripada manfaat Pengurus atau Pemegang Amanah;
- kesemua perbelanjaan yang ditanggung dalam kutipan pendapatan (termasuk perbelanjaan yang ditanggung dalam memperoleh bayaran balik cukai atau pelepasan dan persetujuan liabiliti cukai) atau penentuan cukai;
- kesemua perbelanjaan berkaitan dengan pengagihan yang diisyiharkan selaras dengan Surat Ikatan termasuk tanpa batasan yuran untuk pengesahan atau pengeluaran semula apa-apa cek pengagihan atau waran atau pindahan telegrafik;
- kesemua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dalam menamatkan Dana;
- yuran bagi penilaian Dana oleh jurunilai bebas untuk manfaat Dana; dan
- lain-lain caj, kos, perbelanjaan dan bayaran tertentu (termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa cukai dan duti lain yang dikenakan oleh mana-mana kerajaan dan pihak berkuasa lain sebagaimana dibenarkan atau diperlukan (mengikut keadaan) di bawah undang-undang yang terpakai yang Pengurus atau Pemegang Amanah berhak untuk kenakan kepada Dana.

## **6.5 Persaraan Pengurus**

Pengurus boleh bersara daripada pengurusan Dana selepas memberi notis bertulis dua belas (12) bulan kepada Pemegang Amanah mengenai hasratnya untuk berbuat demikian atau masa notis lebih pendek sebagaimana Pengurus dan Pemegang Amanah mungkin bersetuju dengannya.

Pengurus yang akan bersara, tertakluk kepada kelulusan yang diperlukan oleh undang-undang terpakai, boleh melantik secara bertulis lain-lain perbadanan yang layak yang sesuai yang diluluskan oleh Pemegang Amanah dan SC (sekiranya diperlukan) sebagai syarikat pengurusan baru bagi mengantikannya.

Pemegang Amanah akan mengambil langkah-langkah munasabah untuk memecat dan mengantikan Pengurus dengan seberapa segera yang munasabah selepas menyedari apa-apa keadaan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 6.6 di bawah.

## **6.6 Kuasa Pemegang Amanah untuk memecat atau mengganti Pengurus**

Pengurus boleh dipecat oleh Pemegang Amanah dalam keadaan tertentu seperti yang dinyatakan dalam Surat Ikatan termasuk peristiwa-peristiwa berikut:

- (i) sekiranya Pengurus dibubarkan atau dibubar secara sementara (kecuali pembubaran sukarela bagi tujuan penggabungan atau pembentukan semula atau beberapa tujuan yang serupa atas terma-terma yang diluluskan sebelum ini secara bertulis oleh Pemegang Amanah) atau diletakkan di bawah pengurusan rasmi atau berhenti menjalankan perniagaan atau sekiranya penerima, atau penerima dan pengurus dilantik berhubung dengan semua atau sebahagian besarnya harta tanah Pengurus dan tidak dipecat atau ditarik balik dalam masa tiga puluh (30) hari daripada pelantikan atau sekiranya mana-mana beban telah mengambil milik mana-mana daripada asetnya;
- (ii) sekiranya Pemegang Amanah berpendapat secara munasabah bahawa Pengurus telah, dengan merugikan Pemegang Unit, gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan atau waad di bawah Surat Ikatan atau melanggar mana-mana peruntukan CMSA dan dalam tempoh tertentu sebagaimana ditetapkan oleh Pemegang Amanah dalam notis secara bertulis kepada Pengurus, pelanggaran tersebut tidak diremedikan;
- (iii) sekiranya Pengurus telah gagal atau cuai untuk menjalankan tanggungjawabnya hingga memuaskan hati Pemegang Amanah dan Pemegang Amanah menganggap bahawa ia adalah demi kepentingan Pemegang Unit untuk Pemegang Amanah memecat Pengurus dengan syarat bahawa:
  - (a) Pemegang Amanah telah memberi notis kepada Pengurus mengenai pendapat dan alasan-alasan bagi pendapat tersebut dan Pemegang Amanah telah menimbangkan apa-apa representasi yang diberikan oleh Pengurus berhubung dengan pendapat tersebut;
  - (b) selepas berunding dengan SC; dan
  - (c) Resolusi Khas telah diluluskan sewajarnya oleh Pemegang Unit;
- (iv) sekiranya Pemegang Unit melalui Resolusi Khas memutuskan bahawa Pengurus hendaklah dipecat; atau
- (v) sekiranya Pengurus berhenti menjadi syarikat pengurusan yang diluluskan di bawah peruntukan CMSA dan peraturan yang terpakai.

Dalam mana-mana perkara tersebut di atas, Pengurus buat masa ini hendaklah selepas menerima notis bertulis oleh Pemegang Amanah berhenti menjadi syarikat pengurusan dan Pemegang Amanah akan tertakluk kepada apa-apa kelulusan yang diperlukan oleh undang-undang yang terpakai, berhak melantik secara bertulis beberapa perbadanan lain yang layak yang sesuai untuk menjadi syarikat pengurusan Dana dengan kelulusan Pemegang Unit melalui cara Resolusi Khas pada mesyuarat yang diadakan selaras dengan Surat Ikatan.

Pelantikan yang dikatakan syarikat pengurusan baru tidak mempunyai kesan sehingga syarikat pengurusan baru menandatangani surat ikatan di bawah mana ia berwaad untuk bertindak sebagai syarikat pengurusan selaras dengan Surat Ikatan.

## **6.7 Persaraan Pemegang Amanah**

Pemegang Amanah boleh bersara sebagai pemegang amanah Dana selepas memberi notis dua belas (12) bulan secara bertulis kepada Pengurus mengenai hasrat untuk berbuat demikian, atau masa notis lebih pendek sebagaimana Pengurus dan Pemegang Amanah mungkin bersetuju dengannya.

Pemegang Amanah yang akan bersara, tertakluk kepada kelulusan yang diperlukan oleh undang-undang yang terpakai, boleh melantik secara bertulis lain-lain perbadanan yang layak yang sesuai yang diluluskan oleh Pengurus dan SC (sekiranya diperlukan) sebagai pemegang amanah baru bagi mengantikannya.

Pengurus akan mengambil langkah-langkah munasabah untuk memecat dan mengantikan Pemegang Amanah dengan seberapa segera yang munasabah selepas menyedari apa-apa keadaan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 6.8 di bawah.

## **6.8 Kuasa Pengurus untuk memecat atau mengganti Pemegang Amanah**

Pemegang Amanah boleh dipecat oleh Pengurus di bawah keadaan tertentu seperti yang dinyatakan dalam Surat Ikatan yang mana termasuk peristiwa-peristiwa berikut:

- (i) sekiranya Pemegang Amanah dibubarkan atau pembubaran sementara (kecuali pembubaran sukarela bagi tujuan penggabungan atau pembentukan semula atau beberapa tujuan yang serupa atas terma-terma yang diluluskan sebelum ini secara bertulis oleh Pengurus) atau diletakkan di bawah pengurusan rasmi atau berhenti menjalankan perniagaan atau sekiranya penerima, atau penerima dan pengurus dilantik berhubung dengan semua atau sebahagian besarnya hartaanah Pemegang Amanah dan tidak dipecat atau ditarik balik dalam masa tiga puluh (30) hari daripada pelantikan atau sekiranya mana-mana beban telah mengambil milik mana-mana daripada asetnya;
- (ii) sekiranya Pemegang Amanah berhenti menjadi pemegang amanah yang diluluskan di bawah peruntukan CMSA dan peraturan yang terpakai;
- (iii) sekiranya Pemegang Unit melalui Resolusi Khas memutuskan bahawa Pemegang Amanah hendaklah dipecat; atau
- (iv) sekiranya Pemegang Amanah telah melanggar obligasinya kepada Pemegang Unit dalam cara yang, pada pendapat munasabah Pengurus, merugikan Pemegang Unit dan, dalam tempoh tertentu sebagaimana dinyatakan oleh Pengurus dalam notis bertulis kepada Pemegang Amanah, pelanggaran tersebut telah tidak diremedikan.

Dalam mana-mana perkara tersebut di atas, Pemegang Amanah buat masa ini hendaklah selepas menerima notis bertulis oleh Pengurus berhenti menjadi pemegang amanah dan Pengurus akan tertakluk kepada apa-apa kelulusan yang diperlukan oleh undang-undang yang terpakai, berhak melantik secara bertulis beberapa perbadanan lain yang layak yang sesuai untuk menjadi pemegang amanah dengan kelulusan Pemegang Unit melalui cara Resolusi Khas pada mesyuarat yang diadakan selaras dengan Surat Ikatan.

Pelantikan yang dikatakan pemegang amanah baru tidak mempunyai kesan sehingga pemegang amanah baru menandatangani surat ikatan di bawah mana ia berwaad untuk bertindak sebagai pemegang amanah selaras dengan Surat Ikatan.

## **6.9 Penamatian Dana**

6.9.1 Dana boleh ditamatkan oleh Pemegang Amanah selaras dengan peruntukan CMSA apabila berlakunya mana-mana peristiwa berikut:

- (i) sekiranya Pengurus telah dibubarkan, kecuali bagi tujuan pembentukan semula atas penggabungan atau terma-terma yang diluluskan sebelum ini secara bertulis oleh Pemegang Amanah dan pihak berkuasa berkenaan;
- (ii) sekiranya, pada pendapat Pemegang Amanah, Pengurus telah berhenti menjalankan perniagaan; atau
- (iii) sekiranya, pada pendapat Pemegang Amanah, Pengurus telah dengan merugikan Pemegang Unit gagal untuk mematuhi peruntukan Surat Ikatan atau melanggar mana-mana peruntukan undang-undang berkenaan.

Atas Resolusi Khas untuk menamatkan Dana diluluskan oleh Pemegang Unit pada mesyuarat Pemegang Unit dipanggil oleh Pemegang Amanah selaras dengan Seksyen 6.9.1 (i), (ii) dan (iii) di atas, Pemegang Amanah hendaklah memohon kepada mahkamah untuk satu perintah yang mengesahkan Resolusi Khas tersebut.

6.9.2 Dana boleh ditamatkan oleh Pemegang Amanah atau Pengurus melalui notis secara bertulis kepada Pemegang Unit jika sekiranya Dana tidak lagi diluluskan di bawah CMSA.

- 6.9.3 Tanpa mengambil kira Seksyen 6.9.1 dan 6.9.2 di atas, Dana boleh ditamatkan pada bila-bila masa melalui Resolusi Khas Pemegang Unit dan penamatan tersebut akan berkuat kuasa dari tarikh di mana Resolusi Khas diluluskan atau tarikh terkemudian (sekiranya ada) sebagaimana Resolusi Khas mungkin peruntukkan.

## 6.10 Mesyuarat Pemegang Unit

- 6.10.1 Pemegang Amanah atau Pengurus boleh pada bila-bila masa mengadakan mesyuarat Pemegang Unit masing-masing pada masa atau tempat tertentu di Malaysia sebagaimana pihak yang mengadakan mesyuarat mungkin fikirkan sesuai.

- 6.10.2 Pengurus hendaklah memanggil mesyuarat Pemegang Unit sekiranya tidak kurang daripada lima puluh (50) Pemegang Unit atau sepuluh peratus (10%) daripada semua Pemegang Unit, yang mana berkurangan, mengarahkan Pengurus untuk melakukannya secara bertulis yang dihantar kepada pejabat berdaftar Pengurus untuk tujuan:

- (i) menimbangkan penyata kewangan terkini Dana;
- (ii) memberi Pemegang Amanah arahan tertentu sebagaimana mesyuarat fikirkan wajar; atau
- (iii) menimbangkan mana-mana perkara lain yang berkaitan dengan Surat Ikatan.

- 6.10.3 Di mana mesyuarat diadakan untuk meluluskan:

- (i) Resolusi Biasa, sekurang-kurangnya notis empat belas (14) hari (tidak termasuk hari bila mana notis disampaikan atau dianggap sebagai disampaikan dan hari untuk yang mana notis diberi) mengenai mesyuarat tersebut hendaklah diberikan kepada Pemegang Unit oleh Pengurus atau Pemegang Amanah dalam cara yang diperuntukkan dalam Surat Ikatan; atau
- (ii) Resolusi Khas, sekurang-kurangnya notis dua puluh satu (21) hari (tidak termasuk hari bila mana notis disampaikan atau dianggap sebagai disampaikan dan hari untuk yang mana notis diberi) mengenai mesyuarat tersebut hendaklah diberikan kepada Pemegang Unit oleh Pengurus atau Pemegang Amanah dalam cara yang diperuntukkan dalam Surat Ikatan; atau
- (iii) di mana resolusi yang memerlukan kelulusan tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) daripada semua Pemegang Unit pada mesyuarat Pemegang Unit, sekurang-kurangnya notis dua puluh satu (21) hari (tidak termasuk hari bila mana notis disampaikan atau dianggap sebagai disampaikan dan hari untuk yang mana notis diberi) mengenai mesyuarat tersebut hendaklah diberikan kepada Pemegang Unit oleh Pengurus atau Pemegang Amanah dalam cara yang diperuntukkan dalam Surat Ikatan.

Notis sedemikian hendaklah diberikan kepada Pemegang Unit dengan cara berikut sebagaimana dipertimbangkan dalam Surat Ikatan:

- (i) secara bertulis kepada Pemegang Unit melalui surat yang dialamatkan kepada Pemegang Unit di alamat Pemegang Unit yang terdapat dalam Daftar;
- (ii) dengan penerbitan dalam akhbar harian bahasa Malaysia dan dalam satu (1) akhbar lain sebagaimana mungkin diluluskan oleh SC; atau
- (iii) melalui lain-lain bentuk komunikasi yang dibenarkan atau boleh diterima di bawah Garis Panduan ETF dan sebagaimana Pengurus mungkin dari masa ke masa tentukan.

- 6.10.4 Notis hendaklah dalam bentuk pekeliling dan hendaklah menyatakan tempat, masa mesyuarat, sifat am urusan untuk diuruskan dan terma-terma mana-mana resolusi yang akan dicadangkan di situ. Salinan notis hendaklah dihantar kepada Pemegang Amanah

melainkan mesyuarat diadakan oleh Pemegang Amanah. Peninggalan yang tidak disengajakan untuk memberi notis kepada atau ketidakterimaan notis oleh mana-mana Pemegang Unit tidak akan mentaksahkan prosiding pada mana-mana mesyuarat. Pengurus atau Pemegang Amanah akan menyiaran iklan yang memberi notis berkenaan mengenai mesyuarat Pemegang Unit sekurang-kurangnya dalam satu akhbar harian Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris yang diedarkan di seluruh negara. Mesyuarat Pemegang Unit akan diadakan tidak lewat dari dua (2) bulan selepas notis diberikan di tempat dan masa yang dinyatakan dalam notis dan iklan.

- 6.10.5 Pada mana-mana mesyuarat, sekurang-kurangnya lima (5) Pemegang Unit hadir sendiri atau melalui proksi akan membentuk kuorum bagi mengurus urusan melainkan untuk tujuan meluluskan Resolusi Khas. Kuorum bagi meluluskan Resolusi Khas hendaklah sekurang-kurangnya lima (5) Pemegang Unit yang hadir sendiri atau melalui proksi yang didaftarkan sebagai memegang tidak kurang daripada dua puluh lima peratus (25%) Unit dalam terbitan dengan syarat bahawa sekiranya terdapat hanya lima (5) atau kurang daripada lima (5) Pemegang Unit, kuorum hendaklah kesemua Pemegang Unit buat masa itu. Tiada urusan boleh diuruskan pada mana-mana mesyuarat melainkan kuorum yang diperlukan hadir pada permulaan urusan.
- 6.10.6 Setiap Pemegang Unit (merupakan seorang individu) yang hadir sendiri atau melalui proksi atau (merupakan syarikat) hadir melalui salah seorang wakilnya atau melalui proksi, atas pengundian secara pol, akan mempunyai satu undi bagi setiap Unit yang beliau atau ianya adalah Pemegang Unit dan tidak perlu membuang semua undi kepada mana beliau atau ianya adalah berhak dalam cara yang sama.
- 6.10.7 Setiap Pemegang Unit akan berhak untuk hadir dan mengundi pada mana-mana mesyuarat Pemegang Unit, dan akan berhak untuk melantik orang lain (sama ada Pemegang Unit atau tidak) sebagai proksi beliau untuk hadir dan mengundi. Di mana Pemegang Unit adalah penama dibenarkan sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat), 1991, ia boleh melantik sekurang-kurangnya seorang (1) proksi berhubung dengan setiap akaun sekuriti yang ia pegang dengan Unit-unit yang berada dalam kredit akaun sekuriti tersebut. Di mana Pemegang Unit melantik dua (2) proksi selaras dengan peruntukan ini, pelantikan akan menjadi tidak sah melainkan beliau menyatakan perkadaran pemegangan beliau untuk diwakili oleh setiap proksi. Proksi tersebut akan mempunyai hak yang sama seperti ahli untuk mengundi, untuk bercakap dan untuk dihitung dalam korum.
- 6.10.8 Mana-mana Pemegang Unit merupakan syarikat boleh melalui resolusi para pengarhnya atau badan mentadbir lain memberi kuasa kepada mana-mana orang untuk bertindak sebagai wakilnya pada mana-mana mesyuarat Pemegang Unit, dan orang yang diberi kuasa sedemikian hendaklah pada mesyuarat tersebut menjadi berhak untuk melaksanakan kuasa yang sama bagi pihak syarikat sebagaimana syarikat mungkin laksanakan sekiranya ia adalah Pemegang Unit individu.
- 6.10.9 Dalam hal persamaan undi pengerusi mesyuarat Pemegang Unit hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undiannya (sekiranya ada) sebagai Pemegang Unit.
- 6.10.10 Setiap soalan yang timbul pada mesyuarat agung Pemegang Unit hendaklah diputuskan melalui pengundian secara pol.
- 6.10.11 Ke atas mana-mana soalan yang diputuskan melalui pengundian secara pol, setiap Pemegang Unit yang hadir sendiri atau melalui proksi akan mempunyai satu undi bagi setiap Unit yang dibayar sepenuhnya.

## 7. MENGENAI PENGURUS

### 7.1 Maklumat Korporat

Kenanga Investors Berhad (No. Syarikat 353563-P) telah diperbadankan sebagai syarikat awam berhad pada 2 Ogos 1995 di Kuala Lumpur, Malaysia dengan modal saham diterbitkan sebanyak RM18,465,300.00 terdiri daripada 13,465,300 saham biasa dan 5,000,000 saham keutamaan. KIB adalah anak syarikat milik penuh Kenanga Investment Bank Berhad.

Pengurus dilesenkan dan diberi kuasa untuk menjalankan perniagaan dalam pengagihan dana amanah saham dan pengurusan dana bagi pihak klien korporat, institusi dan individu di bawah CMSA. Pengurus menubuhkan dana sulungnya, Kenanga Premier Fund, pada 26 November 1996 dan sejak itu telah menguruskan pelbagai dana amanah saham dan mandat persendirian.

Pada LPD, Pengurus mengurus 26 dana amanah saham, 2 skim persaraan persendirian (terdiri daripada 6 dana teras dan 1 dana bukan teras), 23 dana borong dan lain-lain dana daripada agensi kerajaan, dana pencen, insurans, klien korporat dan individu dengan jumlah saiz dana sebanyak RM8.44 bilion.

### 7.2 Lembaga Pengarah

Lembaga pengarah bertanggungjawab bagi pengurusan keseluruhan Pengurus dan dananya. Lembaga bukan sahaja memastikan tadbir urus korporat diamalkan tetapi dasar dan garis panduan juga dipatuhi. Lembaga akan bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setiap tahun, atau lebih sekiranya timbul keperluan.

#### Ahli-ahli Lembaga Pengarah pada LPD

##### **Datuk Syed Ahmad Alwee Alsree, Pengerusi**

**Datuk Syed Ahmad Alwee Alsree** berusia 53 tahun dan telah dilantik sebagai Pengerusi KIB pada 1 Januari 2008 selepas dilantik ke lembaga pengarah pada Oktober 2006. Beliau telah dilantik ke lembaga Kenanga Investment Bank Berhad (“KIBB”) sebagai pengarah bukan bebas bukan eksekutif pada 21 April 2010. Beliau kemudiannya ditukar jawatan sebagai Timbalan Pengerusi KIBB pada 25 Oktober 2011.

Datuk Syed Ahmad tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LL.B.) daripada National University of Singapore, dan mengamal undang-undang di Singapura selama lebih sepuluh (10) tahun sebelum menyertai Cahya Mata Sarawak Berhad (CMS), sebuah konglomerat disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia dengan simen, bahan-bahan pembinaan, infrastruktur dan pembangunan harta sebagai perniagaan terasnya.

Pada Februari 2004, Datuk Syed Ahmad dilantik sebagai Pengurus Besar Kumpulan – Sumber Manusia CMS dan kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Pengarah Urusannya pada September 2006, sebelum ditukar jawatan sebagai Pengarah Eksekutif Kumpulan pada August 2008. Pada 2012, Datuk Syed Ahmad menghadiri dan menghabiskan “Advanced Management Program” di Harvard Business School. Kini, Datuk Syed Ahmad juga merupakan pengarah Kenanga Islamic Investors, KKB Engineering Berhad, SIG Gases Berhad dan beberapa syarikat-syarikat sendirian berhad.

##### **Syed Zafilen Syed Alwee, Pengarah bebas**

**Syed Zafilen Syed Alwee** berusia 53 tahun dan telah dilantik sebagai pengarah bebas bukan eksekutif KIB pada 12 Mei 2008. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan ahli Jawatankuasa Pelaburan KIB.

Beliau memegang Diploma dalam Kejuruteraan Elektrik dari Universiti Teknologi Malaysia. Beliau kini merupakan pengarah eksekutif Grass2Route Sdn Bhd.

Beliau telah menghabiskan masa kerjaya beliau dalam mengurus pelbagai sektor operasi syarikat seperti jualan, pemasaran, teknikal, pengurusan, kewangan dalam syarikat tersenarai tempatan serta syarikat multinasional termasuk Patimas Computers Berhad, Lityan Holdings Berhad, Cahya Mata Sarawak Berhad, Lucent Technologies International (Brunei) Ltd, Motorola, Mobil serta memiliki dua syarikat lain.

**Peter John Rayner, Pengarah bebas**

**Peter John Rayner** berusia 66 tahun dan telah dilantik sebagai pengarah bebas bukan eksekutif KIB pada 11 November 2010. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan ahli Jawatankuasa Audit KIB.

Beliau memegang ijazah sarjana muda perniagaan (jurusan Perakaunan dan Kewangan) dari Charles Sturt University di Australia and merupakan Akauntan Beramat yang Disahkan (FCPA Australia) dan merupakan “*Fellow of The Australian Institute of Company Directors (FAICD)*”.

Peter Rayner mempunyai lebih daripada tiga puluh (30) tahun pengalaman yang berjaya dalam membina dan menerajui perniagaan dalam bidang Pengurusan Aset, Ekuiti Persendirian dan Perakaunan Berkunun. Beliau telah memegang banyak jawatan kanan termasuk sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Dresdner RCM Global Investors (kemudian Allianz Global Investors), dan Saltbush Funds Management di Australia. Beliau juga merupakan Pengarah Eksekutif firma ekuiti persendirian, Audant Capital, Ketua Pelaburan Institusi di Perpetual Investments dan Ketua Pegawai Kewangan Nasional sebuah kumpulan hospital utama Australia.

Beliau juga merupakan seorang pemegang amanah Rookwood General Cemeteries Trust di Sydney.

Kini, beliau merupakan ahli Jawatankuasa Risiko dan Audit “*Aged Care Quality and Safety Commission of Australia*” dan menasihati sebagai Ketua Penasihat Perniagaan dan Penilaian di Valuator di Sydney. Seorang Pengarah profesional dan penasihat perniagaan, beliau telah memegang beberapa jawatan pengarah entiti awam dan persendirian.

**Imran Devindran bin Abdullah, Pengarah bebas**

**Imran Devindran bin Abdullah** berusia 53 tahun dan telah dilantik sebagai pengarah bebas bukan eksekutif KIB pada 1 Jun 2015. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Audit dan Pelaburan KIB.

Beliau kini adalah peguam kanan di BH Lawrence & Co, peguambela dan peguamcara di Damansara, Petaling Jaya. Beliau telah mengumpul lebih daripada dua puluh lima (25) tahun pengalaman dalam litigasi jenayah dan sivil, dengan portfolio yang termasuk kepakaran dalam insurans, litigasi sivil dan perbankan dari tempoh beliau menjadi penolong undang-undang dengan beberapa firma paling mantap di Kuala Lumpur.

Imran Devindran memegang ijazah Sarjana Muda Kepujian Undang-Undang (1988) daripada University of Buckingham, England dan Sijil Amalan Undang-undang daripada Universiti Malaya. Beliau memperoleh pendidikan awal beliau di Malaysia, sebelum melanjutkan pelajarannya di sekolah menengah di Singapura dan memperoleh A-Level di Raffles Junior College, Singapura.

Beliau diterima masuk ke Badan Peguam Malaysia sebagai peguambela dan peguamcara pada Ogos 1990 setelah berjaya menamatkan latihan *chambering* dengan Tetuan Rashid & Lee di Kuala Lumpur. Imran Devindran telah mewakili syarikat besar seperti Pan Global Insurance Berhad, Royal Insurance (M) Berhad, Malayan British Assurance, United Oriental Assurance Berhad (sekarang dikenali sebagai Tune Insurance Berhad), Nusantara Worldwide Insurance (M) Sdn. Bhd, Progressive Insurance Sdn. Bhd dan People's Insurance Sdn. Bhd. dalam merundingkan penyelesaian, perundingan tuntutan dan strategi pembangunan bagi litigasi.

Imran Devindran juga aktif dalam Jawatankuasa Hal Ehwal Johor Utara, dari 2003 hingga 2008. Dengan kapasiti tersebut, beliau membawa kemahiran komunikasi yang luar biasa dan pendekatan analisis yang sentiasa berjaga-jaga dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pengantara dan menyelesaikan aduan yang diterima oleh Badan Peguam Johor, mengawasi kebijakan peguam dan memupuk hubungan yang lebih rapat antara peguam dan badan kehakiman Johor Utara dengan menganjurkan aktiviti interaksi sosial.

Apabila beliau tidak mengendalikan firma guamannya yang berjaya, Imran Devindran mengekalkan minda dan badannya aktif melalui permainan dan sukan, khususnya badminton, bola sepak dan menambah baik kemahiran golfnya.

**Norazian Ahmad Tajuddin, Pegarah bebas**

**Norazian Ahmad Tajuddin ("Norazian")** berusia 58 tahun dan telah dilantik ke lembaga pengarah KIB sebagai pengarah bukan eksekutif bebas pada 1 Mac 2019. Beliau pada masa ini merupakan pengarah bukan eksekutif bebas Kenanga Investment Bank Berhad, syarikat pemegangan KIB dan ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pelaburan KIB.

Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Matematik daripada University of Leeds, United Kingdom dan ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) daripada Edith Cowan University, Australia. Norazian mempunyai lebih daripada dua puluh lima (25) tahun pengalaman dalam perbankan, lima belas (15) tahun terakhir dalam pengurusan kanan, merangkumi bidang operasi perpendaharaan, operasi perniagaan dan perbankan, pengurusan risiko dan perkhidmatan sokongan. Beliau mempunyai pengalaman yang kukuh dan pelbagai dalam berurusan dengan pertukaran asing, perbankan antarabangsa, pelaburan, jualan, hubungan pelanggan dan korporat, teknologi maklumat, serta pengurusan aset dan liabiliti.

Beliau menyertai Bank Simpanan Nasional Berhad ("BSN") pada 2005 sebagai pengarah di pejabat CEO dan telah dinaikkan pangkat kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif semasa pengorganisasian semulanya dan terus berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya sehingga beliau bersara pada 2010. Semasa memegang jawatan di BSN, beliau memainkan peranan utama dalam transformasi BSN ke dalam bank pembangunan yang mapan dan menguntungkan. Dari Jun 2008 hingga Mac 2010, beliau berkhidmat sebagai pengarah bukan eksekutif bukan bebas Prudential BSN Takaful Bhd dan telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa pengurusan risiko dan jawatankuasa Pelantikan dan imbuhan.

Pada 1 Ogos 2018, Norazian telah dilantik sebagai pengurus Pacific & Orient Insurance Co. Berhad ("POI"), yang merupakan anak syarikat Pacific & Orient Berhad, sebuah syarikat disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Beliau telah menjadi pengarah bukan eksekutif bebas POI sejak 1 April 2015. Di POI, beliau pada masa ini berkhidmat sebagai ahli jawatankuasa pelantikan, jawatankuasa imbuhan, serta jawatankuasa audit dan jawatankuasa pengurusan risiko.

**Ismitz Matthew De Alwis, Pengarah Eksekutif / Ketua Pegawai Eksekutif**

**Ismitz Matthew De Alwis** berusia 45 tahun dan merupakan Ketua Pegawai Eksekutif bagi KIB bertanggungjawab ke atas keseluruhan perniagaan pengurusan aset dan pelaburan KIB dan anak-anak syarikatnya. Beliau menyertai KIB pada June 2013 atas pemerolehan ING Funds Berhad di mana beliau merupakan Pengarah Eksekutif dan ketua negara bagi perniagaan ING Investment Management di Malaysia. Beliau memulakan kerjaya beliau sebagai Juruanalisis Pelaburan dengan firma penyelidikan & penasihat serantau, di mana beliau mendapat pendedahan serantau yang luas di Hong Kong, Filipina, Dubai dan Singapura. Beliau membawa bersama beliau pengalaman, kepakaran selama 25 tahun dan beberapa peranan kepimpinannya dalam bidang pengurusan kewangan dan pelaburan di rantau dan di peringkat tempatan.

Beliau adalah ahli daripada University of Cambridge, Judge Business School - rangkaian alumni ABSEP dan juga menghadiri Program Pengurusan Perniagaan Lanjutan (ABMP) oleh International Institute for Management Development (IMD), Lausanne, Switzerland. Beliau memegang MBA dan dua kelayakan profesional lain daripada Chartered Institute of Marketing UK (CIM UK). Beliau juga merupakan Penasihat Kewangan yang Disahkan (CFP) dan Penasihat Kewangan Islamik (IFP). Beliau adalah pemegang Lesen Perwakilan Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL) daripada Suruhanjaya Sekuriti bagi pengurusan dana, nasihat pelaburan dan perancangan kewangan.

Beliau pada masa ini menganggotai lembaga Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM), Ahli Jawatankuasa bagi Persatuan Pengurus Aset Malaysia (MAAM), dan ahli Jawatankuasa Kajian Pemeriksaan Pelesenan (LERC) bagi Pemeriksaan Pelesenan Suruhanjaya Sekuriti Modul 10: Pengurusan Aset & Dana. Beliau juga telah dilantik sebagai Panel Penasihat Rangka Kerja Kecekapan Industri (ICF) untuk projek Pasaran Modal Malaysia yang dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti (SIDC). Beliau pada masa ini adalah Presiden bagi Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia (FPAM).

**Nota: Sila rujuk laman web Pengurus bagi maklumat yang berkaitan dengan lembaga pengaruhnya. Mungkin terdapat perubahan kepada komposisi dan/atau profil lembaga pengarah dari masa ke masa, sila rujuk kepada laman web Pengurus untuk maklumat terkini.**

### **7.3 Personel Penting & Pengurus Dana Yang Dilantik**

#### **Personel Penting:-**

**Ismitz Matthew De Alwis, Pengarah Eksekutif / Ketua Pegawai Eksekutif**  
*(Sila rujuk kepada profil beliau dalam Seksyen 7.2 di atas)*

#### **Andrew Chan Yee Kok, Ketua Pegawai Kewangan**

**Andrew Chan** berusia 57 tahun dan menyertai KIB pada 2013 untuk mengetuai pasukan Operasi Kewangan & Pelaburan. Sebelum ini, beliau berkhidmat dengan ING Funds Berhad di mana beliau berkhidmat sejak penubuhan syarikat dan merupakan salah seorang perintis sejak permulaan penubuhan syarikat. Andrew mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam industri amanah saham dan pengurusan dana. Tugas terakhir beliau sebelum menyertai ING Funds Berhad adalah dengan syarikat pengurusan amanah saham yang mantap di mana beliau bertanggungjawab bagi semua pelaporan kewangan dan pelaporan pengurusan.

Andrew adalah ahli CPA Australia dan memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi daripada La Trobe University, Melbourne, Australia.

#### **Lee Sook Yee, Ketua Pegawai Pelaburan**

**Lee Sook Yee** berusia 42 tahun dan menyertai KIB sebagai Ketua Pegawai Pelaburan pada Mac 2013, membawa bersamanya lebih daripada enam belas (16) tahun pengalaman dalam pelaburan ekuiti tempatan dan serantau. Sebelum ini, Sook Yee adalah Ketua Ekuiti di Meridian Asset Management, di mana beliau mengurus pelbagai dana tempatan dan serantau. Sebelum menyertai Meridian, Sook Yee adalah Naib Presiden/ Pengurus Portfolio Kanan di Credit-Suisse Asset Management di Singapura di mana beliau mengurus bersama dana mutual yang menumpukan pada pasaran Asia yang baru muncul. Beliau juga adalah Pengarah Bersekutu / Pengurus Portfolio dengan UOB-OSK Asset Management.

Sook Yee tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian Kelas Pertama) dalam Ekonomi daripada London School of Economics, United Kingdom, dan kemudian memperoleh ijazah Sarjana Falsafah (M. Phil) dalam bidang Ekonomi daripada University of Cambridge, UK.

#### **Dr. Sahar Effendi bin Hj Daud, Ketua, Pematuhan**

**Dr. Sahar** berusia 46 tahun dan menyertai KIB pada 3 November 2014 sebagai Ketua Pematuhan. Beliau mulakan kerjaya beliau pada 1997 dengan firma perakaunan gabungan antarabangsa sebelum menyertai Suruhanjaya Sekuriti pada 2001. Semasa dengan SC, beliau telah menyertai Jabatan Pengurusan Amanah dan Pelaburan selama lebih kurang 2 tahun sebelum menyertai Jabatan Penyiasatan sehingga beliau meninggalkan SC pada Oktober 2014. Sepanjang beliau memegang jawatan dengan Jabatan Penyiasatan, beliau terdedah kepada banyak kes berprofil tinggi di pelbagai bidang yang melibatkan perdagangan orang dalam, manipulasi pasaran, skim pelaburan haram, penipuan korporat dan perakaunan forensik serta kesalahan yang berkaitan dengan pengubahan wang haram.

Dr. Sahar, seorang Akauntan Bertauliah (Malaysia), memegang ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) daripada Universiti Putra Malaysia, MBA (Pengurusan dan Kewangan) dan Doktor Pentadbiran Perniagaan (Perakaunan: Pendedahan Kewangan, Tadbir Urus Korporat dan Pengukuran Prestasi); kedua-duanya daripada Universiti Utara Malaysia. Dr. Sahar juga merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA), Institut Cukai Berkanun Malaysia (CTIM), Persatuan Pemeriksa Penipuan Diperakui (ACFE) dan juga Alumni Penyiasat Kewangan Diperakui (CFIA).

Dr. Sahar adalah orang yang dilantik bertanggungjawab bagi perkara pematuhan untuk Dana.

#### **Lee Man Kok, Ketua, Ketua Pegawai Operasi**

**Lee Man Kok** berusia 62 tahun dan sebelum ini berkhidmat ING Funds Berhad di mana beliau adalah salah seorang perintis semasa permulaan penubuhan syarikat pada 2003. Beliau menyertai KIB pada Jun 2013. Beliau mempunyai lebih daripada 25 tahun pengalaman dalam industri perkhidmatan kewangan. Beliau memegang beberapa jawatan pengurusan kanan dan membawa bersamanya pengalaman luas dalam operasi dan sistem serta fungsi pentadbiran klien.

Man Kok memegang MBA, ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian Kelas Pertama dalam Pendidikan) dan Diploma Lanjutan dalam Sains Komputer (Cemerlang) - semuanya daripada Universiti Malaya.

## **Pengurus Dana yang Dilantik:-**

### **Lee Sook Yee, Ketua Pegawai Pelaburan**

(Sila rujuk kepada profil beliau dalam Seksyen 7.3 di atas)

### **Nixon Wong Gok Hey, Pengurus Portfolio**

Nixon Wong adalah Pengurus Portfolio di bawah pasukan Pelaburan KIB. Beliau mempunyai tujuh (7) tahun pengalaman pelaburan dalam industri pengurusan dana. Sebelum menyertai KIB, beliau adalah pengurus portfolio budi bicara dengan bahagian perbankan persendirian Amlnvestment Bank Berhad selama 2 tahun, memberi tumpuan kepada mandat pelaburan Asia selain Jepun. Nixon juga merupakan jruanalisis ekuiti di Public Mutual Berhad di mana beliau menyelidik dan mengesyorkan ekuiti yang disenaraikan di Hong Kong, China dan Korea. Terdahulu, Nixon adalah eksekutif kewangan korporat dan jruanalisis dana dengan sebuah bank pelaburan di Malaysia. Nixon adalah lulusan Kewangan dan Perakaunan, setelah mendapat ijazah Sarjana Muda Kewangan dan Perdagangan daripada University of South Australia di Adelaide.

## **7.4 Peranan, Tugas dan Tanggungjawab Pengurus**

Pengurus adalah bertanggungjawab untuk menguruskan portfolio Dana, menerbitkan Unit dan menyediakan dan mengeluarkan Prospektus Induk. Pengurus juga bertanggungjawab untuk menetapkan dasar-dasar pelaburan untuk Dana dan melaksanakan strategi-strategi untuk memenuhi objektif-objektif ini. Pengurus adalah tertakluk kepada peruntukan Surat Ikatan dan hendaklah menjalankan semua kegiatan sebagaimana yang dianggap perlu bagi pengurusan Dana dan perniagaannya. Pengurus hendaklah, dalam mengurus Dana, menjalankan kegiatan pengurusan utama berhubung dengan Dana, termasuk tetapi tidak terhad kepada strategi keseluruhan, analisa pengambilalihan baru dan pelupusan, pemasaran dan komunikasi, prestasi aset individu dan perancangan perniagaan, analisis prestasi pasaran dan kegiatan lain sebagaimana diperuntukkan di bawah Surat Ikatan.

Selain itu, Pengurus telah berwaad dengan Pemegang Amanah, antara lain, untuk melakukan yang berikut:

- (a) menjalankan dan mengendalikan kegiatan perniagaannya dalam cara yang teratur dan berhemah dan mengurus serta mentadbir Dana dalam cara yang teratur, berhemah dan cekap selaras dengan Surat Ikatan, CMSA, undang-undang sekuriti, Garis Panduan ETF dan lain-lain undang-undang terpakai pada sepanjang masa dan amalan perniagaan yang boleh diterima dan cekap dalam industri amanah saham;
- (b) mengurus aset dan liabiliti Dana untuk manfaat Pemegang Unit;
- (c) menetap dasar pelaburan Dana dan mengemukakan cadangan kepada Pemegang Amanah mengenai pengambilalihan, pelupusan pelaburan atau peningkatan aset-aset Dana;
- (d) mengeluarkan laporan tahunan dan laporan interim Dana kepada Pemegang Unit dalam tempoh dua (2) bulan selepas akhir tahun/tempoh kewangan berkenaan;
- (e) mempunyai pengaturan pemantauan untuk memastikan bahawa Dana diurus dalam ruang lingkup Prospektus Induk ini, Surat Ikatan, CMSA, undang-undang sekuriti, Garis Panduan ETF dan lain-lain undang-undang terpakai;
- (f) mematuhi standard integriti yang tinggi dan berurusan secara adil dalam menguruskan Dana demi kepentingan terbaik dan eksklusif Pemegang Unit;
- (g) bertindak dengan langkah berhati-hati, kepakaran dan kebijaksanaan sewajarnya dalam menguruskan Dana, dan secara berkesan menggunakan sumber dan prosedur yang perlu bagi prestasi Dana yang sewajarnya;
- (h) memastikan bahawa Surat Ikatan dan Prospektus Induk mematuhi CMSA, undang-undang sekuriti, garis panduan berkenaan dan lain-lain undang-undang terpakai pada sepanjang

masa;

- (i) mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan bahawa pelaburan dan aset-aset lain Dana dilindungi secukupnya dan diasingkan sewajarnya; dan
- (j) melainkan dinyatakan sebaliknya secara bertulis oleh SC, memastikan bahawa Dana mempunyai, pada sepanjang masa, pemegang amanah dilantik.

## 7.5 Litigasi dan Timbang Tara Material

Pada LPD, Pengurus tidak terlibat dalam mana-mana litigasi dan timbang tara material, termasuk yang belum diputuskan atau diancam, dan Pengurus tidak menyedari tentang sebarang fakta yang berkemungkinan membawa kepada timbulnya mana-mana prosiding yang mungkin secara material menjelaskan perniagaan / kedudukan kewangan Pengurus dan mana-mana wakilnya.

## 7.6 Kontrak Material

Kecuali bagi kontrak yang dinyatakan dalam Seksyen 11.2 Prospektus Induk ini, Pengurus tidak menandatangani sebarang kontrak material (bukan merupakan kontrak dalam perjalanan perniagaan) dalam tempoh dua tahun sebelum tarikh Prospektus Induk.

## 7.7 Pemegangan Unit Langsung dan Tidak Langsung dalam Dana

Memandangkan Dana hanya ditubuhkan pada tarikh Prospektus Induk ini, tidak ada pemegang saham utama, pengarah atau personel penting Pengurus mempunyai apa-apa pegangan Unit langsung dan tidak langsung dalam Dana.

Walau bagaimanapun, mereka boleh memegang Unit Dana selepas Penyenaraian.

## 7.8 Penasihat Teknikal

Pengurus telah melantik Yuanta Securities Investment Trust Co., Ltd. ("Yuanta") sebagai penasihat teknikal bagi Dana.

Yuanta menyediakan perkhidmatannya kepada individu dan institusi kerajaan. Ia mengurus portfolio tertumpu pelanggan berasingan. Ia melancarkan dan menguruskan ekuiti, pendapatan tetap, dan dana mutual seimbang untuk kliennya. Ia melabur dalam ekuiti awam dan pasaran pendapatan tetap di seluruh dunia.

Yuanta telah ditubuhkan pada 1992 dan berpangkalan di Taipei, Taiwan dengan pejabat tambahan di Taichung. Yuanta beroperasi sebagai anak syarikat Yuanta Financial Holding Co., Ltd. Penasihat Teknikal dibenarkan dan dilesenkan di bawah Artikel 63 Akta Securities Investment Trust and Consulting Act of Taiwan dan dikawal selia oleh Financial Supervisory Commission of Taiwan. Ia telah menguruskan produk berlaveraj dan songsang sejak 2014, dan kini menguruskan 16 produk berlaveraj dan songsang yang disenaraikan di Taiwan, semuanya adalah produk berlaveraj dan songsang berdasarkan niagaan hadapan yang ditawarkan kepada orang awam. Penasihat Teknikal telah menyenaraikan 47 dana didagang pada bursa di Taiwan dan mempunyai lebih daripada 7 tahun pengalaman dagangan dalam dana menggunakan kontrak niagaan hadapan. Penasihat Teknikal juga bertindak sebagai penasihat dana untuk Thailand's Krung Thai Asset Management PCL dan E Fund Management (Hong Kong) Co., Limited untuk menyenaraikan dana didagang pada bursa masing-masing di Thailand dan Hong Kong.

Peranan dan tugas Penasihat Teknikal adalah seperti berikut:

- memberi nasihat dan membantu Pengurus mengenai struktur Dana;
- menyediakan latihan dan pendidikan kepada Pengurus untuk memperoleh pemahaman mengenai jenis Dana dan operasi dan pengurusan Dana;

- mengenal pasti kemungkinan risiko bagi urus niaga dan mengesyorkan Pengurus mengenai strategi yang sesuai untuk mengurangkan risiko;
- memberi nasihat dan membantu Pengurus berhubung dengan promosi dan pemasaran Dana; dan
- memberi nasihat berhubung dengan pengurusan Dana yang Pengurus mungkin perlu dari masa ke masa.

***Maklumat lanjut dan apa-apa perubahan seterusnya kepada maklumat tersebut mengenai Pengurus, Penasihat Teknikal dan pengurus dana disediakan dalam laman web Pengurus dan/atau Dana.***

## **8. MENGENAI PEMEGANG AMANAH**

### **8.1 Maklumat Korporat dan Pengalaman sebagai Pemegang Amanah**

RHB Trustees Berhad telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965 pada 6 Mac 2002. Ia didaftarkan sebagai sebuah syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah, 1949 dan juga berdaftar dengan SC untuk menjalankan perniagaan amanah saham. Kegiatan utama RHB Trustees Berhad adalah menyediakan perkhidmatan pemegang amanah runcit dan korporat. RHB Trustees Berhad telah berada dalam perniagaan pemegang amanah sejak 2002.

### **8.2 Tugas dan Tanggungjawab**

Fungsi, tugas dan tanggungjawab Pemegang Amanah adalah dikemukakan dalam Surat Ikatan. Fungsi, tugas dan tanggungjawab am Pemegang Amanah termasuk, tetapi tidak terhad kepada, yang berikut:

- (a) bertindak sebagai pemegang amanah dan melindungi hak dan kepentingan Pemegang Unit;
- (b) memegang aset Dana bagi manfaat Pemegang Unit; dan
- (c) melaksanakan semua kuasa pemegang amanah dan kuasa yang adalah berkaitan dengan pemilikan aset Dana.

RHB Trustees Berhad telah berwaad dalam Surat Ikatan bahawa ia akan melaksanakan semua usaha wajar dan berjaga-jaga dalam menjalankan fungsi dan tugasnya, dan dalam melindungi hak-hak dan kepentingan Pemegang Unit.

### **8.3 Litigasi dan Timbang Tara Material**

Pada LPD, Pemegang Amanah tidak terlibat dalam apa-apa litigasi dan timbang tara material, termasuk yang belum diputuskan atau diancam, dan tidak ada fakta yang berkemungkinan membawa kepada timbulnya apa-apa prosiding yang mungkin secara material menjelaskan perniagaan atau kedudukan kewangan Pemegang Amanah atau mana-mana perwakilannya.

### **8.4 Penyata Tanggungjawab Pemegang Amanah**

Pemegang Amanah telah menyatakan kesanggupannya untuk memikul jawatan sebagai pemegang amanah Dana dan semua obligasi selaras dengan Surat Ikatan, semua undang-undang, peraturan, garis panduan, kaedah dan syarat-syarat rasmi, nota-nota panduan, nota-nota amalan (sama ada atau tidak mempunyai kuasa undang-undang) terpakai kepada ETF dari masa ke masa termasuk CMSA, Garis Panduan ETF, Syarat-syarat Penyenaraian, peraturan-peraturan Bursa Depository dan undang-undang cukai dan peraturan.

## **9. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN**

### **9.1 Urus Niaga Pihak Berkaitan Sedia Ada dan Berpotensi**

#### **9.1.1 Pengurus**

Kumpulan Kenanga (iaitu Kenanga Investment Bank Berhad dan anak-anak syarikatnya) dan semua kakitangannya dibenarkan untuk melabur dalam mana-mana dana yang diuruskan oleh Pengurus.

Semua urus niaga dibuat oleh pihak berkaitan adalah diproses mengikut mana-mana urus niaga yang dibuat oleh pelabur-pelabur biasa.

#### **9.1.2 Pemegang Amanah**

Sebagai pemegang amanah bagi Dana, mungkin terdapat urus niaga pihak berkaitan yang melibatkan atau berkaitan dengan Dana, iaitu di mana Dana melabur dalam instrumen (instrumen-instrumen) yang ditawarkan oleh RHB Investment Bank Berhad (sebagai contoh penempatan wang, dll).

### **9.2 Percanggahan Kepentingan**

Pada LPD, kecuali sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 9.1 dan 9.6, Pengurus tidak menyedari akan apa-apa keadaan yang wujud atau berkemungkinan akan wujud untuk menimbulkan kemungkinan keadaan percanggahan kepentingan dalam keupayaannya sebagai Pengurus kepada Dana.

### **9.3 Polisi-polisi mengenai Berurusan dengan Keadaan Percanggahan Kepentingan**

#### **9.3.1 Pengurus**

Keadaan percanggahan kepentingan boleh menghakis kepercayaan dan keyakinan orang ramai dalam berurusan dengan Pengurus. Oleh itu, para pengarah dan ahli-ahli jawatankuasa pelaburan (sekiranya ada) hendaklah berjaga-jaga dan mengelak atau mengisyihar sebarang keadaan percanggahan kepentingan kepada setiausaha syarikat. Kakitangan Pengurus akan mengisyiharkan kepada Pegawai Pematuhan sekiranya berlaku semua percanggahan atau sebarang keadaan percanggahan kepentingan yang berpotensi.

Semua keadaan percanggahan kepentingan, sekiranya ada, akan dihantar kepada jawatankuasa audit untuk perbincangan sebelum keputusan adil dan saksama dicapai.

#### **Ahli Berurus Niaga dalam Sekuriti**

- (a) Perdagangan dalam sekuriti oleh ahli bagi akaun peribadi beliau atau untuk orang yang berhubung kait atau di bawah nama nomini adalah tidak digalakkan dan sekiranya dilakukan sedemikian, beliau harus memastikan bahawa urus niaga tersebut tidak mengambil kesempatan atau dilihat sebagai mengambil kesempatan ke atas maklumat yang tidak biasanya diketahui kepada awam.
- (b) Urus niaga oleh kakitangan atas nama mereka sendiri atau bagi pihak, dan bagi manfaat, orang lain hanya boleh dijalankan dengan kelulusan terlebih dahulu daripada pegawai pematuhan.
- (c) Seorang ahli semasa berurus niaga dalam sekuriti sama ada untuk syarikat, akaun klien atau peribadi hendaklah secara konsisten mematuhi standard etika dalam urus niaga tersebut. Ahli tidak boleh terlibat dalam urus niaga urusan saham yang bersifat boleh dipersoalkan atau tidak sah dan oleh itu tidak boleh terlibat dalam urus niaga urusan saham, sama ada sendiri atau dengan orang lain yang, atau yang akan menyerupai perdagangan palsu, penipuan pasaran atau manipulasi pasaran.

### **9.3.2 Pemegang Amanah**

Pemegang Amanah mempunyai polisi dan prosedur untuk menangani sebarang keadaan percanggahan kepentingan. Pemegang Amanah tidak akan menggunakan secara tidak wajar kedudukannya sebagai pemilik aset-aset Dana untuk mendapatkan, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa kelebihan atau menyebabkan kerugian kepada kepentingan Pemegang Unit. Sebarang urus niaga pihak berkaitan hendaklah dibuat atas terma-terma yang paling baik tersedia kepada Dana dan yang tidak kurang menguntungkan kepada Dana berbanding urus niaga terma-terma biasa antara pihak-pihak bebas.

### **9.4 Butir-butir mengenai Kepentingan Langsung dan Tidak Langsung para Pengarah Pengurus dalam Syarikat-syarikat Lain yang Menjalankan Perniagaan yang Serupa**

Pada LPD, para pengarah Pengurus tidak mempunyai kepentingan langsung atau tidak langsung dalam syarikat-syarikat lain yang menjalankan perniagaan yang serupa.

### **9.5 Butir-butir mengenai Kepentingan Langsung dan Tidak Langsung Pemegang Saham Utama Pengurus dalam Syarikat-syarikat Lain yang Menjalankan Perniagaan yang Serupa**

Pada LPD, Kenanga Investment Bank Berhad, pemegang saham tunggal Pengurus mempunyai kepentingan tidak langsung dalam Kenanga Islamic Investors Berhad dan Libra Invest Berhad yang menjalankan perniagaan yang serupa dengan Pengurus:

Kenanga Islamic Investors Berhad dan Libra Invest Berhad adalah syarikat pengurusan dana dan merupakan anak syarikat milik penuh Pengurus.

### **9.6 Perisyntihsaran Percanggahan Kepentingan pada LPD**

- (i) Pengurus dimiliki sepenuhnya oleh Kenanga Investment Bank Berhad (“KIBB”) dan KIBB telah dilantik sebagai Ejen Penempatan, Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Pembuat Pasaran bagi Dana oleh Pengurus.

KIBB telah mempertimbangkan faktor-faktor yang terlibat dan percaya keobjektifan dan kebebasannya sebagai Ejen Penempatan, Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Pembuat Pasaran bagi Dana diselenggarakan pada sepanjang masa dan telah mengesahkan bahawa tidak terdapat percanggahan kepentingan wujud atau kemungkinan akan wujud dalam peranannya sebagai Ejen Penempatan, Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Pembuat Pasaran tanpa mengambil kira peranan dan perkhidmatan yang dinyatakan di atas memandangkan ianya dikurangkan melalui yang berikut:-

- (a) KIBB dan syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutunya (“Kumpulan Kenanga”) adalah kumpulan kewangan di Malaysia dengan pengalaman luas dalam pembrokeran ekuiti, perbankan pelaburan, derivatif tersenarai, pembendaharaan, nasihat korporat, perbankan Islam, pengurusan kekayaan dan pengurusan pelaburan. Kumpulan Kenanga telah terlibat dan mungkin pada masa akan datang, terlibat dalam urus niaga dengan dan melaksanakan perkhidmatan untuk Pengurus dan/atau Dana dan/atau gabungan Pengurus, selain daripada peranan yang dinyatakan dalam Prospektus Induk ini. Selain itu, dalam perjalanan biasa perniagaan, mana-mana ahli Kumpulan Kenanga mungkin pada bila-bila masa menawarkan atau menyediakan perkhidmatannya kepada atau terlibat dalam mana-mana urus niaga dengan Pengurus dan/atau Dana, dan/atau gabungan Pengurus dan/atau mana-mana entiti atau orang lain, memegang pengekalan jangka panjang atau pendek dalam sekuriti diterbitkan oleh Pengurus dan/atau gabungan Pengurus, dan mungkin berdagang atau sebaliknya melaksanakan urus niaga untuk akaunnya sendiri atau akaun pelanggan-pelanggan lain Pengurus. Ini adalah akibat perniagaan Kumpulan Kenanga pada amnya bertindak bebas antara satu sama lain, dan selaras dengan itu, mungkin terdapat keadaan di mana

sebahagian daripada Kumpulan Kenanga dan/atau pelanggan-pelanggannya kini mempunyai atau pada masa akan datang, mungkin mempunyai kepentingan atau mengambil tindakan yang mungkin bercanggah dengan kepentingan Kumpulan Kenanga. Namun demikian, Kumpulan Kenanga diperlukan untuk mematuhi undang-undang dan peraturan terpakai yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan mentadbir perniagaan nasihatnya, yang memerlukan, antara lainnya, pemisahan di antara kegiatan urus niaga dan nasihat dan *Chinese wall* di antara bahagian-bahagian perniagaan berbeza.

- (b) ia adalah dalam perjalanan biasa perniagaan KIBB untuk menyediakan khidmat nasihat dan perkhidmatan lain dalam peranannya sebagai Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Pembuat Pasaran kepada klien-kliennya;
- (c) jawatan pengarah Datuk Syed Ahmad Alwee Alsree dalam kedua-dua KIBB dan Pengurus, bersifat bukan eksekutif; dan
- (d) Datuk Syed Ahmad Alwee Alsree tidak terlibat dalam pengurusan dan/atau hal ehwal operasi berhubung dengan tugasan korporat yang dijalankan oleh jabatan Kewangan Korporat, Pinjaman dan Pemberian Pinjaman Sekuriti dan Operasi Broker Saham KIBB. Pengurusan dan/atau Lembaga Pengarah KIBB tidak tertakluk kepada arahan Datuk Syed Ahmad Alwee Alsree dalam melaksanakan mama-mana tugasan korporatnya.

Kecuali sebagaimana dinyatakan di atas, KIBB telah mengesahkan bahawa pada LPD, ia tidak menyedari akan apa-apa keadaan yang wujud atau berkemungkinan akan wujud untuk menimbulkan kemungkinan keadaan percanggahan kepentingan dalam keupayaannya untuk bertindak sebagai Ejen Penempatan, Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Pembuat Pasaran berhubung dengan Dana.

- (ii) Pemegang Amanah telah mengesahkan bahawa pada LPD, ia tidak menyedari akan apa-apa keadaan yang wujud atau berkemungkinan akan wujud untuk menimbulkan kemungkinan keadaan percanggahan kepentingan dalam keupayaannya untuk bertindak sebagai pemegang amanah berhubung dengan Dana.
- (iii) Ernst & Young Tax Consultants Sdn Bhd telah mengesahkan bahawa pada LPD, ia tidak menyedari akan apa-apa keadaan yang wujud atau berkemungkinan akan wujud untuk menimbulkan kemungkinan keadaan percanggahan kepentingan dalam keupayaannya untuk bertindak sebagai penasihat cukai berhubung dengan Dana.
- (iv) Ernst & Young telah mengesahkan bahawa pada LPD, ia tidak menyedari akan apa-apa keadaan yang wujud atau berkemungkinan akan wujud untuk menimbulkan kemungkinan keadaan percanggahan kepentingan dalam keupayaannya untuk bertindak sebagai juruaudit berhubung dengan Dana.
- (v) Yuanta Securities Investment Trust Co., Ltd. telah mengesahkan bahawa pada LPD, ia tidak menyedari akan apa-apa keadaan yang wujud atau berkemungkinan akan wujud untuk menimbulkan kemungkinan keadaan percanggahan kepentingan dalam keupayaannya untuk bertindak sebagai penasihat teknikal berhubung dengan Dana.
- (vi) Tetuan Wei Chien & Partners telah mengesahkan bahawa pada LPD, ia tidak menyedari akan apa-apa keadaan yang wujud atau berkemungkinan akan wujud untuk menimbulkan kemungkinan keadaan percanggahan kepentingan dalam keupayaannya untuk bertindak sebagai peguamcara berhubung dengan Dana

## 10. PERCUKAIAN



Ernst & Young Tax Consultants Sdn. Bhd.  
179793-K  
SST ID: W10-1808-31044478  
Level 23A Menara Milenium  
Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara  
50490 Kuala Lumpur Malaysia

Tel: +603 7495 8000  
Fax: +603 2095 5332 (General line)  
+603 2095 7043  
ey.com

Surat penasihat cukai berhubung dengan percukaian dana didagang pada bursa dan pemegang-pemegang unit (disediakan untuk dimasukkan dalam Prospektus Induk ini)

Ernst & Young Tax Consultants Sdn Bhd  
Aras 23A Menara Milinium  
Jalan Damanlela  
Pusat Bandar Damansara  
50490 Kuala Lumpur

15 Oktober 2019

Lembaga Pengarah  
Kenanga Investors Berhad  
Aras 14, Kenanga Tower  
237, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur

Tuan

### **Percukaian dana didagang pada bursa dan pemegang-pemegang unit**

Surat ini telah disediakan bagi kemasukan dalam Prospektus Induk ini berhubung dengan tawaran unit-unit dalam dana didagang pada bursa, amanah saham dikenali sebagai KLCI Daily 2X Leveraged ETF dan Kenanga KLCI Daily (-1X) Inverse ETF (selepas ini dirujuk sebagai "Dana").

Tujuan surat ini adalah untuk memberi bakal-bakal pemegang unit gambaran mengenai kesan cukai ke atas Dana dan pemegang-pemegang unit.

### **Percukaian Dana**

Percukaian Dana adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Cukai Pendapatan Malaysia 1967 (MITA), khususnya Seksyen 61 dan 63B.

Tertakluk kepada pengecualian tertentu, pendapatan Dana yang diperoleh daripada atau terakru di Malaysia selepas penolakan perbelanjaan dibenarkan untuk tujuan cukai, adalah tertakluk kepada cukai pendapatan Malaysia pada kadar 24% berkuat kuasa dari tahun taksiran 2016.

Perbelanjaan dibenarkan untuk tujuan cukai akan terdiri daripada perbelanjaan yang termasuk di bawah Seksyen 33(1) dan Seksyen 63B MITA. Seksyen 33(1) membenarkan penolakan bagi perbelanjaan yang secara keseluruhan dan secara eksklusif ditanggung dalam pengeluaran pendapatan kasar. Selain itu, Seksyen 63B membenarkan Dana menolak bagi sebahagian perbelanjaan lain (dirujuk sebagai 'perbelanjaan yang dibenarkan') yang tidak berkait secara langsung dengan pengeluaran pendapatan, seperti yang dijelaskan di bawah.

"Perbelanjaan yang dibenarkan" merujuk kepada perbelanjaan berikut yang ditanggung oleh Dana yang tidak boleh ditolak di bawah Seksyen 33(1) MITA:

- Imbuhan Pengurus,
- penyelenggaraan daftar pemegang-pemegang unit,
- perbelanjaan pendaftaran saham,
- yuran kesetiausahaan, audit dan perakaunan, caj telefon, kos percetakan dan alat tulis dan bayaran pos.

Perbelanjaan ini diberi penolakan separa di bawah Seksyen 63B dari MITA, berdasarkan formula berikut:

$$\frac{A \times B}{4C}$$

- Di mana      A      adalah jumlah perbelanjaan yang dibenarkan ditanggung bagi tempoh asas tersebut;
- B      adalah pendapatan kasar yang terdiri daripada dividen<sup>1</sup>, faedah dan sewa boleh dikenakan cukai bagi tempoh asas tersebut; dan
- C      adalah agregat pendapatan kasar yang terdiri daripada dividen<sup>1</sup> dan faedah (sama ada dividen atau faedah tersebut dikecualikan atau tidak) dan sewa, dan keuntungan yang dibuat daripada realisasi pelaburan (sama ada boleh dikenakan cukai atau tidak) bagi tempoh asas tersebut.

dengan syarat bahawa jumlah penolakan untuk dibuat tidak boleh kurang daripada 10% daripada jumlah perbelanjaan yang dibenarkan bagi tempoh asas tersebut.

---

<sup>1</sup> Selaras dengan Seksyen 15 Akta Kewangan 2011, berkuat kuasa dari tahun taksiran 2011, pendapatan dividen dianggap untuk termasuk pendapatan yang boleh diagih oleh amanah saham yang termasuk pengagihan daripada Amanah Pelaburan Harta Tanah.

## **Pendapatan dikecualikan**

Pendapatan Dana berikut dikecualikan daripada cukai pendapatan:

- **Dividen diperoleh dari Malaysia**

Semua dividen yang diperoleh dari Malaysia hendaklah dikecualikan daripada cukai pendapatan.

- **Faedah diperoleh dari Malaysia**

- (i) faedah daripada sekuriti atau bon yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan Malaysia;
- (ii) faedah daripada debentur atau *sukuk*, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, diluluskan atau dibenarkan oleh, atau diserah simpan dengan, Suruhanjaya Sekuriti;
- (iii) faedah daripada Bon Simpanan Malaysia yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia;
- (iv) faedah yang diperoleh daripada Malaysia dan dibayar atau dikreditkan oleh bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013<sup>2</sup>;
- (v) faedah yang diperoleh dari Malaysia dan dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002<sup>2</sup>;
- (vi) faedah daripada *sukuk* yang berasal daripada Malaysia, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, yang diterbitkan dalam mana-mana mata wang selain daripada Ringgit dan diluluskan atau dibenarkan oleh, atau diserah simpan dengan, Suruhanjaya Sekuriti atau diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA)<sup>3</sup>; dan
- (vii) faedah yang khususnya dikecualikan melalui perintah berkanun atau mana-mana pengecualian khusus lain yang diberikan oleh Menteri.

---

<sup>2</sup> Mulai 1 Januari 2019, pengecualian cukai pendapatan bagi dana amanah saham, selaras dengan Perenggan 35A, Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan tidak akan terpakai kepada dana borong yang merupakan dana pasaran wang.

<sup>3</sup> Berkuat kuasa dari tahun taksiran 2017, pengecualian tidak akan terpakai kepada faedah yang dibayar atau dikreditkan kepada syarikat dalam kumpulan yang sama atau faedah yang dibayar atau dikreditkan kepada bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; atau institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.

- **Diskaun**

Pengecualian cukai diberikan ke atas diskau yang dibayar atau dikreditkan kepada mana-mana amanah saham berhubung dengan pelaburan sebagaimana dinyatakan dalam perkara (i), (ii) dan (iii) di atas.

### **Pendapatan diperoleh dari luar negara**

Dividen, faedah dan lain-lain pendapatan yang diperoleh luar daripada Malaysia dan diterima di Malaysia oleh amanah saham residen adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan Malaysia. Walau bagaimanapun, pendapatan tersebut mungkin tertakluk kepada cukai dalam negara daripada mana ia diperoleh.

### **Keuntungan daripada realisasi pelaburan**

Selaras dengan Seksyen 61(1) (b) MITA, keuntungan daripada realisasi pelaburan tidak akan dianggap sebagai pendapatan Dana dan oleh itu, adalah tidak tertakluk kepada cukai pendapatan. Keuntungan sedemikian mungkin tertakluk kepada cukai keuntungan harta tanah (RPGT) di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (Akta RPGT), sekiranya keuntungan diperoleh daripada pelupusan aset boleh dikenakan cukai, sebagaimana ditakrifkan dalam Akta RPGT.

### **Urus Niaga Peminjaman dan Pemberian Pinjaman Sekuriti (“SBL”)**

Selaras dengan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 30) 1995 - Disemak 2008, peminjam atau pemberi pinjaman yang dibenarkan dalam urus niaga SBL diluluskan oleh SC akan dikecualikan daripada cukai Malaysia ke atas sebarang pendapatan (selain daripada dividen, bayaran pengilangan, yuran pemberian pinjaman dan faedah yang diperoleh daripada kolateral) timbul daripada pinjaman sekuriti yang tersenarai di bawah Bursa Malaysia Berhad ("Bursa"). Pengecualian juga terpakai ke atas pulangan yang sama atau sekuriti setara dan pertukaran kolateral yang sepadan.

Yuran pemberian pinjaman boleh dikenakan cukai apabila diterima oleh pemberi pinjaman. Cukai tahanan sebanyak 10% mungkin terpakai sekiranya peminjam membayar yuran pemberian pinjaman kepada pemberi pinjaman bukan residen.

Faedah atau keuntungan yang dibayar oleh Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn Bhd ke atas kolateral tunai akan dikecualikan daripada cukai apabila diterima oleh Peminjam bukan residen dan Peminjam individu yang merupakan residen<sup>4</sup>. Dalam kes lain, faedah tersebut tidak akan dikecualikan daripada cukai.

Selaras dengan Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 28) 1995 dan Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 12) 2000, instrumen pemindahan sekuriti disenaraikan di Bursa dan Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (MESDAQ ) dilaksanakan memihak kepada peminjam atau pemberi pinjaman dan instrumen pemindahan kolateral dikecualikan daripada setem duti.

---

<sup>4</sup> Dengan syarat bahawa faedah dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana orang yang menjalankan perniagaan perbankan atau kewangan di Malaysia dan dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan lain-lain institusi kewangan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

## **Pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan ("SST")**

Cukai Jualan dan Perkhidmatan ("SST") baru telah dilaksanakan berkuat kuasa 1 September 2018. Cukai Jualan sebanyak 10% (kadar paling biasa) atau 5% dikenakan oleh pengilang barang boleh dikenakan cukai Malaysia atau atas pengimportan ke dalam Malaysia barang boleh dikenakan cukai tersebut, melainkan dikecualikan secara khusus di bawah Perintah Cukai Jualan (Barangan Dikecualikan Daripada Cukai) 2018. Cukai Perkhidmatan pada kadar 6% dikenakan ke atas perkhidmatan yang boleh dikenakan cukai tertentu yang dilakukan oleh orang yang boleh dikenakan cukai sebagaimana ditetapkan di bawah Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Mekanisme pendapatan semula cukai input di bawah rejim GST sebelum ini tidak terpakai kepada SST. Oleh itu, mana-mana SST yang ditanggung tidak boleh didapati semula dan akan membentuk elemen kos bagi perniagaan.

Berdasarkan Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, dana amanah saham tidak dianggap sebagai orang yang boleh dikenakan cukai atau sebagai menyediakan perkhidmatan yang boleh dikenakan cukai dan oleh itu tidak perlu didaftarkan bagi SST. Di mana Dana menanggung perbelanjaan seperti yuran pengurusan, perkhidmatan pengurusan yang disediakan oleh pengurus aset dan dana secara khusus tidak dimasukkan daripada skop Cukai Perkhidmatan. Bagi yuran lain, seperti yuran pemegang amanah dan lain-lain caj pentadbiran, ini mungkin tertakluk kepada cukai perkhidmatan 6% dengan syarat mereka berada dalam skop cukai perkhidmatan (iaitu disediakan oleh "orang yang boleh dikenakan cukai", yang melebihi ambang tahunan yang diperlukan (dalam kebanyakan kes RM500,000 setahun) dan perkhidmatan tersebut layak sebagai "perkhidmatan yang boleh dikenakan cukai").

## **Percukaian pemegang-pemegang unit**

Bagi tujuan cukai pendapatan Malaysia, pemegang-pemegang unit akan dikenakan cukai ke atas bahagian pengagihan yang boleh dikenakan cukai mereka yang diterima daripada Dana.

Pendapatan pemegang-pemegang unit daripada pelaburan mereka dalam Dana secara amnya jatuh di bawah kategori berikut:

1. pengagihan boleh dikenakan cukai; dan
2. pengagihan tidak boleh dikenakan cukai dan dikecualikan

Selain itu, pemegang-pemegang unit juga boleh merealis keuntungan daripada jualan unit-unit.

Implikasi cukai bagi setiap kategori di atas diterangkan di bawah:

### **1. Pengagihan boleh dikenakan cukai**

Pengagihan yang diterima daripada Dana hendaklah dikumpulkan dengan mengambil kira cukai yang mendasari dibayar oleh Dana dan pemegang unit akan dikenakan cukai ke atas jumlah kasar.

Pengagihan sedemikian membawa kredit cukai, yang akan disediakan untuk ditolak terhadap sebarang cukai pendapatan Malaysia yang perlu dibayar oleh pemegang unit. Sekiranya cukai yang ditolak pada sumber melebihi liabiliti cukai pemegang unit, lebihan akan dikembalikan kepada pemegang unit.

Sila rujuk kepada perenggan di bawah bagi kadar cukai pendapatan yang boleh terpakai kepada pengagihan dikumpulkan.

## 2. Pengagihan tidak boleh dikenakan cukai dan dikecualikan

Pengagihan dikecuali cukai dibuat daripada keuntungan daripada realisasi pelaburan dan pendapatan dikecualikan yang diperoleh oleh Dana tidak akan tertakluk kepada cukai pendapatan Malaysia di tangan pemegang-pemegang unit.

### Kadar cukai

Cukai pendapatan Malaysia boleh dikenakan ke atas pemegang-pemegang unit bergantung pada status residen cukai mereka dan sama ada mereka adalah individu, syarikat atau badan amanah. Kadar cukai pendapatan berkenaan adalah seperti berikut:

Pemegang-pemegang unit	Kadar cukai pendapatan Malaysia
Residen cukai Malaysia: <ul style="list-style-type: none"><li>• Pemegang-pemegang Unit Individu dan bukan korporat (seperti pertubuhan dan persatuan)</li><li>• Koperasi<sup>5</sup></li><li>• Badan amanah</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kadar cukai progresif berkisar daripada 0% hingga 28%</li><li>• Kadar cukai progresif berkisar daripada 0% hingga 24%</li><li>• 24% (Nota 1)</li></ul>

<sup>5</sup> Selaras dengan Perenggan 12(1), Jadual 6 MITA, pendapatan mana-mana pertubuhan koperasi-  
(a) berhubung dengan tempoh lima tahun bermula dari tarikh pendaftaran persatuan koperasi tersebut; dan  
(b) selepas itu di mana dana ahli-ahli [sebagaimana ditakrifkan dalam Perenggan 12(2)] pertubuhan koperasi tersebut pada hari pertama tempoh asas bagi tahun taksiran adalah kurang daripada tujuh ratus lima puluh ribu ringgit dikecualikan daripada cukai

<b>Pemegang-pemegang Unit</b>	<b>Kadar cukai pendapatan Malaysia</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemegang-pemegang Unit Korporat           <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Sebuah syarikat dengan modal berbayar berhubung dengan saham biasa tidak lebih daripada RM2.5 juta (pada permulaan tempoh asas bagi tahun taksiran)<sup>6</sup></li> <li>(ii) Syarikat-syarikat selain daripada dalam (i) di atas</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM500,000 pertama daripada pendapatan boleh dicukai @ 18%</li> <li>• Pendapatan boleh dicukai melebihi RM500,000 @ 24% (Nota 1)</li> <li>• 24% (Nota 1)</li> </ul>
<p>Residen cukai bukan Malaysia (Nota 2):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemegang-pemegang unit Individu dan bukan korporat</li> <li>• Pemegang-pemegang unit korporat dan badan amanah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 28%</li> <li>• 24% (Nota 1)</li> </ul>

**Nota 1:**

Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2017 [P.U. (A) 117] telah diwartakan pada 10 April 2017 untuk merasmikan cadangan Bajet 2017 untuk mengurangkan kadar cukai pendapatan korporat ke atas pendapatan yang boleh dicukai. Perintah Pengecualian mengecualikan orang yang layak daripada bayaran cukai pendapatan ke atas jumlah tertentu daripada pendapatan yang boleh dicukai yang diperoleh daripada sumber perniagaan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran, bagi tahun taksiran 2017 dan 2018 sahaja. Orang yang layak termasuk badan amanah yang residen di Malaysia tetapi tidak termasuk Amanah Pelaburan Harta Tanah atau Dana Amanah Hartanah. Kadar cukai pendapatan korporat akan dikurangkan antara satu hingga empat peratus mata, bergantung pada peningkatan dalam pendapatan boleh dicukai daripada sumber perniagaan (berbanding dengan tahun sebelum penilaian terdekat). Butir-butir mengenai kelayakan dan syarat lanjut yang dikenakan dinyatakan dalam Perintah Pengecualian.

**Nota 2:**

---

<sup>6</sup> Sebuah syarikat tidak akan layak bagi kadar cukai 18% ke atas RM500,000 pertama daripada pendapatan boleh dicukai sekiranya:-

- (a) lebih daripada 50% daripada modal berbayar berhubung dengan saham biasa syarikat yang secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh syarikat berkaitan yang mempunyai modal berbayar berhubung dengan saham biasa lebih daripada RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi tahun taksiran;
- (b) syarikat memiliki secara langsung atau tidak langsung lebih daripada 50% daripada modal berbayar berhubung dengan saham biasa syarikat berkaitan yang mempunyai modal berbayar berhubung dengan saham biasa lebih daripada RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi tahun taksiran;
- (c) lebih daripada 50% daripada modal berbayar berhubung dengan saham biasa syarikat dan syarikat berkaitan yang mempunyai modal berbayar berhubung dengan saham biasa lebih daripada RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi tahun taksiran yang secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh syarikat lain.

Pemegang-pemegang unit bukan residen mungkin tertakluk kepada cukai di negara mereka masing-masing bergantung pada peruntukan undang-undang cukai di negara masing-masing dan sebarang pengaturan cukai berganda sedia ada dengan Malaysia.

### **Keuntungan daripada jualan unit-unit**

Keuntungan timbul daripada realisasi pelaburan akan secara amnya tidak tertakluk kepada cukai pendapatan di tangan pemegang-pemegang unit melainkan mereka adalah syarikat-syarikat insurans, institusi kewangan atau pedagang / peniaga dalam sekuriti.

### **Pemecahan unit dan pelaburan semula pengagihan**


Pemegang-pemegang unit juga menerima unit-unit baru akibat pemecahan unit atau boleh memilih untuk melabur semula pengagihan mereka. Implikasi cukai pendapatan ini pada amnya adalah seperti berikut:

- Pemecahan unit – unit-unit baru yang diterbitkan oleh Dana selaras dengan pemecahan unit tidak akan tertakluk kepada cukai pendapatan di tangan pemegang-pemegang unit.
- Pelaburan semula pengagihan – pemegang-pemegang unit boleh memilih untuk melabur semula pengagihan pendapatan mereka dalam unit-unit baru dengan memaklumkan Pengurus. Dalam hal ini, pemegang unit akan dianggap sebagai telah menerima pengagihan dan melaburkannya semula dengan Dana.

Kami dengan ini mengesahkan bahawa, pada tarikh surat ini, pernyataan yang dibuat dalam surat ini dengan betul menggambarkan pemahaman kami mengenai kedudukan cukai di bawah undang-undang cukai Malaysia semasa dan tafsiran dan amalan yang berkaitannya, yang semuanya adalah tertakluk kepada perubahan, mungkin pada asas retrospektif. Kami tidak dilantik (melainkan diarahkan secara khusus selepas ini), tidak juga kami bertanggungjawab untuk mengawasi atau mengemas kini pernyataan bagi keadaan masa hadapan yang mungkin melibatkan pernyataan ini.

Pernyataan yang dibuat dalam surat ini tidak dihasratkan untuk menjadi analisis lengkap mengenai akibat cukai yang berkaitan dengan pelabur dalam Dana. Memandangkan keadaan tertentu setiap pelabur mungkin berbeza, kami mengesyorkan agar pelabur-pelabur mendapatkan nasihat bebas mengenai isu-isu cukai yang berkaitan dengan pelaburan dalam Dana.

Yang benar  
Ernst & Young Tax Consultants Sdn Bhd

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Bernard Yap". Above the signature, there is a small, stylized drawing of a person's head or face, possibly a logo or a doodle.

Bernard Yap  
Rakan Kongsi

Ernst & Young Tax Consultants Sdn Bhd telah memberi kebenarannya untuk memasukkan Surat Penasihat Percuaian dalam bentuk dan konteks di mana ia kelihatan dalam Prospektus Induk ini dan tidak menarik balik kebenaran tersebut sebelum tarikh Prospektus Induk ini dikeluarkan.

## **11. MAKLUMAT BERKENAAN**

### **11.1 Mengikut perkembangan dengan pembangunan Dana**

Pengurus akan menyerahkan salinan laporan tahunan Dana kepada Pemegang Unit tanpa caj dalam tempoh dua (2) bulan daripada tempoh akhir tahun kewangan Dana. Pemegang Unit boleh meminta salinan tambahan laporan tersebut dalam waktu biasa perniagaan tertakluk kepada bayaran jumlah munasabah sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Di mana berkenaan, Pengurus akan menghantar kepada Pemegang Unit baucer cukai mereka yang mengemukakan maklumat tertentu yang diperlukan untuk mengisi penyata cukai.

Pengurus akan menyiarkan berita dan maklumat penting berhubung dengan Dana pada laman web Dana di [www.oneetf.com.my](http://www.oneetf.com.my) dan/atau sebagaimana diumumkan pada laman web Bursa Securities di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com) dari masa ke masa.

Beberapa maklumat yang akan disediakan pada laman web Dana dan/atau laman web Bursa Securities termasuk:

- laporan tahunan dan interim;
- NAV setiap Unit;
- IOPV setiap Unit;
- yuran dan caj berhubung dengan Dana;
- Prospektus Induk; dan
- Penanda Aras.

Adalah menjadi tanggungjawab Pelabur untuk menimbangkan maklumat tersebut. Sila rujuk kepada seksyen bertajuk "Tempat bagi mendapat Nasihat" dalam Seksyen 11.3 Prospektus Induk ini untuk amaran dan penafian berhubung dengan maklumat yang terkandung dalam laman web tersebut.

### **11.2 Perjanjian Material**

Kecuali sebagaimana dinyatakan di bawah, tidak ada perjanjian material lain yang telah ditandatangani berkaitan dengan Dana pada tarikh Prospektus Induk ini:-

- Surat Ikatan berkenaan Dana, kedua-duanya bertarikh 4 September 2019 yang ditandatangani di antara Pengurus dan Pemegang Amanah;
- Perjanjian Lesen bertarikh 1 Ogos 2018 yang ditandatangani di antara Pengurus dan Pemberi Lesen Indeks; dan
- Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian bertarikh 15 November 2019 yang ditandatangani di antara Peniaga yang Mengambil Bahagian, Pemegang Amanah dan Pengurus.

### **11.3 Tempat bagi Mendapat Nasihat**

Semua pertanyaan, notis dan komunikasi kepada Pengurus hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar ke alamat berikut:

Kenanga Investors Berhad  
Aras 14, Kenanga Tower,  
237, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur, Malaysia.

Maklumat mengenai Dana boleh diperoleh di laman web Dana, [www.oneetf.com.my](http://www.oneetf.com.my).

Tawaran Unit-unit adalah dibuat semata-mata berasaskan maklumat yang terkandung dalam Prospektus Induk ini. Kesemua rujukan dalam Prospektus Induk ini kepada laman-laman web dan sumber lain di mana maklumat lanjut boleh diperoleh adalah hanya bertujuan untuk membantu Pelabur mengakses maklumat lanjut yang berkaitan dengan perkara subjek yang ditunjukkan dan maklumat tersebut tidak menjadi sebahagian daripada Prospektus Induk ini. Sama ada Pengurus mahupun Pemegang Amanah tidak menerima sebarang tanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang terkandung dalam laman-laman web dan sumber lain serta maklumat yang diberikan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian berkaitan dengan pengaturan di antara Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Pelabur/Pemegang Unit, sekiranya ada, adalah tepat, lengkap dan/atau terkini, dan tidak ada liabiliti diterima oleh Pengurus dan Pemegang Amanah berhubung dengan penggunaan atau pergantungan mana-mana orang ke atas maklumat yang terkandung dalam laman-laman web dan sumber lain ini kecuali, berhubung dengan laman web Dana di [www.oneetf.com.my](http://www.oneetf.com.my).

Pelabur hendaklah melaksanakan tahap kewaspadaan sewajarnya apabila menilai maklumat tersebut.

### **11.4 Dokumen untuk Pemeriksaan**

Salinan dokumen berikut boleh diperiksa di pejabat utama Pengurus semasa waktu perniagaan biasa atau tempat lain sebagaimana SC mungkin tentukan:-

- Laporan tahunan terkini Dana;
- Perjanjian material dirujuk dalam Seksyen 11.2 Prospektus Induk ini;
- Surat Penasihat Cukai dirujuk dalam Seksyen 10 Prospektus Induk ini;
- Prospektus Induk ini;
- Penyata kewangan teraudit Pengurus dan Dana bagi tiga (3) tahun kewangan yang terkini atau tempoh lebih pendek yang Dana-dana telah wujud, sebelum tarikh Prospektus Induk; dan
- Setiap kelulusan yang diberi oleh pihak-pihak sebagaimana dinyatakan dalam Prospektus Induk.

### **11.5 Persetujuan**

Pemegang Amanah, Penasihat Teknikal, peguamcara, juruaudit, peniaga yang mengambil bahagian, pembuat pasaran, ejen penempatan, pendaftar dan pemberi lesen indeks telah memberi persetujuan mereka untuk memasukkan nama dan pernyataan mereka dalam bentuk dan konteks di mana ia kelihatan dalam Prospektus Induk ini dan selepas itu tidak menarik balik persetujuan tersebut sebelum Prospektus Induk ini dikeluarkan.

Penasihat cukai telah memberi persetujuannya untuk memasukkan namanya dan surat penasihat cukai dalam bentuk dan konteks di mana ia kelihatan dalam Prospektus Induk ini dan selepas itu tidak menarik balik persetujuan tersebut sebelum Prospektus Induk ini dikeluarkan.

**Halaman ini sengaja dikosongkan**



## **Kenanga Investors Berhad**

No. Pendaftaran Syarikat 199501024358 (353563-P)

### **Ibu Pejabat**

Level 14, Kenanga Tower,  
237, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur,  
Malaysia

### **Laman Web**

[www.kenangainvestors.com.my](http://www.kenangainvestors.com.my)

### **Emel**

[oneetf@kenanga.com.my](mailto:oneetf@kenanga.com.my)

### **Talian Bebas Tol**

1-800-88-3737

